

فِسَاكَ سِلَانْجُور

PESAKA SELANGOR

Suntingan pertama-nya di-terbitkan Julai 1937
dalam tulisan Jawi dan di-kenali dengan nama
“Kenangan Selangor”



*Wan Muhammad Amin bin Wan Muhammad Sa'id berpakaian jawatan
Dato' Amar Diraja, Penghulu Inti'adat Selangor.*

PESAKA SELANGOR

Di-riwayatkan oleh
Allah Yarham Wan Muhammad Amin bin Wan
Muhammad Sa'id
*(Dato' Amar Diraja, Penghulu Isti'adat Selangor
Darul Ihsan)*

Di-susun dan di-sunting oleh
Abdul Samad Ahmad A.M.N.

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Kementerian Pelajaran Malaysia,
Kuala Lumpur
1966

Siri Perpustakaan Sekolah DBP Bil. 57

Chetakan Pertama — Jawi	1937
Chetakan Kedua, Rumi (suntingan sa-mula)	1966

(Hakcipta Terpelihara)

M
959.5115
MAW

Di-chetak oleh
Malaysia Printers Limited
Singapura

\$1.50
128366

20 FEB 1990
Perpustakaan Negar...

Kata Pengantar

Keistimewaan isi buku ini boleh-lah di-pandang dari dua segi ia-itu pertama-nya mengenai sejarah negeri Selangor dan yang kedua-nya mengenai kebudayaan yang berhubung dengan adat isti'adat Diraja Selangor, ia-itu peratoran2 dalam upachara pertabalan, melantek orang besar2, kemangkatan raja dan sa-bagai-nya.

Dari segi kebudayaan, buku ini bukan sahaja ada guna-nya, sa-kurang2-nya sa-bagai menjadi lunas untuk panduan kapada pehak yang menyelenggarakan hal ahwal adat isti'adat Diraja dalam perkara peratoran2 yang berkenaan itu, bahkan juga ber-guna kapada sa-saorang yang suka mempelajari atau menyelidiki hal ahwal kebudayaan, khas-nya mengenai peratoran2 adat isti'adat Diraja Melayu.

Dari segi sejarah pula, buku ini dapat memberi gambaran yang lebuh jelas mengenai hal ahwal yang telah berlaku di-negeri Selangor pada peringkat permulaan kerajaan Inggeris hendak bertapak, kerana periyawat-nya sendiri ada sama terlibat dan mengetahui sendiri kebanyakannya perkara2 yang di-riwayatkan-nya itu.

Buku2 mengandungi unsor2 sejarah yang di-kumpul dan di-tulis oleh bumiputera negeri ini sendiri saperti buku ini amat-lah besar erti-nya dari segi penulisan sejarah tanah ayer kita. Saya berpendapat usaha menerbitkan buku yang mengenai seja-rah tiap2 buah negeri dalam tanah ayer kita ini dari penulisan anak bumiputera sendiri patut di-galakkan, dan Dewan ini sen-diri sedang menjalankan usaha untuk memenohi tujuan itu. Bagi melaksanakan-nya maka kerjasama dari pehak orang ramai untuk mendapatkan bahan2 dan sa-bagai-nya ada-lah di-perlukan.

Syed Nasir bin Ismail
Pengarab
Dewan Bahasa dan Pustaka.



Pengenalan

Bahawa sa-nya oleh kerana di-dalam buku ini ada terkandong sa-tengah daripada peratoran isti'adat raja2 berlantek, bertabal, mangkat dan menggelar orang besar2, ia-itu peratoran yang telah di-perbuat dan di-lakukan pada masa Duli Yang Maha Mulia Sultan 'Ala'uddin Sulaiman Shah bersemayam di atas takhta Kerajaan Selangor, maka jika sa-kira-nya terdapat bertentangan hal keadaan-nya dengan masa orang2 yang di-belakang berkehendak mengadakan isti'adat yang demikian, umpama perahu boleh-lah di-jadikan lunas atau serempu-nya dan dalam pada itu pula boleh-lah di-perbuat bermacham2 mana rupa yang hendak di-pinda dan di-bangunkan supaya menjadi terlebih baik dan sempurna.

Maka ada pun peratoran raja bertabal yang akan di-sebutkan di-belakang kelak. itu pun di-ambil sa-tengah daripada ka'edah peratoran raja2 yang dahulu2 jua, tetapi ada yang di-pakai dan ada yang tidak. Sa-tengah-nya di-tukar ubah dan ada yang ditambah kerana di-timbangkan menurut sa-bagaimana keadaan peredaran masa, istimewa pula oleh perchamporan dengan bangsa asing, ada-nya.

Wan Muhammad Amin bin Wan Muhammad Sa'id

Dato' Amar Diraja, Pengbulu Isti'adat Selangor.

Kenangan Sejarah Lama

Sejarah purba berkenaan negeri yang pada masa ini di-kenali sa-bagai negeri Selangor itu boleh di-katakan hampir tiada di-ketahui langsung. Bagitu juga, bagaimana asal-nya terbit nama Selangor itu pun tidak di-ketahui dengan jelas-nya. Dalam pada itu pun dapat di-duga ia-itu mungkin nama itu di-ambil daripada nama Sungai Selangor. Ada bukti yang menunjukkan bahawa pada kawasan yang berhampiran dengan Sungai Selangor itu telah di-diami orang dari semenjak zaman purba. Bukti ini ia-lah dengan ada-nya di-jumpai sedikit2 kesan peradaban lama ia-itu merupakan sa-jenis alat yang di-perbuat dari-pada besi dan di-namakan "tulang mawas". Jenis alat purba ini ada tersimpan di-satengah2 muzium di-negara kita ini.

Sa-kali pun saperti yang di-sebutkan di atas bahawa nama negeri Selangor itu mungkin di-ambil daripada nama Sungai Selangor, tetapi nama ini tidak ada tersebut di-dalam buku2 sejarah lama, di-dalam buku "Sejarah Melayu" umpama-nya. Ada juga di-dalam satengah2 naskhah buku Sejarah Melayu, pada suatu tempat menyebut demikian: "Ada sa-orang hamba Allah di-Pasai, Tun Jana Khatib nama-nya. Maka tuan itu pergi ka-Singapura tiga bersahabat dengan tuan di-Bunguran dan tuan di-Selangor." Tetapi ada pula naskhah lain menyebut "Samarlinga" pada tempat "Selangor" itu.

Walau pun demikian, besar kemungkinan bahawa nama tempat yang di-maksudkan itu "Samarlanga", kerana Bunguran, Samarlanga dan Pasai itu berhampiran letak-nya, ia-itu di-dalam negeri yang masa ini di-sebut Aceh. Dalam hal ini ada kemungkinan bahawa huruf ejaan Jawi dalam naskhah yang terdahulu itu tiada berapa terang dan boleh mengelirukan orang yang menyalin-nya; mithal-nya tulisan itu mungkin merupakan ejaan "سالنگا" dan dalam ejaan ini mungkin huruf "mim" di-antara huruf "sin" dengan huruf "alif" itu tidak berapa terang; ini menerbitkan kekeliruan kapada penyalin-nya dengan menyangkakan ia-itu "سالنگا" yang di-anggap-nya berbunyi "Selangor".

Ada dua faktor yang harus di-perhatikan dalam mengambil kesimpulan mengenai so'al ini, pertama-nya ia-lah dengan memandang kapada perantaraan letak-nya Pasai dan Bunguran

itu dengan Selangor amat jauh di-seberang Selat Melaka, oleh itu lebih menasabah-lah ketiga2 bersahabat itu pergi ka-Singapura dari tempat2 mereka yang berhampiran, dan yang kedua-nya ia-lah pada kurun Masehi yang ke-XIV Islam telah bertapak di-Pasai dan daerah2 berhampiran-nya, kerana itu tidak hairanlah kira-nya pengembang2 ugama Islam bertumpu ka-sana. Menurut buku Sejarah Melayu, kesah mengenai Tun Jana Khatib itu berlaku-nya di-Singapura, manakala negeri Melaka di-buka dan mempunyai kerajaan ia-lah sa-sudah peristiwa itu berlaku, kedatangan ugama Islam ka-Melaka mengambil masa berpuloh2 tahun pula lama-nya kemudian. Oleh yang demikian mungkinkah Selangor sudah terkenal kapada sa-saorang pengembang ugama Islam pada zaman sa-belum negeri Melaka di-buka?

Bagaimana pun dalam buku "Sejarah Melayu" ada menyebut sa-buah tempat bernama Jeram. Tempat ini kira2 delapan batu jauh-nya daripada Kuala Selangor. Tersebut di-dalam buku "Sejarah Melayu" itu demikian: "Shahadan akan Paduka Mimah, anak Sultan Mansor Shah dengan Puteri Hang Li Po, anak raja China itu sudah hilang; ada lagi sa-orang anak baginda laki2, Paduka Seri China nama-nya, di-rajakan oleh Sultan Mansor Shah di-Jeram, hampir Langat; dan sekarang pula ada lagi kota-nya, dan orang2-nya di-Jeram itu pun baik2 bahasa-nya jika orang bertemu."

Di-sini terbukti bahawa Jeram yang berhampiran dengan Kuala Selangor itu sudah ramai pendudok-nya, hingga Sultan Melaka merasai patut dan sesuai menghantar anakanda baginda bagi merajai tempat itu. Bagitu juga nyata-lah Langat (Kuala Langat) sudah menjadi sa-buah tempat yang terkenal pada zaman Kerajaan Melayu Melaka.

Terbukti juga bahawa Jugra sudah terkenal pada zaman Kerajaan Melayu Melaka, ia-itu dengan keterangan dalam buku "Sejarah Melayu" berbunyi: "Ada pun zaman itu negeri Melaka terlalu sa-kali ramai-nya segala dagang pun berkampong; maka dari Ayer Leleh datang ka-Kuala Muar pasar tiada berputusan lagi, dari Kampong Keling datang ka-Kuala Penajoh itu pun bawa api lagi, barang di-mana berhenti di-sana ada-lah rumah orang; dari sa-belah sini hingga datang ka-Batu Pahat demikian

Sa-Datali Kata
(Bagi Cetak Pertama)


Beribus2 shukor kita uchapkan ka-hadhrat Tuhan rabbu'l 'alamin kerana dengan rahmat dan rahim-Nya juga maka dapat kita sakalian-nya menatap buku ini yang mengandungi beberapa perkara penting yang telah berlaku dalam masa negeri2 Melayu kita ini belum lagi bernaung di-bawah bendera Kerajaan Inggeris, dan terutama sa-kali daripada buku ini juga dapat kita mengetahui segala peraturan yang berkenaan dengan adat isti'adat raja2 kita. Istimewa pula kandongan-nya bukan-lah sa-mata2 meriwayatkan kesah2 yang telah berlaku di-dalam negeri Selangor sahaja bahkan berkait2an dengan hal ahwal hampir2 semua negeri2 Melayu di-dalam Semenanjong ini.

Maka dengan hal yang demikian segala usaha dan tenaga Allah Yarham yang berbahagia Dato' Amar Wan Muhammad Amin bin Wan Muhammad Sa'id kerana meriwayatkan kesah ini wajib-lah di-junjong tinggi oleh sakalian anak negeri Semenanjong yang berdarah Melayu sa-jati, serta juga di-harap mudah2an jasa Allah Yarham ini akan jadi kenang2an hingga zaman-berzaman.

Shahadan lagi kita uchapkan sa-gunong terima-kaseh kapada yang berbahagia Wan Muhammad Salleh bin Wan Muhammad Amin, Dato' Amar Diraja, Penghulu Isti'adat, Selangor masa ini, atas jasa-nya kerana memberi idzin dan menyerahkan hal mengetak buku ini kapada kita dengan membenarkan kita memperbaiki dan mengubah karangan-nya, ia-itu menurut sa-bagaimana tertib susunan yang di-kehendaki pada masa ini. Demikian juga kita sa-lama-nya tidak melupakan budi dan jasa Wan Muhammad Sa'id bin Muhammad Amin kerana berusaha menolong mencharikan apa2 jua kehendak kita berkenaan dengan buku ini.

Abdul Samad bin Ahmad, Kelang.

Jun, 1937.



Isi-mya

KATA PENGANTAR	v
PENGENALAN	vii
SA-PATAH KATA (Bagi Cetakan Pertama)	ix
KENANG2AN SEJARAH LAMA	xv
I. KATA PERMULAAN	1
Raja Muda Musa Mangkat; Perhubungan Karabat Diraja Selangor-Kedah.		
II. KESAH PERANG KELANG	6
Hendak menuntut bela; Permulaan Perang Kelang; Raja Mahdi keputusan belanja; Bekalan untuk pehak Raja Abdullah; Bedilan ² saperti "berteh di-goreng"; Orang tua-ku hendak di-tawan; Abang-ku di-tawan musoh; Orang tua-ku di-suroh ka-Singapura.		
III. AKU DAN ABANG-KU DI-DALAM TANGAN MUSOH	15
Orang harapan Raja Mahdi terbunoh; Raja Ismail mengaku kalah; Dato' Bandar dan Dato' Menteri terbunoh; Menchari bantuan hendak melanggar musoh; Di-tawan oleh musoh; Melanggar kubur; Ajal-ku belum sampai; Surat mengandungi titah Sultan; Tidak dapat keluar Kota.		
JV. KEDATANGAN TENGKU DHIA'UDDIN DAN KESUDAHAN PERANG KELANG	30
Raja Mahdi enggan di-damaikan; Raja Mahdi Keluar Dari Kota; Menyerahkan Kota kepada musoh; Raja Sulaiman terbunoh.		
V. PERANG BERBANGKIT SA-MULA DI-SELANGOR	38
Perompak China masok ka-Kuala Selangor; Perang di-Kuala Selangor dan di-Kuala		

Lumpur; Menchari bantuan ka-Pahang; Angkatan perang dari Pahang sampai; Peperangan selesai di-seluroh Selangor; Korban jiwa dalam masa perang; Tiga kali mengikut orang berperang.	
VI. PERJANJIAN KERAJAAN SELANGOR DENGAN INGGERIS	51
Inggeris di-minta mentadbir 25 tahun sa- haja; Chara2 pertadbiran mulai di-susun; Kurniaan2 penchen; Akibat perbuatan "beraja di-hati".	
VII. KEMANGKATAN D.Y.M.M. SULTAN ABDUL SAMAD	59
Kebaktian dan jasa Raja Muda; Sultan Abdul Samad mangkat; Seluroh Selangor berka- bong; Persediaan2 untuk isti'adat perma- kaman; Raja Muda di-ishtiharkan ganti Sultan; Isti'adat memakamkan jenazah.	
VIII. D.Y.M.M. SULTAN 'ALA'UDDIN SULTAN SULAIMAN SHAH DI-ATAS TAKHTA KE- RAJAAN SELANGOR	72
Tafsiran bagi bendera Selangor; Menggelar orang besar2; Tengku Ampuan Mahrum merajok; Usaha2 mengajak balek Tengku Ampuan; Ikhtiar yang penghabisan; Belayar balek ka-Kelang.	
IX. ISTI'ADAT PERTABALAN D.Y.M.M. SULTAN DAN TENGKU AMPUAN	87
Persediaan meletak kerja isti'adat; Per- siapan2 tertib isti'adat; Tertib pakaian dalam masa isti'adat; Temasha2 perayaan; Isti'adat bersiram tabal; Isti'adat kemahkotaan; Isti- 'adat Mengurnia gelaran	

Daftar Gambar

	Gambar
1. Wan Muhammad Amin bin Muhammad Sa'id permulaan	
2. Sultan Abdul Samad dan Orang Besar2 Selangor.	4
3. Sultan Abdul Samad — Sultan Selangor Yang Ke-IV.	27
4. Tengku Kudin (Dhia'uddin)	31
5. Syed Mashhor.	40
6. Bukti penggunaan bahasa kebangsaan dalam tahun 1880.	43
7. Raja Haji Bot.	63
8. Sempena Pertabalan Sultan 'Ala'uddin Sulaiman Shah.	73
9. Sultan 'Ala'uddin Sulaiman Shah.	88
10. Wan Muhammad Salleh bin Wan Muhammad Amin.	105



juga, kerana masa itu ra'ayat Melaka sembilan belas laksa banyaknya yang di-dalam negeri juga."

Di-antara nama2 tempat di-dalam negeri Selangor yang terdapat di-dalam sejarah ia-lah Kelang. Nama Kelang ada termasuk di-antara nama2 negeri dan tempat2 yang tersebut di-dalam kekawin Negarakeretagma (terchipta T.M. 1365) kajaran Prapancha, sa-orang pujangga mashhor pada zaman Kerajaan Majapahit meningkat ka-punchak kebesaran-nya, ia-itu dibawah pemerentahan Perabu Hayam Wuruk.

Sa-bagai membuktikan betapa terkenal-nya Kelang dan Langat pada zaman yang telah lalu, hingga memerlukan nama kedua buah tempat itu di-sebut di-dalam jampi mantera to'2 pawang, ia-itu apakala mereka hendak belayar dan memohon supaya turun angin paksa dengan kata2:

"Getar-lah angin sa-jarum dua jarum,
Berat membawa dagangan sa-orang,
Ka-Kelang berulang makan,
Ka-Langat berulang mandi;
Mari enche' mari-lah tuan,
Uraikan rambut yang panjang lampai."

Ini membuktikan bahawa dari semenjak zaman purba lagi Kelang mempunyai kedudukan istimewa sa-bagai sa-buah tempat yang ma'mor dan ramai pendudok-nya, hingga terkenal menjadi tempat makanan yang mewah, dan Langat pula hingga ka-hari ini menjadi tempat tumpuan orang mandi kerana keindahan pantai-nya.

Menurut buku "Sejarah Melayu" pada zaman Sultan Mudzaffar Shah merajai Melaka, Tun Perak, anak Bendahara Seri Wak Raja telah di-hantarkan ka-Kelang menjadi Penghulu, kerana penghulu di-Kelang itu tidak di-sukai oleh anak buah-nya. Ini membuktikan bahawa Kelang pada zaman Kerajaan Melayu Melaka itu sudah bagitu ramai pendudok-nya hingga memerlukan di-hantar sa-orang anak Bendahara untuk menjadi Penghulu di-situ. "Sejarah Melayu" juga mencheritakan ia-itu tatkala Siam menghantar bala tentera-nya hendak melanggar Melaka, Tun Perak telah membawa orang2 Kelang bersama2 dengan perempuan2 mereka. Tun Perak yang pada mula-nya memegang jawatan sa-bagai Penghulu Kelang itu, kemudian-nya telah termashhor menjadi sa-bijak2 Bendahara Melaka.

Sa-lepas berlaku peristiwa kejatohan Kerajaan Melayu Melaka pada T.M. 1511 itu, dan kemudian-nya terdiri sa-mula Kerajaan Melayu Johor, ia-itu menepati maksud peribahasa "*Patah tumbob hilang berganti*", maka Kelang berserta dengan beberapa buah daerah yang masa ini terjumlah menjadi daerah2 Negeri Sembilan, telah beraja ka-Johor, tetapi kemandian-nya oleh berlaku sa-suatu perselisihan maka daerah2 itu telah berputus dengan Johor. Penghulu atau ketua yang memerentah Kelang bergelar To' Engku Kelang, dan gelaran ini mungkin telah ber-asal dari semenjak kurun Masehi yang ke-XVII ia-itu dalam masa Kelang di-bawah kuasa Kerajaan Johor.

Berikut dengan peristiwa putus-nya perhubungan di-antara Johor dengan daerah2 yang tersebut itu, maka berusaha-lah ketua2 pada zaman itu bagi menentukan sempadan antara tiap2 buah daerah yang berkenaan. Dalam sa-buah naskhah lama bernama "*Teromba Salasilab Jelebu*" ada tersebut di-antara lain2 demikian bunyi-nya:-

".....Batin Mahagalang tadi membuboh sempadan antara laut dengan darat antara undang Yang Empat. Batin Mahagalang membuboh sempadan di-Pulau Upah tempat jejak Batin Terjali meninggalkan tanah Johor lalu Kuala Muar. Batin Mahagalang lalu memahat batu, lalu di-tanam bahagian antara laut dengan darat di-situ-lah terbuboh sempadan laut dengan darat de' Batin Mahagalang.

Batin Mahagalang membuboh sempadan antara Jelebu dengan Johol leban besi, batu berdinding lantak temiang tumpat. Habis, di-buboh pula sempadan Jelebu dengan Semujong sama sa-rumpun nibong tengah ayer Bukit Tangga. Habis, di-buboh sempadan de' Batin Mahagalang antara Semujong dengan Kelang tungkul si-jaga-jaga, langkap berjuntai. Maka terbuboh pula sempadan Jelebu dengan Pahang, Batin Mahagalang juga yang membuboh sempadan itu meranti sembilan, merebau sa-ratus. Terbuboh juga oleh Batin Mahagalang sempadan Jelebu dengan Kelang lebak bergoyang, pulai bersila, genting Piras."

Berhubong dengan perang Kelang saperti yang tersebut kesah-nya dalam buku ini, maka ada sa-rangkap pantun lama yang jelas membayangkan rasa hampa dan kechewa, di-perchayai telah di-karang oleh sa-orang yang memehak atau bersimpati

kapada Raja Mahdi, berkenaan dengan maksud pantun ini ter-serah-lah kapada pembacha sendiri mentafsirkan-nya. Pantun itu berbunyi:-

Masa perang negeri Kelang
Tengku Kudin menjadi Raja,
Bunga sa-kuntum di-sambar helang
Jatoh ka-laut di-sambar naga.

A. Samad Ahmad.



I

KATA PERMULAAN

Bismi'llahi 'r-Rahmani 'r-Rahim.

Al-hamdu lillah i'l ladzi ja'ala kulla shaien biqudratih wa mughayyiri'd duhuuri bihikmatih. Wassala-tu wassala-mu 'ala Sayyidina Muhammad wa'ala a-lihi wa asha-bihi ajma'in. (Segala puji bagi Allah yang telah menjadikan segala suatu dengan kudrat-Nya dan yang mengubahkan zaman dengan hikmat-Nya. Dan salawat dan salam di atas junjongan kita Nabi Muhammad dan di atas keluarga-Nya sakalian), wabihinasti'inu — dan dengan-Nya juga kami minta pertolongan — bagi mengatorkan peri kesah sa-tengah daripada ahwal diri-ku dan kesah Perang Kelang barang yang aku dapati dan ketahui akan dia, ia itu pada masa Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan 'Alau'ddin Sulaiman Shah di atas takhta kerajaan negeri Selangor, Daru'l Ihsan, serta dengan daerah ta'alok-nya, masa itu aku di-dalam jawatan yang di-kurniakan pangkat Dato' Amar Diraja, Penghulu Isti'adat.

Bahawa dengan sa-sunggoh-nya, pada waktu itu-lah baharu di-bukakan Allah Subhanahu wa Ta'ala akan hati-ku ingat dan berhajat hendak mengusahakan dia; pada hal boleh di-kata sudah lewat daripada masa-nya, kerana umor-ku lebeh kurang sudah tujuh puluh tiga tahun, otak pun sudah kekeringan dan tiada berapa basah lagi. Tuboh-ku pun selalu udzor, peringatan tenggelam timbul, istimewa pula pengetahuan-ku tersangat kurang. Lagi pula sa-memang-nya aku bukan ahli dalam hal karang me-

ngarang, oleh yang demikian tiada-lah sempurna peratoran-nya, melainkan sentiasa changgong dan janggal segala susunan ayat dan perkataan-nya. Dalam pada itu besar-lah harapan-ku moga² segala yang ku-tuliskan ini akan jadi suatu peringatan pada masa peninggalan aku kelak, kerana di-dalam-nya boleh-lah di-ketahui sa-tengah daripada perihal ahwal-ku oleh anak chuchu-ku dan orang² yang kemudian; terutama-nya mudah²an akan jadi ingatan dan kenangan tuan-ku dan raja-ku Duli Yang Maha Mulia Sultan 'Alau'ddin Sulaiman Shah G.C.M.G., K.C.V.O. Yang di-Pertuan bagi negeri dan jajahan Kerajaan Selangor; di-pelihara Allah hendak-nya hingga kapada yang mulia² anak anda dan chuchunda baginda, berhubong kekal di atas kerajaan dengan kebesaran dan kermuliaan dari dunia hingga ka-akhirat, ada-nya.

Bahawa aku mulai menuliskan riwayat ini pada tarikh 11 haribulan Jamadi'l Awwal hijrat Nabi S.A.W. sanah 1338, bersamaan dengan 1 haribulan Februari tahun Masehi 1920; segala bahan²-nya telah ku-pungut dan himpukkan daripada buku² peringatan-ku yang tertulis di-situ sadikit, di-sana sadikit dengan beberapa susah payah, maka akhir-nya al-hamdu lillah dapat-lah juga aku menuliskan sa-berapa yang terdapat oleh-ku. Dalam pada itu, ta' dapat tiada banyak-lah perkara² yang terlupa dan terkhilaf, kerana itu tiada-lah ku-sebutkan dan satengah²-nya senghaja tiada ku-ambil. Maka dengan hal yang demikian tentu-lah ada perkara² yang ku-tuliskan itu terlebih atau terkurang daripada keadaan yang sa-benar-nya. Di-harap Tuhan jua meng-ampunkan di atas diri-ku.

Raja Muda Musa Mangkat

Wab'a'd-al kalam al-mazkur bi'auni 'llahi 'I 'azizi'l Ghafuri, aku mulai mencheterakan al-kesah raja-ku Duli Yang Maha Mulia Sultan Abdul Samad. Bahawa putera Duli Yang Maha Mulia itu yang sulong-nya ia-lah bernama Raja Musa, ia-itu putera baginda dengan Raja 'Arfa, timang²an Engku Anjang, puteri al-Marhum Sultan Muhammad. Maka ka-bawah duli baginda telah mengangkat paduka anakanda baginda, Raja Musa itu menjadi Raja Muda. Sa-sunggoh-nya pada masa itu-lah Yang Teramat Mulia Raja Muda membuka kebun nyior di-Bandar Tema-

sha, Langat¹⁾. Maka dengan takdir Allah Subhanahu wa Ta'ala Yang Teramat Mulia pun mendapat gering, dan pada 7 haribulan Julai tahun 1884, bersamaan dengan 13 haribulan Ramadhan 1301, sampai-lah hukum Allah Ta'ala, mangkat-lah Yang Teramat Mulia, kembali ka-rahmatu'llah Ta'ala, dan di-makamkan di-Bukit Jugra dengan sempurna-nya mengikut adat isti'adat bagi pangkat Raja Muda.

Manakala telah mangkat-lah paduka anakanda Raja Muda Musa itu maka di-lantek pula oleh baginda Sultan Abdul Samad paduka chuchunda baginda, ia-itu Raja Sulaiman, putera paduka anakanda Raja Muda Musa, bagi menggantikan al-Marhum paduka ayahanda-nya menjadi Raja Muda. Isti'adat melantek ini telah di-sempurnakan di-dalam dewan balairong singgahsana kerajaan di-Bukit Jugra menurut adat isti'adat purbakala pada 10 haribulan Disember tahun 1887.

Ada-lah aku pada masa itu berkhidmat di-dalam jawatan Jurutulis bagi surat2 Melayu kapada Yang Berhormat British Residen, Selangor, Tuan G. P. Rodger, dudok di-Kuala Lumpur dengan anak isteri-ku, dan pada masa itu anak-ku baharu dua orang.


Bahawa pada masa Yang Teramat Mulia itu di-lantek menjadi Raja Muda, usia-nya lebih kurang 22 tahun, kerana tarikh Yang Teramat Mulia itu zahir ka-dunia ia-lah pada 11 haribulan September tahun 1865, bersamaan dengan 19 hari-bulan Rabi'il-Akhir tahun Hijrah 1282 pada hari Isnin.

Perhubungan Karabat Diraja Selangor-Kedah

Sa-sudah paduka chuchunda baginda, Raja Sulaiman itu di-lantek menjadi Raja Muda maka dalam bulan Sha'ban tahun Hijrah 1308 Yang Teramat Mulia itu pun telah di-kahwinkan dengan paduka chuchunda baginda, Tengku Mahrum ia-itu puteri kapada Yang Teramat Mulia Tengku Dhia'uddin Ibni al-Marhum Paduka Seri Sultan Zainul Rashid Halim Shah, Yang di-Pertuan negeri Kedah, Darul Aman dengan Raja 'Arfah puteri kapada Duli Yang Maha Mulia Sultan Abdul Samad.

Sa-sunggoh-nya Tengku Mahrum itu sahaja-lah sa-orang puteri kapada Yang Teramat Mulia Tengku Dhia'uddin di-

1) dalam daerah Kuala Langat — berhampiran dengan Banting.



Duli Yang Maha Mulia Sultan Abdul Samad berjerta Orang Batai Selangor. Di-kiri bunginda adalah obahanda bagianda. Tengku Sultan Ibu Raja Muda Muda yang kemudian dia mampat kebha kerajaan Selangor dengan gelaran Sultan 'Aldaddin Salatiman Shah.

Selangor, ia-itu dalam masa Yang Teramat Mulia itu di-kurniankan oleh paduka ayahanda mertua-nya, Sultan Abdul Samad, memegang jawatan menjadi Wais Royal (Vice Roy).²⁾ Kur-niaan jawatan ini ia-lah menurut kehendak yang terkandong di-dalam surat kuasa yang bertarikh pada tahun Hijrah 1285, ia-itu menyatakan bahawa Yang Teramat Mulia itu berkuasa pada mengaman dan mentadbirkan negeri Selangor dengan segala jajahan ta'alok-nya, serta memadamkan segala pergaduhan di-an-tara anak raja2 warith kerajaan yang berbuat perang, terutama-nya sa-kali berkenaan dengan pergaduhan di-antara Raja Mahdi bin Raja Sulaiman bin Sultan Muhammad,³⁾ ia-itu anak saudara sa-pupu kapada Duli Yang Maha Mulia Sultan Abdul Samad, berperang dengan Raja Abdullah ibni al-Marhum Raja Ja'afar Riau, ipar sa-pupu kapada Sultan Abdul Samad, kerana Raja Abdullah ini beristerikan Raja Khalijah, puteri Raja Haji ibni al-Marhum Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim.⁴⁾

Ada pun Raja Abdullah itu telah memperolehi kuasa mem-remtah di-dalam Kelang, dan juga berkuasa bagi memasokkan orang China untuk membuka pekerjaan lombong timah di-Ulu Kelang, dan menjadikan bandar Kuala Lumpur, tetapi Raja Abdullah tetap juga dudok di-Kelang, ia-itu di-Pengkalan Batu.⁵⁾

-
- 2) Jawatan ini pada masa itu di-sebut dalam bahasa Melayu "Wakil Mutlak".
 - 3) Sultan Selangor yang ke-III.
 - 4) Sultan Selangor yang ke-II.
 - 5) Sa-belum ada jambatan menyeberangi Sungai Kelang, kawasan pantai di-sabelah kiri sungai di-pekan Kelang itu di-namakan Peng-kalan Batu dan di-seberang-nya pula di-namakan Pengkalan Kampar.

II

KESAH PERANG KELANG

Ada pun perang saudara di-Selangor, ia-itu peperangan diantara Raja Mahdi dengan Raja Abdullah seperti yang tersebut pada penghujung bab yang lalu ia-lah terkenal dengan sebutan "Perang Kelang". Puncak terbit-nya peperangan itu di-sebabkan perkelahian di-antara orang2 Bugis dengan anak pergalah⁶⁾ orang Batu Bahara. Mereka itu bertikam dan berbunoh2an di-dalam kubu Dato' Bandar Yasih, di-Kuala Lumpur.

Dalam perkelahian itu maka mati-lah sa-orang anak Batu Bahara bernama Enche' Rasul, kerana orang2 Bugis itu ramai. Dalam pada itu pun ada juga beberapa orang Bugis yang luka, tetapi tiada berapa parah di-tikam oleh Enche' Nonggok, yang kemudian-nya bergelar Dato' Dagang, dan sa-sudah ia naik haji nama-nya Haji Muhammad Tahir.

Ketua orang Bugis itu dua orang, sa-orang bernama Silawatang dan yang sa-orang lagi Wak Sigalah nama-nya; dan ketua orang Batu Bahara pula bernama Enche' Muhammad 'Akib, ia-itu abang kepada Enche' Nonggok.

Hendak menuntut bela

Sa-sudah peristiwa ini berlaku maka tiada-lah puas hati Enche' Muhammad 'Akib, kerana anak buah-nya mati dengan

6) Anak2 perahu atau rakit yang menggunakan galah bukan-nya pengayuh di-sungai2 yang chetek ayer-nya, terutama sa-kali mudek ka-hulu sungai.

tiada berbela, istimewa pula pehak yang melakukan pembunuhan itu tiada mendapat apa2 hukuman daripada Raja Abdullah. Maka kerana itu sentiasa-lah Enche' Muhammad 'Akib menchari jalan hendak membuat pergaduhan dengan orang2 Bugis itu. Oleh hal yang demikian, maka berkira-lah Enche' Muhammad 'Akib dengan Raja Mahdi, kata-nya, "Sa-kira-nya Engku hendak berperang dengan Raja Abdullah, patek serta dengan sakalian anak2 dagang yang jadi pengikut2 patek sedia berkhidmat bagi mengerjakan pekerjaan Engku dengan sa-daya upaya, sa-kali pun hingga habis nyawa redha-lah patek2 sakalian."

Apabila Raja Mahdi mendengar pengakuan yang demikian itu amat-lah sukachita hati-nya sa-olah2 "orang mengantok di-sorongkan bantal", kerana ia telah sedia berdendam dan sakit hati kapada Raja Abdullah yang telah jadi kaya raya oleh mendapat chukai berpuluhan ribu ringgit sa-tiap bulan. Pada hal masa dahulu-nya, ia-itu masa ayahanda-nya, Raja Sulaiman, memerentah Kelang perolehan tiada-lah berapa banyak, kerana belum ada orang China masuk membuat kerja lombong, melainkan hanya orang2 Melayu sahaja membuat kerja melampau dan merayau mengambil bijeh di-dalam sungai. Dalam pada itu sentiasa-lah juga Raja Mahdi di-beri oleh Raja Abdullah wang belanja bulan2, akan tetapi wang pemberian ini tidak juga mencukupi bagi-nya.

Permulaan Perang Kelang

Mengikut yang aku ketahui bahawa tarikh Perang Kelang itu ia-lah pada tahun Hijrah 1283.⁷⁾ Sebab-nya maka dapat aku mencheritakan kesah perkelahian orang Bugis dengan orang Batu Bahara itu, meski pun aku maseh budak lagi, tetapi aku ingat kerana tatkala berlaku peristiwa pertikaman itu aku ada di-Kuala Lumpur, dudok di-kawasan luar kubu Dato' Bandar. Ada pun orang tua-ku⁸⁾ Wan Muhammad Sa'id, pada masa itu menjadi jurutulis menimbang timah saudagar2 Melayu dan China untuk di-bawa hilir ka-Pengkalan Batu, Kelang, dan di-jual ka-Melaka. Chukai timah itu di-chabut pada sa-bahara⁹⁾ satu

7) T.M. 1866.

8) bapa.

9) berat timbangan-nya berlainan antara benda2 yang tertentu, misalnya emas 1 bahara berat-nya 10 katì, tetapi kayu chendana per-

ringgit ia-itu habuan Dato' Bandar. Ada pun bayaran kapada perahu hilir membawa timah itu lima puloh sen, dan tebus pas lima belas sen, ia-itu untok habuan orang tua-ku kerana ia tidak bergaji.

Kembali sa-mula aku menceritakan hal berkenaan Perang Kelang, ada pun peperangan itu berlaku di-kawasan Pengkalan Batu, Kelang, orang2 Bugis berkubu di-Gudang Raja Abdullah yang sekarang ini di-gunakan sa-bagai Balai Polis, dan orang2 Batu Bahara berkubu dalam Kota¹⁰⁾ Raja Mahdi, pada kawasan tepi sungai, ia-itu kira2 suku batu sahaja jarak antara-nya — antara Gudang dengan Kota itu. Akan Raja Abdullah apabila di-lihat-nya peperangan akan berlaku maka ia pun berangkat ka-Melaka membawa anak isteri-nya dengan kapal api roda lambong bernama "Kimbul". Orang2 yang tinggal di-dalam Gudang itu ia-lah putera-nya Raja Ismail serta Raja Hassan, dan Yang Teramat Mulia Tengku Ampuan Besik, isteri al-Marhum Sultan Muhammad pun ada bersama di-dalam Gudang itu.

Pada masa peperangan itu hampir berlaku, aku serta abang-ku dan orang tua-ku ada di-Melaka membawa timah di-dalam sekunar¹¹⁾ kepunyaan Raja Abdullah yang bernama "Gajah Tunggal". Jeragan¹²⁾-nya Enche' Muhammad Arif, pangkat datok kapada-ku, kerana isteri-nya Che' Latifah itu peratoran sa-pupu datok-ku Enche' Bahir. Tatkala sekunar itu telah mendapat muatan, sa-konyong2 tiba pula suatu perkhabaran mengatakan Raja Abdullah sudah keluar dari Kelang. Oleh yang demikian tidak-lah jadi sekunar itu belayar, kerana ia terpaksa menanti Raja Abdullah sampai ka-Melaka. Maka kerana itu orang tua-ku pun menambang pula sa-buah perahu nadir¹³⁾ minta hantar ka-Kelang dengan sewa-nya sa-banyak \$50/-. Ada pun ketua perahu itu bernama Tambi Lasim, anak perahu-nya dua orang dan orang menambang empat orang, ia-itu orang tua-ku, abang-ku, aku dan Pa' Haji Abdullah Kepiting.

samaan berat 6 pikul — agar2 12 pikul. Menurut kamus Melayu — Inggeris oleh Winstedt 1 bahara = 3 pikul atau 400 lb. kamus Melayu-Inggeris Wilkinson — berat 1 bahara = 460 lb dan harga 1 bahara bijeh \$14/-. Kamus Marsden — 1 bahara berat-nya 560 lb.

10) Masa ini tempat terletak-nya Pejabat Bandaran Kelang.

11) kapal yang mempunyai dua layar.

12) nakhoda kapal orang Melayu.

13) jenis perahu kolek besar.

Bertolak-lah nadir itu daripada Melaka, belayar sa-hari sa-malam, dan esok-nya baharu-lah sampai ka-Kelang lalu berhenti di-Sungai Dua, Rantau Panjang; kerana pada waktu hendak pergi ka-Melaka dahulu itu emak-ku dan saudara2-ku tinggal di-ladang menuai padi bersama dengan bapa saudara-ku bernama Enche' Konting, ia-itu abang kapada emak-ku. Sa-sunggoh-nya pada tahun itu segala ladang2 padi orang dari Telok Kapas sampai ka-Hulu Tanjong Putus terlalu-lah jadi-nya.

Apakala sampai ka-Sungai Dua, maka kami pun singgah dan orang tua-ku pun membayar tambang nadir itu sa-banyak \$50/-. Kemudian nadir itu pun mudek ka-Pengkalan Batu menghantar Haji Abdullah Kepiting, kerana ia hendak mengadap Raja Mahdi, sa-sudah itu baharu-lah hilir balek ka-Melaka. Maka akan orang tua-ku empat lima hari sa-kali mudek ka-Pengkalan Batu mengadap Raja Mahdi di-Kota. Terkadang2 aku mengikut bersama2 kerana berjumpa emak saudara-ku, Che' Gayah binti Dato' Kaya Muhammad Ali, isteri Raja Mahdi, ia-itu saudara sa-pupu emak-ku.

Raja Mahdi Keputusan Belanja

Sa-panjang yang ku-ketahui bahawa dalam peperangan itu anak negeri, ya'ani orang2 Melayu tidak menyebelahi mana2 pehak, sama ada pehak Raja Mahdi atau pun di-sabelah pehak Raja Abdullah. Sakalian mereka berkumpul di-ladang2 dan di-kampung2. Rumah2 mereka di-pagar dengan kukoh-nya serta di-buat benteng dan di-kawal siang dan malam, takut kalau2 orang2 Mandeleng yang menyebelahi pehak Raja Mahdi itu membuat kachau.

Beberapa lama-nya dalam keadaan yang sa-demikian maka Raja Mahdi pun keputusan belanja serta kekurangan beras dan ubat bedil. Sunggoh pun banyak padi di-ladang2 orang dari Telok Pulai membawa ka-Telok Gadong, tetapi tuan-nya semua sa-kali habis melarikan diri ka-Langat¹⁴⁾, tinggal-lah ladang-nya tiada bertunggu; jadi tiada-lah siapa yang hendak menuai, lagi pun susah pula hendak menumbok-nya. Bagitu juga sunggoh pun banyak ubat bedil yang di-ambil dari Kuala Selanggor, tetapi keadaan-nya tiada berapa baik kerana sudah hanchor saperti

14) Kuala Langat.

tepong, al-ma'alum-lah ubat bedil itu sudah terlalu lama, ia-itu dari semenjak Holanda memerangi Selangor¹⁵⁾ lagi. Maka apakala dapat ubat bedil itu lalu di-perbuatkan suatu tempat yang di-ikat dengan batu dan di-tarohkan ubat bedil itu di-dalamnya, demikian juga meriam² yang di-Kuala Selangor itu semua-nya di-bawa ka-Kelang.

Maka pada suatu hari Raja Mahdi telah menitahkan orang tua-ku supaya pergi ka-Melaka mendapatkan Baba Teck Chang minta tolong wang, ubat bedil, beras serta alat senjata. Perjanjian-nya ia-lah apakala selamat menang perang, hutang itu boleh-lah di-bayar, dan bunga-nya pun boleh-lah di-kira.

Pada ketika yang baik maka baylor-lah orang tua-ku ka-Melaka bersama dengan Haji Abdullah Kepiting. Maksud Raja Mahdi itu pada akhir-nya berjaya jua. Sa-sudah itu baharu-lah maju dan sempurna sadikit kelengkapan perang pehak Raja Mahdi, dan bantuan orang² Mandeleng dari Kuala Lumpur pun baharu-lah datang dengan di-ketahui oleh Raja Asal dan Raja Bernang.

Bekalan Untuk Pebak Raja Abdullah

Orang² Bugis yang di-dalam gudang Raja Abdullah itu pun pada masa itu telah putus makanan, kerana barang² makanan tiada dapat di-bawa masok sebab sentiasa di-jagai oleh orang² Raja Mahdi daripada Kota di atas bukit itu. Tetapi hal yang saperti itu tiada-lah berkepanjangan kerana angkatan Raja Abdullah telah tiba dari Melaka membawa barang² makanan serta ubat bedil dengan sa-chukup-nya. Barang² ini di-bawa dengan sekunar "Gajah Tunggal" dan di-dalam kapal api roda lambong "Kimbul". Sa-lain dari itu ada tiga buah lagi, ia-itu sa-buah perahu sekunar bernama "Porket", sa-buah pinas¹⁶⁾ bernama "Seri Putar" dan sa-buah sekochi¹⁷⁾ layar bernama "Salasilah".

Apabila sampai di-Kuala Kelang maka perahu yang empat buah itu pun di-tunda oleh kapal "Kimbul". Hingga waktu maghrib baharu-lah sampai ka-Telok Kapas, lalu berlabuh dan

15) Dalam bulan Julai 1784.

16) kapal pembawa barang².

17) jenis perahu, biasa-nya di-gunakan untuk penyelamat apabila kapal dalam kechelakaan.

bermalam di-situ. Pada pagi esok-nya lebeh kurang pukul delapan baharu-lah kapal itu mudek sa-mula dengan menunda perahu2 yang empat buah itu.

Bedilan2 saperti "Berteh di-goreng"

Maka apakala sampai sahaja angkatan Raja Abdullah itu di-Pengkalan Batu, orang2 daripada Kota Raja Mahdi pun ta'lengah lagi lalu membedil dengan meriam dan senapang. Orang2 yang di-dalam kapal dan perahu2 itu pun tidak pula ketinggalan membalaus bedilan2 itu. Pada waktu itu aku dengar bunyi bedil saperti "berteh di-goreng", tetapi sangat hairan hati-ku, kerana sa-butir peluru pun tiada mengenai ka-dalam Kota, melainkan kesemua-nya jatoh di-kaki Kota sahaja, ada sa-tengah-nya terlepas pula ka-atas.

Ada pun peluru2 yang di-bedilkan daripada Kota Raja Mahdi di-antara beberapa banyak itu ada juga sa-butir peluru meriam yang mengenai serombong kapal "Kimbul", dan peluru2 senapang sunggoh pun saperti hujan banyak-nya, tetapi sa-butir pun tiada mengenai orang, kerana masing2 berlindong di-sabalek apilan.¹⁸⁾ Maka dalam pada tembak menembak itu kapal itu terus juga mudek ka-hulu, lalu berlaboh di-sabalek Tanjung Kampong Kuantan. Hingga sampai waktu maghrib baharu-lah kapal itu hilir sa-mula, lalu berlaboh di-kuala Tanjung Putus.

Sekunar "Gajah Tunggal" itu tidak mengikut bersama, kerana di-dalam-nya ada bermuat barang2 makanan dan lain2 lagi. Anak2 raja yang ada di-dalam kapal, sekunar dan perahu2 itu ia-lah Raja Empih, Raja Muhammad, putera Raja Abdullah, Raja Abdul Jalil, Raja Ya'akob serta anak2-nya, dan Raja Budu, adek kapada Raja Khalijah ia-itu ipar kapada Raja Abdullah.

Pada petang esok-nya maka naik-lah beberapa orang dari perahu2 itu ka-darat Sungai Dua, kerana mereka itu telah mendapat khabar menyatakan bahawa orang tua-ku ada di-situ, tetapi mujor juatatkala kapal itu mudek ka-Pengkalan Batu, sakalian orang yang ada di-ladang itu semua-nya habis undor ka-darat belaka. Mereka itu mendirikan beberapa buah pondok tempat beranggar sementara di-dalam hutan yang berhampiran. Orang2

18) Papan tebal atau papan besi di-muka tiang depan yang di-pakai sa-bagai perisai atau kubu ketika berperang.

yang tinggal di-rumah2 dalam ladang itu hanya-lah abang-ku, Wan Soloh dan Haji Abdul Wahab, ia-itu pangkat datok kapada-ku.

Orang Tua-ku Hendak Di-tawan

Lebih kurang pukul lima petang maka sampai-lah orang2 dari sekunar dan perahu2 itu ka-rumah, lalu di-teriak-nya nama orang tua-ku, maka keluar-lah abang-ku dan Haji Abdul Wahab. Di-lihat-nya orang yang berteriak itu ia-lah Enche' Laba, ia juga pangkat datok kapada-ku, bersaudara dua pupu dia dengan datok-ku. Maka ia pun bertanyakan di-mana orang tua-ku. Lalu di-jawab oleh abang-ku bahawa ia ada di-darat. Pada waktu itu fikiran Enche' Laba berbelah2, hendak pun ia pergi ka-darat mendapatkan bapa-ku takut kalau2 ta' sempat, kerana hari sudah hampir malam. Oleh itu di-ajak-nya abang-ku berserta Haji Abdul Wahab turun ka-Porket; maka pergi-lah abang-ku sama2 Haji Abdul Wahab mengikut-nya.

Pada pagi esok-nya pula kira2 pukul sembilan, naik-lah pula orang2 perahu itu lebeh kurang tiga puluh orang ramai-nya, dan Enche' Laba pun naik juga, abang-ku di-bawa-nya bersama2. Ada pun Haji Abdul Wahab tinggal di-Porket tiada di-bawa naik, kerana pada malam ia sampai di-Porket itu dengan sa-konyong2 fikiran-nya menjadi tidak tentu sebab hati-nya terlalu susah. Oleh yang demikian terpaksa-lah di-pasong tangan-nya, takut kalau2 ia mengamok.

Pada pagi itu tatkala bapa saudara-ku Enche' Embib turun ka-pondok ladang, tiba2 kelihatan-lah oleh-nya orang2 itu datang, lalu ia pun berlari-lah balek memberitahu. Apabila sahaja mendapat perkhabaran itu maka lari-lah semua orang laki2 perempuan menuju ka-Tanjong Putus, aku pun bersama2 juga dengan orang2 yang lari itu. Ada pun orang2 itu di-ikut-nya juga kami yang lari itu serta di-tembak mereka ka-hadapan dengan senapang, tetapi apabila sampai ka-pondok maka mereka itu pun berpatah sa-mula balek ka-perahu. Sa-sunggoh-nya pada masa itu orang tua-ku ada menaroh ringgit sa-banyak lima ratus, di-buboh-nya di-bawah lantai, mujor juga tiada di-jumpa oleh mereka itu. Pada besok pagi-nya baharu-lah orang tua-ku pergi mengambil-nya.

Abang-ku Di-tawan Musoh

Apakala orang2 perahu itu hendak balek, maka habis-lah di-bakar-nya segala rumah2 dan ladang2 orang, padi yang sudah di-tuai itu pun habis-lah terbakar. Pada malam itu hilir-lah kapal dan perahu2 itu ka-Kuala Kelang terus belayar ka-Lukut. Abang-ku dan Haji Abdul Wahab pun di-bawa-nya bersama2.

Maka dengan hal yang demikian pergi-lah orang tua-ku bersama2 Enche' Abdul Jalil bersampan ka-Sungai Aur mendapatkan bapa saudara-ku Enche' Mentik, abang kapada emak-ku, yang pada masa itu berladang di-situ. Maka orang tua-ku minta ia pergi ka-Lukut, kerana ia baik dengan musoh itu dan tiada ia berchampor di-sabelah Raja Mahdi. Pada hari esok-nya maka pergi-lah ia dengan perahu ka-Lukut, dan orang tua-ku pun balek-lah.

Ada pun abang-ku apabila ia sampai di-Lukut maka khabar itu sampai kapada Che' Ayu, ia-itu isteri kapada Raja Abdul Hamid bin Raja Juma'at, adek kapada Raja Bot. Che' Ayu itu anak kapada Dato' Bandar Yashih dan ber kaum juga sa-belah pehak emak-nya dengan emak-ku. Maka di-minta-nya suami-nya, Raja Abdul Hamid supaya mengambil abang-ku dan Haji Abdul Wahab.

Dalam pada itu, bapa saudara-ku Enche' Mentik sa-sudah beberapa hari dalam pelayaran-nya itu maka ia pun sampai-lah ka-Lukut. Dengan tiada berlengah lagi lalu ia pun mengadap Raja Abdul Hamid dan berjumpa dengan Che' Ayu pohonkan abang-ku dan Haji Abdul Wahab. Maka Raja Abdul Hamid pun membenarkan, serta di-suroh-nya bawa kedua-nya itu balek ka-Kelang.

Sa-peninggalan abang-ku di-bawa oleh musoh ka-Lukut itu, maka bermuafakat-lah orang tua-ku dengan Enche' Konting dan Enche' Embib mengajak pindah ka-Perepat, dekat Kapar. Disitu ramai orang berladang padi. Ketua di-tempat itu bernama Wan Sulaiman, asal-nya orang Kedah dan ia-nya bersaudara jua dengan orang tua-ku.

Sa-sudah semua-nya bersetuju maka masing2 pun pindah-lah ka-Perepat, lebeh kurang lima belas kelamin semua-nya. Apabila sampai di-Perepat masing2 pun berbuat rumah di-situ, dan tidak berapa lama kemudian maka bapa saudara-ku, Enche'

Mentik pun datang dari Lukut membawa abang-ku serta Haji Abdul Wahab. Ia berhenti sa-lama dua hari, sudah itu ia pun balek ka-Sungai Aur mengambil anak isteri-nya hendak di-bawa pindah dudok bersama2 di-Perepat. Kira2 enam atau tujuh hari, ia pun sampai-lah dengan membawa anak isteri-nya dudok bersama2 di-Perepat itu sa-hingga sampai selesai perang.

Orang Tua-ku Di-suroh ka-Singapura

Tidak berapa lama kemudian, maka pada suatu hari datang-lah orang surohan Raja Mahdi memanggil orang tua-ku ka-Kelang, kerana hendak di-suroh-nya pergi ka-Singapura membeli dua buah tongkang. Maka pergi-lah orang tua-ku bersama Haji Bidin, orang Batu Bahara, serta abang-ku dan Enche' Hitam, ia-itu bapa saudara-ku, dua pupu ia-nya dengan emak-ku. Apabila sampai ka-Singapura tiada pula di-dapati tongkang yang baik, oleh itu terpaksa-lah di-tempah. Tongkang2 yang di-tempah itu di-perbuat di-Tanjong Ru. Lebih kurang dua bulan lama-nya baharu-lah tongkang itu siap. Apakala sudah siap maka belseyar-lah kedua2 buah tongkang itu dengan berkelasikan orang2 Keling.

Masa itu musim angin Selatan bertiup terlalu kenchang, baharu sahaja tongkang2 itu sampai ka-kawasan laut dekat Batu Pahat, pechah-lah sa-buah tongkang yang orang tua-ku ada di-dalam-nya; peristiwa itu berlaku pada waktu malam gelap-gulita pula. Mujor juga tongkang itu belseyar tiada berapa jauh dari-pada daratan, dan apabila di-pukul oleh gelombang hanyut-lah ia ka-tepi. Pada waktu ayer surur baharu-lah tongkang itu timbul, dan orang2 yang ada di-dalam-nya dudok-lah menunggu hari siang.

Ada pun Haji Bidin ada di-dalam tongkang yang sa-buah lagi itu. Pada pagi esok-nya datang-lah ia mengambil orang2 yang di-dalam tongkang pechah itu. Shukor-lah, Allah Ta'ala peliharakan tiada sa-orang pun yang mati. Apabila sudah selesai semua-nya maka tongkang itu pun belseyar-lah sa-mula, dan tiada berapa hari kemudian sampai-lah ka-Kelang dengan selamat-nya. Berbetulan pada masa itu perang pun sudah selesai.

III

AKU DAN ABANG-KU DI-DALAM TANGAN MUSOH

Kembali aku mencheritakan perihal permulaan terbitnya peperangan itu, ia-itu kalau-lah di-mithalkan hari ini Raja Abdullah berangkat belayar ka-Melaka, maka pada besok-nya perang pun mulai-lah. Pada hari permulaan perang itu kedua2 belah pehak, ia-itu orang Bugis yang di-dalam Gudang Raja Abdullah dengan orang2 dari pehak Raja Mahdi sama2 berperang di-tengah lapang, dan dalam tembak menembak itu maka mati-lah sa-orang anak Batu Bahara bernama Enche' Wali, di-tembak oleh Bugis. Ada pun Enche' Muhammad Wali itu ia-lah kaptan sekochi yang bernama "Seri Lingga" kepunyaan Raja Mahdi. Orang Bugis pun khabar-nya ada juga yang luka dan mati. Hingga sampai pukul enam petang baharu-lah masing2 berhenti daripada tempak menembak itu. Orang2 Batu Bahara balek ka-Kota dan orang2 Bugis pun balek ka-Gudang. Mayat Enche' Muhammad Wali itu pun di-bawa balek ka-Kota dan di-kuborkan dengan saperti-nya.

Orang Harapan Raja Mahdi Terbunoh

Pada hari esok-nya maka orang2 Bugis pula datang melanggar ka-Kota. Maka di-lawan dan di-tembak oleh orang2 Raja Mahdi dari atas Kota. Tatkala orang2 Bugis itu datang melang-

gar, Enche' Muhammad 'Akib, orang yang jadi harapan Raja Mahdi, sedang berkubu di-tepi sungai Pengkalan Kota, berhampiran dengan masjid lama. Enche' Muhammad 'Akib menyuroh orang2 yang di-dalam kubu itu supaya berjaga2, kerana Bugis sudah datang melanggar. Selesai sahaja ia memberi perentah itu ia pun hendak balek sa-mula naik ka-Kota; berbetulan pada waktu itu orang2 Bugis pun sampai dan Enche' Muhammad 'Akib pun menerkam masok ka-dalam barisan orang2 Bugis itu dengan sa-bilah pedang jenawi,¹⁹⁾ satu perisai dan sa-bilah keris. Maka di-tembak oleh Wa' Sigalah, ketua orang2 Bugis itu dengan terkul,²⁰⁾ kena sa-butir peluru pada dada-nya, lalu ia pun jatoh di-tempat itu juga.

Ada pun orang2 yang di-dalam Kota tiada tahu akan hal Enche' Muhammad 'Akib sudah kena tembak itu, pada sangkaan mereka ia ada di-dalam kubu itu juga; bagitu juga orang2 yang di-dalam kubu pula menyangka ia sudah masok ka-dalam Kota. Orang2 Bugis itu sendiri tidak menyangka bahawa Enche' Muhammad 'Akib itu sudah kena peluru.

Tatkala Enche' Muhammad 'Akib kena tembak itu badannya jatoh terlindong di-dalam lalang. Dalam pada itu pula orang2 Bugis itu tiada dapat hendak mara ka-hadapan kerana di-hujani oleh orang2 dari dalam Kota dengan peluru2 senapang. Oleh yang demikian orang2 Bugis itu pun undor-lah balek ka-Gudang. Waktu itu hari pun sudah hampir malam, dan orang2 Kota baharu-lah turun kerana hendak menchari Enche' Muhammad 'Akib, dalam pada itu terjumpa-lah mereka mayat Enche' Muhammad 'Akib di-dalam lalang, lalu di-bawa orang-lah ka-dalam Kota.

Ada pun Raja Mahdi amat-lah mashghul dan dukachita hati-nya oleh kematian orang harapan-nya itu. Pada pagi esok-nya mayat Enche' Muhammad 'Akib itu pun di-kuborkan dengan saperti-nya di-dalam kawasan Kota itu juga. Sa-sudah selesai mengkebumikan mayat Enche' Muhammad 'Akib itu maka di-angkat pula Enche' Nonggok sa-bagai ganti abang-nya. Pada ketika itu juga di-gelar panglima2, ia-itu Enche' Juma'at anak Perbaungan di-gelar Imam Perang, Enche' Salleh anak Batu

19) pedang panjang, bisa-nya di-tetakkan dengan dua belah tangan.

20) sa-jenis senapang.

Bahara di-gelar Panglima Perang Kiri, dan Enche' Teba di-gelar Panglima Perang Kanan. Akan Panglima Perang Salleh itu mati dalam perang ini jua, ia-itu tatkala ia tengah mengisi meriam di atas kota, di-tembak oleh Bugis dari Gudang dengan terkul.

Raja Ismail Mengaku Kalah

Ada kira2 sa-tahun lama-nya berperang itu, maka kalah-lah orang2 Bugis, kerana mereka itu telah putus makanan. Barang2 tiada dapat lagi di-bawa masuk kerana telah di-sekat sa-keliling oleh kubu2 pehak Raja Mahdi, melainkan tinggal Gudang dengan Bukit Ellen sahaja yang tiada terkepong. Maka mengutuslah Raja Ismail kapada Raja Mahdi, mengaku kalah dan minta lepas keluar. Permintaan ini di-benarkan oleh Raja Mahdi. Maka keluar-lah Raja Ismail dan orang2 Bugis turun ka-sekunar "Gajah Tunggal". Ada pun Raja Hassan sudah pergi dahulu ka-Melaka, kerana tatkala dalam peperangan itu betis-nya luka kena peluru.

Maka hilir-lah sekunar "Gajah Tunggal" itu ka-Kuala Ke-lang, Yang Mulia Tengku Ampuan Besik pun ada bersama2 di-dalam-nya. Tatkala sekunar itu mulai hendak belayar, maka di-pasang orang-lah meriam dari Kota sa-bagai memberi selamat pergi kapada mereka itu, lepas itu sakalian orang2 yang ada di-dalam Kota itu pun turun-lah ka-Gudang. Ada pun Raja Ismail belayar itu singgah di-Lukut dahulu, kemudian baharu-lah terus ka-Melaka mengadap paduka ayahanda-nya, Raja Abdullah di-Ketapang.

Apakala Raja Abdullah sudah kalah maka Dato' Bandar Yash yang di-Kuala Lumpur itu pun hilir-lah dengan perahu bersama2 dengan Dato' Menteri Sumun, ia-itu mertua kapada Dato' Ja'ili hendak mengadap Raja Mahdi, memohonkan ampun, kerana Dato' Bandar Yash itu orang Buru, jajahan Riau, di-jadikan oleh Raja Abdullah Dato' Bandar. Kerana itu jika tiada di-benarkan oleh Raja Mahdi ia dudok di-Kuala Lumpur ia mohon idzin hendak lepas keluar. Maka tiada-lah dapat ia mengadap, kerana di-tahan oleh orang2 Batu Bahara, sa-boleh2-nya di-pohonkan juga oleh mereka akan Dato' Bandar itu hendak di-bunoh; tetapi Dato' Menteri Sumun, jika ia hendak naik ka-darat tiada-lah akan di-bunoh dan kira-nya ia tiada pula mahu

naik maka ia pun "di-sudahkan" bersama2 dengan Dato' Bandar.

Permohonan ini jika tiada di-persetujukan oleh Raja Mahdi maka sakalian orang2 Batu Bahara dan Mandeleng semua sa-kali hendak keluar, ya'ani hendak meninggalkan Raja Mahdi. Oleh yang demikian tiada-lah upaya Raja Mahdi hendak menahan.

Lebih kurang pukul lima petang turun-lah orang2 Batu Bahara berhimpun di-pengkalan Alor Gudang. Ketika itu Dato' Bandar Yasih ada di-dalam perahu-nya. Di-panggil orang naik tiada ia mahu, dan Dato' Menteri pun tiada juga mahu naik; barangkali ia telah bersetia sama hidup sama mati, ma'alum-lah perhatian orang tua2 dahulu, kukoh setia-nya. Orang2 yang di-dalam perahu itu ia-lah Dato' Bandar, Dato' Menteri serta dua orang anak Dato' Bandar, ia-itu Enche' Ayub dan Muhammad Salleh, sa-lain dari itu ada lagi dua orang kawan-nya bernama Enche' Keledek dan Si-Perang.

Dato' Bandar dan Dato' Menteri Terbunob

Manakala orang2 yang di-dalam perahu itu tiada mahu naik, maka orang2 Batu Bahara dan Mandeleng pun menghujangkan dengan peluru2 senapang ka-atas perahu itu, kemudian di-balas oleh Dato' Bandar dua kali dengan senapang laras dua, kena-lah Imam Perang Juma'at pada pangkal paha-nya. Ada lagi dua tiga orang yang kena peluru tetapi tiada berapa parah. Ada pun Dato' Bandar dan Dato' Menteri kena-lah juga peluru senapang.

Dato' Bandar pada waktu kena peluru itu sedang ia memangku anak-nya Muhammad Salleh. Anak-nya Enche' Ayub itu terjun ka-dalam sungai, tetapi sudah kena peluru dahulu, mayat-nya tiada di-jumpai. Ada pun Enche' Keledek dan Si-Perang itu masok ka-dalam ruang di-bawah lantai perahu, kedua-nya di-tawan tetapi tiada di-bunoh. Orang2 yang mati di-dalam perahu itu besok-nya baharu-lah di-kuborkan.

Pada masa Raja Mahdi memerentah Kelang, ia telah menyuruh orang tua-ku dudok di-Kuala Lumpur jadi jurutulis mengeluarkan pas bagi perahu2 yang hilir membawa timah, serta menerima chukai daripada ketua2 perahu. Sa-orang lagi ia-itu Lebai Mamat, orang Batu Bahara, di-jadikan tukang timbang bagi menerima chukai yang di-chabut sa-ringgit pada sa-bahara timah. Chukai

ini ia-lah untok habuan Dato' Dagang Nonggok yang pada masa itu dudok di-Kuala Lumpur juga, di-dalam Kubu Dato' Bandar yang telah mati itu.

Ada pun Raja Abdullah di-Melaka itu, konon-nya ia berangkat ka-Singapura, dengan takdir Allah masa di-Singapura itu ia telah mendapat gering, lalu ia pun balek ka-Melaka. Sa-belum sampai ka-Melaka maka berlaku-lah kehendak Allah ka atas-nya, kembali ka-rahmatu'llahu Ta'ala mangkat di-laut. Apabila sampai di-Melaka di-bawa orang-lah jenazah-nya naik ka-Ketapang, kerana anak isteri-nya ada di-situ. Maka di-Ketapang-lah jenazah-nya di-makamkan.

Al-marhum Raja Abdullah itu mempunyai lima orang putera, yang tua-nya Raja Hassan bonda-nya orang kebanyakan anak Kelang, yang kedua-nya Raja Muhammad, yang ketiga-nya Raja Ismail, yang keempat-nya Raja Empih, ketiga2-nya ini satu bonda, ia-itu orang Riau bernama Che' Anjong, dan yang kelima-nya Raja Abdul Rahman, bonda-nya Raja Khalijah binti Raja Haji ibni al-Marhum Sultan Ibrahim, Yang di-Pertuan Selangor.

Menchari Bantuan Hendak Melanggar Musob

Tiada berapa lama kemudian daripada mangkat Raja Abdullah itu maka Raja Ismail pun menyuroh adinda-nya Raja Empih pergi ka-Riau, kerana berikhtiar menchari bantuan hendak melanggar Raja Mahdi. Usaha Raja Empih menchari bantuan saperti yang di-suroh oleh kakanda-nya itu boleh di-katakan berjaya juga, ia telah mendapat bantuan orang2 Retih, Igal dan Manda di-dalam kepulauan Riau. Orang2 yang hendak membantu itu dahulu-nya menjadi perompak, di-sebut orang "Lanun bangsa berani", sa-lain dari mereka itu di-dapat-nya pula kira2 enam puloh orang daripada Pulau Buru.

Maka sakalian mereka itu pun belayar-lah ka-Melaka lalu berhenti di-Ketapang. Kemudian pergi pula ka-Lukut mengambil orang2 lama, demikian juga orang2 Bugis di-Kubu dalam jajahan Siak yang di-ketuai oleh sa-orang yang bernama Wak Jenolok. Berkenaan dengan perbelanjaan untok berperang itu maka Raja Ismail telah beroleh pertolongan daripada sa-orang saudagar China di-Melaka bernama Baba Teck Ee, ia-itu sa-orang yang telah bersahabat lama dengan al-Marhum Raja Abdullah.

Pada ketika yang baik maka belayar-lah perahu2 yang mem-

bawa angkatan perang itu ka-Kelang. Hal ini berlaku-nya dalam tahun Hijrah 1286, tetapi tarikh-nya tiada-lah aku ingat lagi, al-ma'alum sudah armat lama masa-nya berlalu. Tiada berapa lama-nya dalam pelayaran itu maka tiba-lah angkatan itu ka-kuala Selat Lembajin, lalu berhenti di-kuala Jerat Samata.

Ada pun Raja Sulaiman bin Raja Hussin yang dudok di-Sungai Raya²¹⁾ itu bersaudara sa-pupu dengan Raja Ismail. Pada masa perang yang pertama ia menyebelah ka-pehak Raja Mahdi, tetapi oleh kerana Raja Mahdi mungkir akan ikrar-nya maka ia pun bermuafakat-lah sa-mula dengan saudara-nya itu bagi melanggar Raja Mahdi. Dalam pada itu ada beberapa orang anak Batu Bahara yang dahulu-nya di-sabelah Raja Mahdi, telah belot masok menyebelah ka-pehak Raja Ismail pula. Ada pun orang2 yang menjalankan muafakat dengan Dato' Dagang dan Imam Perang Juma'at untuk belot itu ia-lah Nakhoda Tapa dan Enche' Abdul Hamid, ia-itu abang kapada Enche' Rasul yang mati ditikam oleh orang Bugis di-Kuala Lumpur dahulu. Walau pun demikian ada kira2 tiga puloh orang dagang yang tiada mahu belot; mereka itu di-ketahui oleh Engku Andak, anak raja dari Asahan. Sa-lain dari itu semua-nya anak negeri belaka.

Tatkala Raja Ismail dan pengikut2-nya itu ada di-Selat Lembajin maka Raja Mahdi pun memerentahkan sakalian orang-nya berhimpun masok ka-dalam Kota dan berjaga2 siang dan malam. Pada ketika hendak berbangkit peperangan pada kali ini aku ada di-Melaka bersama dengan abang-ku, kerana di-suroh oleh orang tua-ku menjual timah ka-Melaka. Masa itu kapal belum-lah ada lagi. Aku pergi dengan sekochi Melaka, nakhoda-nya bernama Enche' Jamil, orang Kelang, bersaudara juu dengan aku. Sa-telah sampai ka-Melaka maka timah itu pun di-jual semua-nya kepada Taukeh Teck Chang.

Apakala sekochi itu sudah dapat chukup muatan-nya, ia-itu beras, apiun²²⁾, minyak, ikan dan sa-bagai-nya, maka kami pun hendak belayar balek ka-Kelang, dan bersama2 belayar dengan sekochi itu ada sa-buah sekochi lagi yang di-punyai oleh Enche' Mahyiddin, ia-itu abang kapada Enche' Jamil. Sekochi itu pun sudah chukup muatan-nya. Ada pun abang-ku tidak membeli

21) kira2 17 batu daripada Pulau Arang (Port Dickson) arah ka Melaka.

22) chandu.

beras, melainkan kain2 sutera dan setin sahaja, penoh sa-buah peti. Berkenaan dengan wang harga timah daripada Taukeh Teck Chang itu, belum-lah di-terima jelas, baki-nya di-minta dengan jalan ia kemudian-nya mengirimkan beras dan apiun.

Dalam masa hendak belayar itu sampai-lah khabar yang mengatakan musoh sudah ada di-kuala Selat Lembajin. Maka muafakat-lah nakhoda2 itu, kerana ia belum berapa yakin lagi akan perkhabaran itu; jadi belayar-lah juga. Ada pun di-dalam sekochi Enche' Jamil itu orang2 tambangan-nya banyak orang2 Mandeleng, kebanyakannya di-antara mereka itu baharu datang dari negeri-nya, dan mereka yang sudah lama tinggal di-sini membeli barang2 perniagaan. Orang2 Melayu kita yang ada di-dalam sekochi itu ia-lah abang-ku, aku, Mat Isim bin Lakim, orang Sungai Pinang, dan Haji Zainal Asahan, ia-itu adek kapada Haji Muhammad, kerani Raja Mahdi. Di-dalam sekochi kepunyaan Enche' Mahyiddin pula kesemua-nya orang2 Melayu kita belaka, ia-itu Dato' Haji Abdul Hakim serta anak-nya, Haji Sa'ad, Enche' Abdullah bin Haji Abdul Ghani dan Haji Sidek bin Haji Yusof Selangor. Lain daripada itu ada beberapa orang lagi, tetapi tiada-lah aku ingat nama2-nya.

Di-tawan oleh Musoh

Maka belayar-lah kedua buah sekochi itu dari Melaka lebeh kurang pukul tujoh pagi sampai-lah ka-Kuala Selat Lembajin, pada waktu itu kelihatan-lah lima enam buah perahu musoh itu keluar daripada Terusan Jerat Samata, di-antara-nya ada sa-buah perahu besar berlaboh, dan yang kecil2 semua-nya berkayoh ka-tengah. Maka keloh-kesah-lah orang2 di-dalam sekochi itu, masing2 bersiap. Ada enam tujoh laras senapang kepunyaan orang2 Mandeleng itu pun di-isi-lah dengan chadangan hendak melawan berperang. Pada ketika itu ayer sedang tumpah surut, bersambutan pula angin Barat-daya sedang turun berhembus, pendek kata terlalu-lah baik di-layarkan masok.

Maka masok-lah sekochi Enche' Mahyiddin dahulu, apabila sampai dekat Perigi Nanas, sa-konyong2 angin pun mati, jadi kedua2 buah sekochi itu pun merewang, hanyut balek ka-hilit. Pada waktu itu kelihatan-lah musoh itu rapat ka-perahu Enche' Mahyiddin, kemudian sakalian panglima2 orang Timor itu pun

berlompatan-lah naik ka-sekochi dengan sundang²³⁾ dan kampilan²⁴⁾ terhunus. Oleh kerana orang2 yang di-dalam sekochi itu tiada melawan maka tiada-lah di-pengapakan oleh mereka itu, melainkan di-suroh berlabuh sahaja sekochi itu.

Sa-sudah itu mereka pun pergi rapat pula kapada perahu Enche' Jamil. Orang2 Mandeleng sa-tengah-nya mengangkat senapang hendak menembak, dan Enche' Jamil pun mengangkat senapang juga, tetapi aku larang dia. Aku katakan kapada-nya jangan ia menembak, kerana kalau hendak di-lawan tentu-lah kita tidak boleh tahan, dan lagi orang2 yang ada di-dalam sekochi lagi sa-buah itu tentu-lah habis di-bunoh oleh mereka. Maka oleh mendengarkan perkataan-ku itu, tiada-lah jadi orang2 Mandeleng itu menembak, lalu masing2 pun meletakkan senapang. Kemudian perahu2 musoh itu pun rapat-lah.

Di-dalam sa-buah di-antara beberapa buah perahu itu ada ku-lihat Raja Hassan, putera al-Marhum Raja Abdullah, serta ipar-nya bernama Raja Yusof. Ketika panglima orang Timor itu melompat naik ka-sekochi dengan kampilan dan sundang terhunus itu, Raja Hassan telah memerentahkan panglima itu menangkap dan mengikat sakalian orang2 Mandeleng yang mana ada di-dalam sekochi itu. Apabila orang2 Mandeleng itu mendengar perentah saperti itu maka masing2 pun ketakutan-lah, hingga ada empat lima orang daripada mereka itu terjun ka-laut, lalu tenggelam. Kemudian terjun pula lagi sa-orang, hanyut dekat dengan perahu Raja Hassan, orang ini pun akhir-nya tenggelam juga. Ada sa-orang Mandeleng yang sudah lama berniaga di-Kuala Lumpur, dia-lah sahaja yang dapat lepas berenang hingga hanyut ka-Kuala Selat.

Sa-kali pun bagitu dahshat pemandangan yang berlaku dalam peristiwa itu, tetapi sadikit pun tiada hati-ku gentar atau susah, demikian juga-lah yang ku-lihat keadaan abang-ku serta orang2 Melayu kita yang lain2 termasok juga anak2 perahu itu. Dalam keadaan yang berkachau-bilau itu, entah bagaimana ternampaklah oleh Raja Hassan akan aku dua beradek serta Enche' Jamil, lalu di-panggil-nya kami turun ka-perahu-nya. Sudah itu di-khabarkan-nya kapada panglima2 orang Timor itu, kata-nya "Ini saudara2-ku bukan orang lain."

23) pedang orang Bugis, biasa-nya mempunyai lok.

24) pedang lebar.

Ada pun orang2 Mandeleng yang tinggal itu kesemua-nya di-ikat tangan ka-belakang dan yang mana hanyut ka-Kuala Selat Lembajin itu khabar-nya naik ka-darat pada hujong tanjung selat itu. Konon-nya ada tongkang dari barat hendak belayar ka-Melaka di-lambai oleh mereka, lalu di-ambil oleh orang2 tongkang itu bawa ka-Melaka. Kedua2 buah sekochi tawanan itu pun di-masukkan di-Kuala Perigi Nanas, dan perahu musoh yang di-kuala Jerat Samata itu pun di-bawa bersama2 ka-Perigi Nanas, di-dalam perahu itu ada dua orang adinda Raja Ismail, ia-itu Raja Empih dan Raja Abdul Rahman. Sunggoh pun orang2 Melayu yang di-dalam dua buah sekochi tawanan itu tiada di-pengapakan oleh mereka itu, tetapi segala barang2 habis-lah di-rampas mereka, melainkan yang tinggal hanya-lah seluar baju dan kain di-badan sahaja.

Melanggar Kubu

Pada malam esok-nya maka sampai-lah Raja Ismail dari Melaka. Raja Sulaiman dari Sungai Raya pun ada bersama2-nya. Aku dengar kedua-nya itu bermuafakat hendak menyuroh panglima2-nya melanggar dan mengamok ka-dalam kubu yang di-Kuala Kelang itu. Perkara yang di-muafakatkan oleh Raja Ismail dengan Raja Sulaiman itu sunggoh2 di-jalankan-nya. Kira2 pada pukul 5.00 petang esok-nya segala perahu2 penjajah itu pun bertolak-lah mudek. Hingga waktu tengah malam baharu-lah sampai ka-Kuala Kelang. Pada kira2 pukul 4.00 suboh sakalian panglima2 itu pun naik-lah. Maka apakala sampai sahaja pada kubu, mereka pun bersalawat sambil berseru2 "amok! amok!!"

Ada pun orang2 yang di-dalam kubu itu apabila sahaja mendengar bunyi tembakan senapang, maka masing2 pun terkejut hingga tiada sempat mengambil senjata, lalu lari keluar daripada kubu. Ketua yang di-dalam kubu itu ia-lah bapa saudara-ku Enche' Embib; ia terkena sa-butir peluru senapang pada paha-nya dan peluru itu terkandong di-dalam. Sunggoh pun demikian boleh jua di-bawa-nya berjalan menyelamatkan dirinya ka-kubu di-sabelah hulu yang di-perbuat oleh orang Batu Bahara.

Sa-orang bernama Talib, orang Telok Gadong pun mendapat luka kena peluru, dan sa-orang lagi bernama Enche' Hitam kena

peluru lalu terjun ka-dalam sungai terus tenggelam. Di-sabelah pehak musoh itu pun ada sa-orang mati, ia-itu orang yang mula2 sa-kali masok ka-dalam kubu. Ia masok ikut tempat letak meriam. Apabila di-lihat oleh kawan yang berjalan di-bebakangnya, di-sangkakan ia itu musoh, lalu di-tetak-nya dengan sundang hingga terburai perut-nya, kemudian ia pun masok-lah sa-mula ka-dalam kubu.

Ada pun orang yang membunuh itu Panglima Perang Mahmud nama-nya, ia tidak kenal akan orang yang di-bunoh-nya itu, kerana dalam gelap-gulita. Maka pada siang esok-nya baharulah di-ketahui-nya bahawa yang mati itu adek-nya sendiri, tetapi apa-lah hendak di-katakan, perbuatan sudah terlanjur. Mayat adek-nya itu telah di-kuborkan di-dalam hutan bakau yang berhampiran dengan kubu itu. Apabila kubu itu sudah jatoh katangan pehak Raja Ismail maka segala meriam2 pun di-palingkan hala ka-kubu yang di-seberang, dan juga kapada sekunar Raja Mahdi bernama Seri Lingga yang sedang berlabuh di-tengah Sungai Kelang itu.

Orang2 yang di-dalam sekunar itu ia-lah Raja Abdullah bin Raja Abas, ia-itu ipar kapada Raja Mahdi, dan ketua yang di-dalam kubu itu ia-lah bapa saudara-ku Enche' Konting. Maka orang2 Batu Bahara mempersilakan Raja Abdullah mudek ka-Pengkalan Batu dan bawa sa-kali sekunar dan sakalian orang2 Kelang; kubu itu, kata mereka boleh-lah di-jaga oleh orang2 Batu Bahara.

Maka mudek-lah Raja Abdullah bersama2 dengan sakalian orang2 Kelang, pada waktu itu baharulah ternyata belot orang2 Batu Bahara itu kerana mereka telah bersatu dengan musoh. Ada pun perahu2 Raja Ismail dan Raja Sulaiman di-mudekkan-lah ka-kubu, perahu pinas di-tinggalkan di-Perigi Nanas dengan dua buah sekochi yang telah di-tawan dan di-jadikan gudang, tempat bermuat barang2 makanan.

Dalam pada itu maka sampai-lah ka-pengetahuan Raja Sulaiman bahawa aku dan abang-ku ada dalam perahu Raja Hassan, lalu di-perentahkan-nya orang supaya memanggil, maka kami pun pergi-lah mengadap. Sa-sudah di-pereksa-nya hal ahwal-ku bertiga maka tiada-lah di-lepaskan aku balek ka-perahu Raja Hassan lagi, oleh itu dudok-lah aku di-perahu Raja Sulaiman. Perahu itu bertambat pada jambatan kubu yang di-tawan itu.

Apabila siang hari, aku pun naik-lah ka-kubu dan dudok di atas jambatan.

Ajal-ku Belum Sampai

Pada suatu hari sedang aku dudok di-haluan perahu sa-ko-nyong²⁵⁾ terdengar oleh-ku Raja Haji Ahmad berchakap dengan Raja Sulaiman di-dalam kurong²⁵⁾. Ketika itu abang-ku dan Mat Isim dudok di-jambatan. Ada pun Raja Haji Ahmad itu ia-lah bapa saudara dua pupu pada Raja Sulaiman. Ia pun sa-orang di-antara kepala² perang juga; anak buah-nya daripada orang² Manda. Kata-nya kepada Raja Sulaiman, "Ayah fikir budak² berdua itu baik-lah kita sudahkan, kerana ayah tengok kedua-nya itu sangat berlainan daripada rakan²-nya yang lain itu, ma'alum-lah orang yang hampir dengan Raja Mahdi. Istimewa pula ketua yang di-dalam kubu itu bapa saudara-nya sendiri; dan ketua kubu yang di-seberang itu pun bapa saudara-nya juga."

Apabila aku dengar perkataan ini maka mengerti-lah aku bahawa aku berdua beradek di-suroh-nya bunoh. Tetapi sung-goh pun bagitu, dengan pertolongan Allah sadikit pun tiada hati-ku gentar atau takut, kerana barangkali belum ada ajal maut-ku di-situ.

Akan jawapan Raja Sulaiman pun ku-dengar juga. Kata-nya, "Patek minta ampun banyak², tiada-lah sampai rasa-nya hati patek, kerana terlalu banyak kebajikan ayah-nya pada patek, oleh itu tiada-lah sa-kali² patut patek balaskan demikian."

Kemudian di-jawab oleh Raja Haji Ahmad, "Jikalau anak-anda enggan, jangan-lah di-satukan ia antara kedua, hantarkan abang-nya balek ka-Perigi Nanas, adek-nya biar tinggal di-sini." Maka kehendak-nya ini di-persetujukan-lah oleh Raja Sulaiman.

Apabila sudah ku-dengar perkataan kedua-nya itu, maka aku pun naik-lah ka-atas jambatan mengkhabarkan hal yang ku-dengar itu kepada abang-ku. Kata-ku, "Hairan rasa hati, mengapa kita berdua ini ia shak, pada hal ada beberapa banyak orang² lain lagi saperti Enche' Abdullah, bersaudara sa-pupu dengan Raja Mahdi, bagitu juga orang yang tua² saperti Enche' Jamil, Enche' Mahyiddin dan lain² lagi tiada pula di-tohmah-nya."

25) suatu tempat berupa bilek dalam perahu.

Pada ketika Raja Haji Ahmad berchakap itu Enche' Teh, anak Enche' Hamid, ia-itu tukang masak santapan Raja Sulaiman, ada dekat dengan kurong perahu itu, ia pun mendengar juga. Enche' Teh pun naik ka-jambatan berkhabar kepada abang-ku, tetapi abang-ku diam sahaja. Maka kebetulan pada hari itu juga di-suroh oleh Raja Sulaiman hantarkan abang-ku ka-Perigi Nanas. Tinggal-lah aku dengan Mat Isim di-perahu Raja Sulaiman.

Tiada berapa lama kemudian terdengar pula oleh-ku khabar mengatakan orang2 Batu Bahara mempersilakan Raja Ismail dan Raja Sulaiman mudek hendak berbuat kubu di-Sungai Pinang. Maka mudek-lah tujoh lapan buah perahu, aku dan Mat Isim pun mudek juga bersama2. Sampai di-pengkalan Tanjong Kubu, sakalian orang2 itu pun naik-lah menchachak kubu, ia-itu batang nyior di-kerat2 panjang sa-depa di-perbuat turus²⁶⁾, kemudian di-susun pula batang2 nyior itu tiga empat lapis, tinggi-nya lebuh kurang empat kaki.

Surat Mengandungi Titah Sultan

Dengan idzin Allah maka pada hari itu juga orang tua-ku datang bersampan dua orang daripada Langat membawa surat Ka-bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Abdul Samad kapada Raja Ismail serta Raja Sulaiman mema'alumkan bahawa titah di-dalam surat itu suroh lepaskan abang-ku dan aku bertiga. Maka Raja Sulaiman pun menyuroh orang pergi mengambil abang-ku di-Kuala Kelang, kerana tatkala aku mudek ka-Sungai Pinang abang-ku di-bawa ka-Kuala Kelang. Maka mudek-lah aku dengan orang tua-ku ka-Bukit Kuda dengan perahu. Bersama2 kami ia-lah Hitam Daek yang bergelar Panglima Muda Seri Handalan. Kami bertolak itu waktu pukul 12.00 tengah malam, kerana pada waktu siang tiada boleh mudek, kalau2 di-tembak orang dari Kota Raja Mahdi. Ada pun abang-ku yang di-suroh oleh Raja Sulaiman ambil itu belum-lah lagi sampai. Orang2 yang bersama2 kami mudek pada tengah malam itu ia-lah Enche' Mahyiddin dan Mat Isim.

Terdahulu daripada kami mudek itu ia-lah Haji Abdul Hakim dan anak-nya Haji Sa'id dan Haji Sidek. Mereka di-bawa

26) tiang.



*Duli Yang Maha Mulia Sultan Abdul Samad,
Sultan Selangor Yang Keempat.*

oleh Dato' Dagang Nonggok, kerana Haji Abdul Hakim itu ialah datok mertua kapada Dato' Dagang. Ada pun Haji Zainal yang di-Kuala Kelang itu telah di-ambil oleh abang-nya Haji Muhammad ia-itu kerani Raja Mahdi, ia pun sama juga belot. Ada pun Enche' Abdullah bin Haji Abdul Ghani tinggal di-kubu Sungai Pinang dengan suka-nya sendiri bersama2 dengan orang2 Batu Bahara.

Apabila sampai-lah kami ka-Bukit Kuda maka naik-lah sakalian-nya ka-rumah Tok Haji Abdul Hakim, di-situ telah di-buat oleh Dato' Dagang sa-buah kubu besar serta di-pagar sa-keliling rumah itu, dan sakalian orang pun berhimpun di-dalam kawasan itu, masing2 membuat bangsal tempat tinggal. Imam Perang Juma'at pun membuat pula sa-buah kubu di-rumah ipar-nya, Haji Muhammad Shah, di-pagar juga sa-keliling-nya dengan atap.

Ada pun abang-ku tatkala sampai di-kubu Sungai Pinang, di-suroh pula oleh Raja Sulaiman orang menghantarkan dia ka-Bukit Kuda ikut jalan darat. Bahawa tatkala itu abang-ku sedang bertunang dengan anak Enche' Elok yang bernama Salasiah, jadi anak tiri kapada Haji Abdullah Kepiting, dan chuchu kapada Haji Abdul Hakim. Maka apakala sampai abang-ku, ia pun di-mandikan oleh bakal mertua-nya ayer tolak bala serta do'a selamat, dan aku pun sama2-lah juga di-mandikan-nya.

Tidak Dapat Keluar Kota

Sudah selesai maka orang tua-ku pun muafakat pula dengan Dato' Dagang menchari ikhtiar bagaimana hendak mengeluarkan emak-ku dari dalam Kota Raja Mahdi. Oleh Dato' Dagang di-surohkan-nya Panglima Muda Seri Handalan dan Enche' Kolok pergi menchari kawan2 yang daripada Kota kalau2 berjumpa. Maka terjumpa-lah kedua-nya itu dengan Enche' Basir, anak Asahan, dan ia pun mengaku-lah sanggup hendak menolong.

Dua hari kemudian maka pergi-lah orang tua-ku, dan aku pun bersama2 juga pergi, tetapi hajat kami tiada-lah berhasil, kerana orang terlalu ramai bukan-nya sa-orang berdua. Jadi, balek-lah kami ka-Bukit Kuda berkhabar kapada Dato' Dagang. Orang tua-ku minta kebenaran hendak masok ka-dalam Kota dan telah di-benarkan oleh Dato' Dagang. Sa-sudah itu orang tua-ku pun persempahkan pula surat kepada Raja Sulaiman

mengatakan bahawa ia hendak masok ka-Kota, jika dapat, saboleh2-nya ia hendak keluar juga kelak daripada Kota itu.

Pada malam itu lebeh kurang pukul 3.00 berjalan-lah orang tua-ku daripada Bukit Kuda, Kampong Kuantan, berlima orang ramai-nya, ia-itu orang tua-ku, aku, Mat Isim, Enche' Muhyiddin dan Haji Sidek, kerana isteri mereka itu pun ada di-dalam Kota. Ada pun abang-ku tinggal di-Bukit Kuda, kerana di-minta oleh Tok Haji Abdul Hakim hendak di-kahwinkan dengan tunang-nya, dan lagi datok-ku, Enche' Bahir serta isteri-nya, neneh tiri-ku pun ada di-situ. Oleh yang demikian dudok-lah abang-ku bersama datok-nya.

Perjalanan kami berlima pada malam itu merapah²⁷⁾ di-dalam semak dan di-dalam ladang padi orang Balik Bukit. Pada masa itu padi sedang masak. Ada kira2 pukul 5.00 suboh sampai-lah kami ka-Kampong Kuantan, dari situ kami terus berjalan ka-Bukit Raja. Kira2 pukul 6.00 pagi sampai-lah kami di-pengkalan seberang Kota. Waktu itu kelihatan orang2 mandi di-sungai pengkalan masjid. Orang tua-ku pun memanggil minta ambil. Ada sa-orang di-antara orang2 yang mandi itu datang bersampenan, apabila sudah dekat baharu-lah aku kenal orang yang datang itu ia-lah bapa saudara-ku Enche' Embib. Maka kami pun turun-lah berkayoh ka-seberang. Apakala sampai di-seberang lalu terus masok ka-dalam Kota mengadap Raja Mahdi.

Dalam beberapa hari lama-nya orang tua-ku mengikhtiar-kan hendak membawa emak-ku dan saudara2-ku keluar, tetapi tidak juga berhasil. Apa-lah hendak di-katakan! melainkan dudok-lah sahaja di-dalam Kota itu. Dengan hal yang demikian orang tua-ku pun persembahkan sa-puchok surat kapada Raja Sulaiman dan sa-puchok surat lagi di-kirimkan kapada Dato' Dagang mengatakan tiada dapat hendak keluar, boleh jadi hingga sampai selesai perang.

Patut juga rasa-nya ku-sebutkan ia-itu kedua buah sekochi yang kena rampas di-Perigi Nanas itu, bagitu juga sakalian orang2 Mandeleng di-dalam-nya yang telah di-tawan itu semua-nya di-hantar ka-Melaka, dan Enche' Jamil yang membawa-nya.

27) menempoh.

IV

KEDATANGAN TENGKU DHIA'UDDIN DAN KESUDAHAN PERANG KELANG

Ada kira2 dua bulan lama-nya peperangan itu berlaku maka datang-lah Yang Teramat Mulia Tengku Dhia'uddin⁽²⁸⁾ membawa ra'ayat daripada Kedah lebuh kurang 500 orang ramai-nya, bersama2 dengan berpuloh2 buah perahu serta sa-buah kapal api bernama "Rembau" yang di-sewa. Ada pun nakhoda kapal itu orang Nasrani, Kapitan Belong nama-nya.

Apakala sampai di-kubu Sungai Pinang maka kapal itu pun berlaboh kira2 satu jam lama-nya, lepas itu baharu-lah mudik sa-mula hingga sampai ka-pengkalan Kota. Sa-telah berlaboh di-situ maka naik-lah Kapitan Belong dengan perahu membawa surat Tengku Dhia'uddin kepada Raja Mahdi. Di-dalam surat itu ada menyebutkan bahawa Yang Teramat Mulia Tengku Dhia'uddin bermaksud hendak mendamaikan di-antara Raja Mahdi dengan Raja Ismail.

Raja Mahdi Enggan Di-damaikan

Sa-sudah memahamkan maksud surat itu maka enggan-lah Raja Mahdi, dan surat itu pun tiada di-balas-nya, melainkan di-suroh-nya Kapitan Belong khabarkan sahaja kepada Tengku Dhia'uddin akan sikap-nya enggan hendak di-damaikan itu.

28) Lebih terkenal dengan nama Tengku Kudin.



Yang Teramat Mulia Tengku Dchia'uddin Ibni Paduka Seri Sultan Zainal Rashid Halim Shah, (Tengku Kudin) berjawatan menjadi "Wais Royal" Selangor tahun 1867 — 1880.

Maka Kaptan Belong pun bermohon-lah kembali ka-kapal, ketika itu Tengku Dhia'uddin ada di-dalam kapal, lalu di-persembahkan oleh Kaptan Belong segala perkataan Raja Mahdi itu.

Maka hilir-lah kapal itu balek ka-Sungai Pinang. Di-sana bermuafakat-lah Tengku Dhia'uddin dengan Raja Sulaiman dan Raja Ismail. Keputusan muafakat itu masing2 bersetuju hendak bersatu melawan Raja Mahdi berperang.

Dalam masa tiada berapa bulan sahaja maka terkepong-lah Kota dan Gudang serta segala kubu2 pehak Raja Mahdi hingga tiada dapat lagi membawa masok barang2 makanan. Sunggoh pun ada beras yang di-bawa dari Kuala Lumpur dengan sekunar Seri Lingga yang telah di-ubah perbuat menjadi "Kota berjalan", serta dengan sa-buah rakit orang Mandeleng di-Batu Gajah²⁹⁾ itu, tetapi "Kota berjalan" dan rakit itu tiada lepas hilir, kerana di-tanjong Bukit Kuda, ia-itu pada kubu Dato' Dagang, ada di-rentang rantai besi ka-seberang sungai. Maka kerana itu terpaksa-lah beras itu di-bawa sadikit2 dengan sampuan membelah³⁰⁾ pada malam hari, sa-tengah-nya di-bawa dengan jalan darat melalui antara satu2 kubu di-dalam gelap malam itu. Apabila beras yang di-bawa itu sampai di-Kota orang yang membawa itu menjual-nya dengan harga sa-chupak sa-ringgit, ikan senohong yang besar sa-ekor sampai dua ringgit. Sireh sa-ikat³¹⁾ tiga puloh sen, nyior sa-biji tiga atau empat puloh sen; garam sa-chupak dua puloh lima sen terkadang2 sampai tiga puloh sen.

Beras dapat juga di-bawa mengikut jalan Sungai Pulau, tetapi tiada pula dapat di-bawa mudék, kalau boleh pun hanya sadikit2 sahaja. Membawa beras yang sadikit2 itu dengan sampuan pada waktu malam, ia-itu dengan melalui kubu2 musoh di-Sungai Pinang. Maka dengan bagitu-lah baharu dapat orang2 di-dalam Kota membeli daripada orang2 yang membawa-nya itu dengan harga sa-ringgit sa-chupak.

Beberapa hari lama-nya dalam keadaan yang demikian, maka Raja Mahdi pun mengeluarkan suatu perentah yang keras suroh Panglima Perang hilirkan juga "Kota berjalan" dan rakit yang di-Batu Gajah itu. Maka pada ketika hari malam "Kota

29) hampir Batu Tiga sekarang.

30) menyeludup.

31) biasa-nya 100 helai.

berjalan" dan rakit itu pun di-hilirkan-lah. Apabila sampai di-kubu Bukit Kuda, tersangkut-lah "Kota berjalan" dan rakit itu pada rantai yang terentang itu, hingga sampai siang tidak dapat lepas. Maka orang2 yang di-dalam kubu pun menghujangkan peluru2 meriam dan lela rentaka dengan tidak berhenti2, tetapi orang2 yang di-dalam rakit dan "Kota berjalan" itu tiada-lah membala, melainkan bekerja sahaja memotong rantai itu dengan kikir. Kira2 pukul 2.00 petang baharu-lah putus rantai itu, dan lepas-lah "Kota berjalan" serta rakit itu hilir membawa barang2 makanan masok ka-dalam Kota.

Apabila selamat-lah "Kota berjalan" dan rakit itu sampai ka-Kota, maka Raja Mahdi pun memerentahkan pula kapada panglima-nya suroh hilirkan "Kota berjalan" dan rakit itu bagi melanggar kubu musoh yang di-Sungai Pinang itu. Pada waktu malam ia-itu ketika ayer surut hilir-lah rakit dan "Kota berjalan" itu; apakala sampai dekat kubu itu maka tersangkut-lah pada rantai yang di-rentang oleh musoh daripada kubu yang di-seberang. Di-situ kedua pehak telah berperang bedil membedil sa-hari2an. Maka luka ipar-ku Panglima Perang Malim terkena peluru senapang. Pada hari esok-nya, "Kota berjalan" dan rakit itu pun di-marakan lagi, dan rantai perentang itu pun dapat di-putuskan, maka lepas-lah "Kota berjalan" dan rakit itu ka-hilir.

Sa-sudah itu di-rentang pula oleh pehak musoh rantai yang kasar, di-beri pelampong dengan dua buah perahu payang Terengganu. Ada pun rakit dan "Kota berjalan" itu berhenti di-Kuala Sungai Tanjong Putus, hingga hari esok-nya baharu-lah mudék. Apabila tersangkut pada rantai yang baharu di-rentang itu maka tiada pula mahu putus. Kemudian berbalek-lah pula hilir dan berhenti sa-mula di-kuala Sungai Tanjong Putus, di-situ di-tambatkan tali pendarat "Kota berjalan" pada tanjung, tetapi rakit di-masukkan ka-dalam kuala sungai itu.

Pada masa itu ayer terlalu kecil oleh itu apabila ayer surut maka tersakat³²⁾-lah "Kota berjalan" pada lumpor lalu tersenget, langsung-lah melekat tiada boleh lepas lagi. Maka muafakat-lah panglima2 "Kota berjalan" itu dengan panglima2 orang Mandeleng yang di-dalam rakit itu. Sa-telah putus muafakat itu maka

32) terkandas.

di-tinggalkan-lah "Kota berjalan" dan rakit itu di-tempat itu lalu mereka masing2 balek ka-Kota.

Raja Mahdi Keluar Dari Kota

Tiada berapa hari kemudian maka Raja Mahdi pun keluar-lah daripada Kota, kerana berikhtiar menchari bantuan. Anak isteri dan saudara2-nya habis di-bawa-nya belaka. Mula2 ia pergi ka-Kuala Selangor ikut jalan darat. Anak isteri-nya di-tinggal-kan-nya di-Sungai Buloh. Sa-sudah itu ia pun terus pergi ka-Kuala Lumpur dan dari sana ia hendak balek masok ka-Kota bersama2 dengan pengikut2-nya ia-itu orang2 Mandeleng.

Dalam perjalanan-nya hendak ka-Kuala Lumpur itu, apabila mereka sampai di-darat Bukit Raja maka bertemu-lah mereka dengan pehak musoh lalu berperang, tetapi tiada tahan orang2 Raja Mahdi, lalu ia undor balek ka-Sungai Buloh. Dari situ terus ia pergi ka-Kuala Selangor dan bersatu bertegoh setia dengan Syed Mashhor serta Raja Mahmud bin Tengku Panglima Raja dan Raja Isa bin Raja Haji.

Berkenaan dengan keadaan orang2 yang di-dalam Kota Raja Mahdi di-Pengkalau Batu itu pula, dari sa-hari ka-sahari bertambah susah hidup mereka oleh keputusan makanan. Kubu2 musoh sudah banyak di-sakeliling. Hanya yang tinggal lagi ia-lah Kota, Gudang dan sa-buah kubu di-Bukit Jawa, ia-itu bukit tempat tinggal Pegawai Jajahan masa ini. Di-antara Bukit Jawa dengan Kota, ada pula sa-buah kubu di-dirikan oleh musoh. Daripada kubu itu sa-tiap2 hari membedilkan meriam menuju ka-Kota; orang yang membedil itu Orang Puteh, Tuan Fontein nama-nya. Peluru2 meriam itu masok ka-dalam Kota hingga putus2 tiang rumah, tetapi dengan pertolongan Tuhan tiada berapa orang yang kena, melainkan sa-orang perempuan bernama Sinum sahaja yang mati kena peluru meriam itu, dan sa-orang saudara sa-pupu-ku perempuan kena gesel peluru pada pangkal lengan-nya. Terdahulu daripada ini ada juga yang mati kena peluru meriam yang di-tembakkan daripada kubu Sungai Pinang. Orang itu bernama Endoi, dan sa-orang lagi perempuan, Che' Ita nama-nya, kedua2-nya mati oleh peluru itu. Ada sa-orang lagi perempuan pangkat emak saudara dua pupu-ku kena gesel peluru meriam pada paha-nya, tetapi tidak mati.

Di-seberang Gudang itu, ia-itu berbetulan pada pangkal

jambatan³³⁾ di-seberang Bukit Raja ada sa-buah kubu musoh sa-tiap hari menembak hala ka-Gudang dengan meriam, bagitu juga kubu musoh yang di atas bukit Elen³⁴⁾ itu pun menembak juga dengan lela³⁵⁾ menuju Gudang. Ada pun orang2 yang di-dalam kubu itu ia-lah orang2 Pahang, ketua mereka bernama Imam Perang Muhammad Akil. Pada masa permulaan perang itu orang2 Pahang menyebelahi pehak Raja Mahdi, tetapi belum sahaja beberapa bulan mereka telah belot pula ka-sabelah Tengku Dhia'uddin, kerana dengan pujok Raja Sulaiman.

Menyerahkan Kota Kapada Musoh

Ada pun ketua yang tinggal di-dalam Kota ia-lah bapa saudara-ku, Imam Perang Konting. Adek-nya, ia-itu Enche' Mintik, Imam Perang Kiri, telah mati di-dalam perang itu ketika melanggar kubu Sungai Pinang dengan angkatan berperahu. Ia terkorban oleh kena peluru pada ari2-nya. Sa-orang lagi bapa saudara-ku Enche' Gimpong, Panglima Perang Kanan telah keluar bersama2 dengan Raja Mahdi.

Apabila orang2 yang di-dalam Kota tiada tertahan menderita lagi maka muafakat-lah sakalian ketua2 yang ada di-dalam kota itu hendak menyerahkan Kota kepada musoh. Maka sa-telah bersetujuan muafakat masing2, pergi-lah Panglima Perang Kenap, ia-itu ketua orang dagang, jadi menantu kapada Panglima Perang Konting berjumpa kepala2 perang musoh. Maka mengaku-lah kepala2 perang musoh itu hendak mempersesembahkan hal itu kapada Tengku Dhia'uddin dan Raja Ismail. Sa-lain dari itu kepala2 perang pehak musoh itu telah menyetujui akan sharat ia-itu apakala terserah kota itu tiada akan melakukan apa2 ka-atas orang2 yang di-dalam Kota.

Sa-sudah di-persembahkan oleh kepala2 perang itu hal kedatangan Panglima Perang Kenap itu dan tujuan2-nya kapada Tengku Dhia'uddin dan Raja Ismail, kedua-nya pun bersetuju dengan sharat saperti tersebut di-atas. Maka Kota dan Gudang itu pun di-serahkan-lah kapada pehak musoh. Maka masok-lah

33) jambatan lama yang telah di-letupkan oleh tentera British masa langgaran Jepun dalam Perang Dunia kedua.

34) tempat terletak rumah persinggahan dan berhampiran dengan Perhentian Keretapi Kelang sekarang.

35) sa-jenis meriam kecil.

musoh² itu ka-dalam Kota, dan sakalian orang² yang mana ada di-dalam Kota pun keluar-lah, lalu masing² pun membuat bangsal² tempat tinggal. Orang tua-ku pun mendirikan bangsal di-sabelah bawah Kota, dan orang² yang lain pula ada sa-tengah-nya pulang ka-kampong mereka masing².

Raja Ismail dan sakalian adek-beradek-nya dari kubu Sungai Pinang itu pun mudek-lah ka-Gudang, dan Tengku Dhia'uddin dari Kuala Kelang pula mudek dengan perahu kenaikan-nya bernama "Jentayu" itu dudok di-dalam Kota.

Raja Sulaiman Terbunoh

Ada pun Raja Sulaiman telah mangkat tatkala peperangan ini hampir akan selesai. Khabar-nya pada masa ia keluar dari-pada Bukit Elen hendak ka-Kuala Kelang di-gempang³⁶⁾ orang di-pertengahan jalan, ia-itu di-balek bukit hospital yang ada sekarang ini. Ada-lah Raja Sulaiman pada ketika itu datang dari-pada Bukit Kuda hendak ka-Kuala Kelang. Ada tujoh orang yang menggempang itu, ketua-nya bernama Jaluan. Tiga hari lamanya mereka itu menanti, hingga kapada hari yang ketiga-nya baharu-lah Raja Sulaiman lalu. Di-tembak oleh mereka, maka kena-lah Raja Sulaiman, dan sa-orang mertua tiri-nya bernama Enche' Abdullah kena juga peluru pada paha-nya. Mereka berperang itu ada-lah lebeh kurang suku jam lama-nya, akhir-nya penggempang itu pun lari-lah. Raja Sulaiman yang kena peluru itu pun mangkat, tetapi Enche' Abdullah tidak mati. Jenazah Raja Sulaiman di-bawa orang ka-Bukit Elen, kemudian pada malam itu di-bawa-lah hilir dengan sampan ka-Sungai Pinang, khabar-nya jenazah itu di-masukkan ka-dalam keranda lalu dibawa ka-Sungai Raya.

Berkenaan dengan tarikh dan hari menyerahkan Kota dan Gudang itu kepada musoh tidak-lah dapat ku-ingat lagi, kerana buku peringatan-ku tiada ku-jumpai lagi, sa-kali pun sudah puaslah ku-chari. Dalam pada itu pun jika aku tidak khilaf, lebeh kurang sembilan bulan lama-nya sa-sudah penyerahan itu, maka aman-lah di-dalam Kelang, puteh saperti sedia-kala.

Orang² Mandeleng serta ketua² mereka saperti Raja Asal

36) di-adang; di-empang — di-sini lebeh hampir kapada erti "serang hendap".

dan lain2 yang di-Kuala Lumpur itu sudah undor masok negeri Perak, tetapi sa-tengah-nya ada juga lagi dudok di-Kuala Lumpur dalam kubu Bukit Nanas. Berkenaan dengan Raja Mahdi pula pada masa itu ada di-Kuala Selangor bersama2 Raja Mahmud dan Syed Mashhor.

V

PERANG BERBANGKIT SA-MULA · DI-SELANGOR

Perompak China Masok ka-Kuala Selangor

Sunggoh pun keadaan di-dalam Kelang sudah aman, tetapi bahang api peperangan itu telah berkisar pula ka-Kuala Selangor dan ka-Kuala Lumpur. Suatu peristiwa telah berlaku di-Kuala Selangor manakala pada suatu hari ada sa-buah wangkang³⁷⁾ perompak China masok ka-Kuala Selangor. Wangkang itu datang-nya dari sa-belah Kuala Larut lari daripada di-tangkap oleh sa-buah kapal perang Inggeris yang menchari-nya. Maka apakah kapal perang itu sampai di-Kuala Selangor di-dapati-nya nyata-lah bahawa wangkang perompak China yang di-chari-nya itu ada di-sana; tetapi Syed Mashhor dan Raja Mahmud berperi2 mengatakan tiada. Kerana itu mudek-lah kapal kecil kenaikan soldadu-nya hendak menangkap China wangkang itu, lalu di-tembak oleh Raja Mahmud dengan meriam dari Bukit Kota Kuala Selangor dan dari kubu Tanjong. Maka balek-lah sakalian soldadu2 itu ka-kapal perang mereka.

Pada pagi esok-nya kira2 pukul 9.00 masok-lah pula kapal perang itu. Di-tembak-lah oleh orang2 dari Kota dan dari kubu Tanjong, tetapi tiada di-hiraukan-nya, terus juga kapal perang

37) tongkang.

itu mudek hingga sampai ka-Batu Burok. Kemudian balek-lah ia hilir. Pada ketika itu baharu-lah kapal perang itu membedilkan meriam-nya menuju ka-Kota, hingga putus2 pokok sena yang di atas Kota itu. Peluru2-nya pechah seperti hujan, tiada tahan orang2 yang di-dalam Kota itu, lalu masing2 bertempiaran lari keluar. Raja Mahdi dan Raja Mahmud serta Syed Mashhor lari ka-hulu; Raja Mahdi ka-Tanjong Karang lalu ka-Sungai Buloh, Raja Mahmud ka-Ulu Selangor lalu ka-Kuala Lumpur, kemudian terus ka-Sungai Ujong. Ada pun Raja Mahdi dari-pada Sungai Buloh lalu pergi ka-Bilah³⁸⁾, kemudian pergi pula ka-Johor. Sa-sudah berlaku peristiwa bedil membedil di-Kuala Selangor itu maka kapal perang itu pun balek-lah ka-Pulau Pinang, China perompak yang hendak di-tangkap oleh kapal perang itu terlepas lari.

Beberapa hari kemudian, Tengku Dhia'uddin pun memerintahkan panglima2-nya di-ketuai oleh Sheikh Muhammad Khatib, Minangkabau, pergi ka-Kuala Selangor dan ka-Kubu Tanjong. Ada pun Syed Mashhor apakah sampai ka-Ulu Selangor pergi-lah ia ka-Kuala Lumpur, bersatu dengan orang2 Mandeleng yang ada lagi tinggal di-sana itu. Jadi belum-lah lagi berapa aman di-dalam Kuala Lumpur, kerana orang2 Mandeleng itu belum tetap menjadi kawan, tetapi orang2 Batu Bahara pengikut2 Dato' Dagang ada di-Kuala Lumpur. Orang2 Puteh yang jadi kepala mata2 dudok di-kubu Dato' Bandar lama. Maka dalam masa beberapa bulan lama-nya kemudian, berbangkit-lah sa-mula peperangan itu, kerana Syed Mashhor ada bersama2 dengan orang2 Mandeleng itu saperti yang akan di-sebutkan kesahnya kelak.

Perang Di-Kuala Selangor dan Kuala Lumpur

Aku ulangi sa-mula mencheritakan hal ahwal berkenaan dengan peperangan di-Kuala Selangor itu. Pada suatu malam Raja Isa bin Raja Haji telah masuk mengamok ka-dalam Kota. Maka banyak-lah mata2 yang mati di-bunoh-nya, dan sa-orang sarjan Orang Puteh berugama Islam pun di-bunoh oleh Raja Isa. Ada pun Sheikh Muhammad Taib yang di-perentahkan oleh Tengku Dhia'uddin bagi menunggu kota dan kubu Tanjong di-

38) Dalam Sumatera.



Syed Mashbor, sa-orang bulubalang harapan Raja Mabdi dalam perang saudara Selangor.

Kuala Selangor itu telah lari dengan sampan balek ka-Kelang, dan tinggal-lah anak2 negeri Selangor berchampor dengan orang2 dagang menunggu kubu di-Tanjong.

Dalam tahun Hijrah 1289³⁹⁾ maka berbangkit-lah sa-mula peperangan ini di-Kuala Lumpur. Ketua di-sabelah pehak Tengku Dhia'uddin ia-lah Dato' Dagang. Orang China pun ada masok champor di-sabelah Tengku Dhia'uddin, kepala-nya Kapitan Yap Ah Loy nama-nya. Di-sabelah Syed Mashhor pun ada juga berchampor orang China dari puak Kek, kepala mereka bernama Ah Chong, ia-itu sa-orang China yang telah mashhor gagah berani-nya.

Pada masa itu di-Kanching pun berlaku juga peperangan. Ketua di-sabelah pehak Tengku Dhia'uddin ia-lah Sheikh Muhammad Taib. Peperangan itu meluas hingga ka-Kuala Kali. Syed Mashhor pergi pula ka-sana kerana membantu orang2-nya.

Sedang Kuala Lumpur dan daerah2 di-bahagian darat-nya dalam huru-hara perang itu maka Tengku Dhia'uddin telah memerentah sakalian hulubalang panglima-nya pergi melanggar Kuala Selangor. Angkatan perang ini di-ketuai oleh Imam Perang Muhammad Akil dan Panglima Garang serta Enche' Embok. Di-antara anak2 raja yang bersama2 pergi untuk melanggar Kuala Selangor itu ia-lah Enche' Wan Da dan Enche' Wan Dolah, kedua-nya itu orang Pahang, ia-itu adinda kapada Enche' Wan Aman, bekas Bendahara Pahang. Punca-nya mereka itu keluar dari Pahang ia-lah kerana berperang dengan ayahanda saudaranya, Enche' Wan Ahmad. Dari Pahang mereka pergi pula ka-Johor. Pada masa al-Marhum Raja Abdullah memerentah Kelang, di-ajak-nya-lah Enche' Wan Aman berserta sakalian pengikut2-nya dudok bersama2-nya di-Kelang.

Mencari Bantuan ka-Pahang

Sunggoh pun sudah berlarut2 masa-nya peperangan itu berlaku, tiada juga maju nampak-nya. Oleh yang demikian maka Tengku Dhia'uddin pun muafakat-lah dengan Raja Ismail dan menteri-nya Tuan Syed Zain serta Raja Abdul Rahman untuk minta bantuan ka-Pahang, ia-itu kapada Enche' Wan Ahmad, Dato' Bendahara Raja Pahang. Sa-telah muafakat itu mengambil

39) 1872.

keputusan bersetuju maka Tengku Dhia'uddin pun menulis sa-puchok surat. Orang2 yang akan pergi ka-Pahang membawa surat itu ia-lah Tuan Syed Zain dan Raja Abdul Rahman. Ter-dahulu daripada ini Raja Abdul Rahman telah pernah juga pergi ka-Pahang ia-itu tatkala alah perang yang pertama, ia pergi ka-sana kerana menchari bantuan hendak melanggar Raja Mahdi, dan pada masa itu Raja Pahang telah mengaku-lah hendak menolong. Maka pada sa'at yang baik belayar-lah Raja Abdul Rahman dan Syed Zain dengan kapal "Rembau" yang telah di-sewa, dan aku pun pergi bersama2 mengiringi Raja Abdul Rahman itu.

Biar-lah aku cheritakan sadikit bagaimana mula-nya maka aku pergi bersama2 dengan Raja Abdul Rahman ka-Pahang itu. Punccha-nya ia-lah pada suatu hari tatkala perang sudah selesai, Raja Abdul Rahman menyuroh sa-orang budak-nya memanggil aku. Maka aku pun pergi-lah mengadap, titah-nya hendak mengajak aku pergi bersama dengan dia ka-Pahang. Maka sembahli aku, "Jika sa-kali ka-bawah kaus engku sudi membawa patek pergi bersama, patek sa-puloh kali-lah pula."


Mulai daripada hari itu dudok-lah aku bersama di-Gudang, dan ka-mana juu Raja Abdul Rahman pergi di-bawa-nya-lah aku bersama2 mengiringi-nya, dan sa-tiap hari di-ajar-nya aku menulis dan ilmu kira2. Sunggoh pun aku tahu sadikit2 menyurat, tetapi tulisan-ku itu tiada-lah berapa molek. Ada pun Raja Abdul Rahman tulisan Jawi-nya amat molek. Bahawa pada masa itu Raja Abdul Rahman-lah yang menerima segala hasil chukai; maka di-suroh-nya aku menerima chukai beras, ikan dan minyak, bagitu juga aku-lah yang di-suroh-nya mengeluarkan pas perahu belayar dan perahu2 yang mudik ka-hulu.

Tidak-lah aku berhajat hendak memanjangkan kesah pemergian ka-Pahang itu, di-ringkaskan ada-lah maksud pemergian itu berhasil dengan sa-penoh-nya, ia-itu telah mengaku-lah Raja Pahang akan membantu. Titah baginda, "Sila-lah Raja Abdul Rahman dan Tuan Syed Zain balek dahulu, bawakan balasan surat kapada Tengku Dhia'uddin ini." Maka Raja Abdul Rahman dan Tuan Syed Zain pun bermohon turun ka-kapal, terus belayar balek ka-Kelang dengan selamat-nya.

Surat tulisan Jawi ini ia-lah dari pada orang Inggeris bernama Syers yang berjaya menjadi Pengasuh Polis Selangor, dalam tahun 1880, kapada Seri Perkasa Wijaya Yap Ah Loy, Kapitan China di Kuala Lumpur. Ini membuktikan bahawa tulisan Jawi telah menjadi bahasa rasmii dan bahasa perantaraan di Tanah Melaka dari semjak hampir setakat dahulu.

1880

سکونتکه رو هنار



Angkatan Perang Dari Pahang Sampai

Ada kira2 sa-bulan lama-nya kemudian daripada itu maka sampai-lah angkatan laut orang2 Pahang, lebuh kurang lima puloh buah perahu besar kecil, dan orang2-nya lima ratus. Angkatan Darat yang datang dari Bentong pula wa'llahu a'lam, entah berapa-kah banyak-nya, khabar-nya jumlah orang2 Pahang yang datang itu di-laut dan di-darat lebuh kurang tiga ribu orang.

Ada pun kepala perang yang datang dengan angkatan laut Pahang itu ia-lah Imam Perang Mahkota Raja. Sa-lain daripadanya entah beberapa orang pula panglima2 lagi. Anak2 raja yang bersama2-nya ia-lah Enche' Wan Mansor, ia-itu adinda kapada Raja Pahang, Enche' Wan Ibrahim anak saudara kapada Raja Pahang, ia-itu adinda kapada Wan Aman, dan Wan Mahmud anak saudara juga kapada Raja Pahang. Sa-lain dari itu ada beberapa banyak lagi anak2 raja dan tuan2 Syed tiada ku-ingat nama2-nya.

Kepala Perang yang datang dengan angkatan darat ia-lah bergelar Imam Perang Seri Indera Gajah, Pahang, dan beberapa orang pula panglima2 yang di-bawah-nya. Orang besar2 yang bersama2-nya ia-lah Orang Kaya Maharaja Perba Jelai, Dato' Muda Sentul ia-itu bakal Orang Kaya Lipis; Orang Kaya Temerloh; Orang Kaya Chenor; dan Orang Kaya Pahlawan Semantan.

Pada masa itu aku telah berhenti daripada pekerjaan mengeluarkan pas dan menerima chukai itu, kerana tiada lagi orang mudek bernesiga ka-Kuala Lumpur. Maka di-titahkan pula oleh Tengku Dhia'uddin aku bertiga orang dengan Syed Muhammad dan Lebai Abdul Hamid Pulau Pinang memegang buku kira2 keluar ransom bagi makanan orang2 perang di-Kuala Selangor itu.

Orang2 Pahang yang mana datang dari laut semua-nya pergi perang di-Kuala Selangor berchampor dengan orang2 Pahang yang telah sedia ada di-sana. Sa-panjang yang ku-ketahui ramai juga bilangan orang2 Pahang yang mati di-Kuala Selangor itu. Di-antara-nya Enche' Wan Ibrahim mati kena peluru, jenazah-nya di-bawa ka-Kelang, di-makamkan di-luar kota pada penjuru sa-belah hulu, di-sempurnakan dengan segala isti'adat mengikut keadaan anak raja2 mangkat. Ada sa-orang lagi anak raja Pahang bernama Tengku Zainal mangkat juga di-Kuala Selangor,

jenazah-nya di-bawa ka-Kelang di-kuborkan di-sisi makam Enche' Wan Ibrahim. Imam Perang Muhammad Akil, ketua Orang2 Pahang yang lama itu pun mati di-Kuala Selangor juga, mayatnya di-bawa ka-Kelang di-kuborkan dekat masjid Kelang yang tiada berapa jauh daripada Gudang. Di-antara beberapa ramai orang2 Pahang yang mati itu sa-bilangan besar ia-lah di-sebabkan oleh sakit perut dan chachar.

Peperangan Selesai Di-seluroh Selangor

Ada kira2 dua bulan lama-nya berperang itu maka dapatlah di-tawan Kota Kuala Selangor itu, dan orang2 Mandeleng yang di-Kuala Lumpur pun kalah, bagitu juga di-Ulu Selangor Syed Mashhor serta sakalian orang2 Mandeleng yang mengikut-nya habis lari belaka ka-Perak. Demikian-lah selesai-nya peperangan dalam seluroh negeri Selangor. Bahawa sa-sunggoh-nya di-antara jajahan2 dalam negeri Selangor hanya di-Langat sahaja yang tiada berperang, barangkali pada agakan aku oleh berkat Daulat Duli Yang Maha Mulia Sultan jua.

Sa-bagaimana yang ku-ketahui ia-itu jikalau orang sa-belah Raja Mahdi datang dari Kelang pergi ka-Langat dan di-sana mereka berjumpa dengan orang Tengku Dhia'uddin, mereka berchakap dan berbual dengan baik2, mereka makan pun bersama2. Aku sendiri dalam masa perang itu pergi ka-Langat berjumpa dengan musoh, orang Batu Bahara dan orang Kedah yang datang dari Kuala Kelang, kedua orang ini telah di-bawa oleh abangku berhenti di-rumah emak saudara-ku, ia-itu kakak kapada emak-ku bernama Che' Tanik, dan nama suami-nya Enche' Abdul Ghani, diam di-Bandar. Pada masa itu Duli Yang Maha Mulia Sultan belum lagi pindah ka-Bukit Jugra. Baginda bersemayam di-istana Bandar Temasha.

Manakala telah selesai-lah peperangan itu maka sakalian orang2 Pahang pun habis-lah balek ka-Pahang, dan orang2 Kedah ada yang balek, ada yang tinggal. Maka apakala orang2 Pahang itu balek, Raja Isa bin Raja Haji telah di-ajak oleh Orang Kaya Pahlawan, lalu ia pun pergi-lah bersama2 ka-Pahang serta dengan anak isteri-nya. Pemergian Raja Isa itu ia-lah dengan suka hatinya sendiri, bukan-lah kerana tertawan.

Berkenaan dengan Raja Mahdi dan Syed Mashhor tatkala

peperangan itu sudah selesai, maka kedua-nya pun pergi ke-Langat mengadap Duli Yang Maha Mulia Sultan. Di-sana dibuat-nya satu pakatan sulit, ia-itu menchari kawan orang2 Kelang, dalam usaha-nya itu di-dapati-nya-lah dua tiga orang kepala2 yang mahu belot, mereka itu yang pertama-nya Imam Perang Juma'at, yang kedua Nakhoda Andak dan yang ketiganya Nakhoda Tapa, orang Batu Bahara. Rahsia pakatan sulit itu akhir-nya telah di-ketahui oleh Tengku Dhia'uddin, lalu ketiga2 orang yang tersebut itu di-bunoh. Sa-lain daripada mereka itu ada tiga orang lagi yang telah di-hukum bunoh, ia-itu Haji Asa'ad bin Sheikh Ahmad Musaffa', peranakan Mekah, Haji Muhammad dan Haji Othman, kedua-nya orang Selangor.

Korban Jiwa Dalam Masa Perang

Bagi pengetahuan orang2 yang kemudian kelak maka biarlah aku mengulang kembali mencheretakan bagaimana hal keadaan dan kesah2 di-sapanjang berlaku-nya Perang Kelang itu. Sa-sunggoh-nya dalam beberapa kali perang itu berlaku, wa'llahu a'lam berapa ramai-kah bilangan orang yang luka dan mati disebelah-menyebelah pehak di-sebabkan kena peluru2 senapang dan meriam; pada taksiran-ku tidak kurang daripada tiga ratus orang Melayu dan China; tetapi dalam masa perang yang kedua kali-nya, dalam Kota Raja Mahdi banyak bilangan budak2 yang mati di-sebabkan oleh penyakit mata dan sakit perut. Pada sangkaan-ku barangkali ia-lah di-sebabkan oleh terlalu banyak pondok2 dan bangsal2 yang di-dirikan dalam kawasan itu. Hal ini menyebabkan banyak kotoran, ia-itu boleh-lah di-umpamakan seperti ayam yang sentiasa terkurong di-dalam reban menyebabkan mabok tahi, dan ini menjadikan rabun mata. Tambahan pula dalam perang yang penghabisan sa-kali, ramai di-antara orang2 Pahang yang datang membantu itu mati kerana sakit perut dan ketumbuhan (chachar), maka penyakit ini jadi jangkit berjangkit.

Tiga Kali Mengikut Orang Berperang

Pada masa aku diam di-dalam Kota Raja Mahdi, ia-itu dalam masa perang yang kedua kali-nya, aku telah pergi sambanyak tiga kali mengikut orang berperang. Kali yang pertama-

nya ia-lah ketika perang di-balek Bukit Jawa, ia-itu kemudian-nya jadi tempat tinggal Pegawai Jajahan. Pada suatu hari orang Kota telah mendapat tahu bahawa musoh telah membuat sa-buah kubu berbetulan pada Simpang Lima jalan ka-Langat, maka kira2 pukul dua petang hari itu juga pergi-lah orang2 Kota melanggar-nya, dan aku pun pergi-lah juga bersama2 mengikut ipar sa-pupu-ku yang bernama Raja Ngah Malim Panglima Perang.

Kedua pehak itu berperang di-dalam lalang dan belukar anak2 kayu yang besar2 lengan, pendek-nya tiada-lah tempat yang boleh di-jadikan perlindongan. Maka kerana itu kalau berjalan hendak mara tiada-lah boleh berjalan tegak melainkan hendak-lah merangkak. Pada ketika itu peluru datang saperti hujan, ada sa-bentar kemudian ku-lihat sa-orang telah kena peluru, kerana ia berjalan betul, tiada mahu merangkak. Sudah itu di-angkat orang-lah mayat-nya di-tandu di-dalam kain, lalu di-bawa balek ka-dalam Kota. Ada kira2 tiga suku jam lama-nya berperang itu maka musoh itu pun undor-lah, dan dapat-lah di-tawan kubu-nya yang baharu siap satu penampang⁴⁰⁾ sahaja itu.

Kali yang kedua-nya aku mengikut orang berperang itu ia-lah di-hulu Sungai Telok Pulai. Di-situ musoh telah berbuat kubu daripada batang pisang kerana tiada berkayu. Lebih kurang pukul empat petang dapat-lah orang2 kota akan perkhabaran ini, lalu mereka pun turun melanggar-nya. Aku pun pergi-lah juga bersama mengikut Panglima Raja Ngah Malim. Daripada keadaan yang ku-saksikan ketika itu boleh-lah di-katakan perang itu sa-olah2 bermain2 sahaja, kerana jarak-nya di-antara kedua belah pehak itu kadar kira2 sa-puloh atau lima belas depa sahaja, tetapi oleh kerana banyak pokok kelapa di-tempat itu masing2 berlindong di-sabalek-nya, sa-orang berlindong pada sa-batang pokok. Demikian-lah hal keadaan perang pada hari itu.

Ada kira2 sa-tengah jam lama-nya berperang itu, mati-lah sa-orang muda peranakan Bugis bernama Salleh oleh kena peluru pada kepala-nya. Mayat-nya di-bawa balek ka-Kota, dan aku pun bersama2 balek membawa-nya. Ada sa-orang muda lagi, Sidin nama-nya, kena peluru tetapi tiada mati, ia pun di-bawa juga balek ka-Kota. Ada pun musoh itu tiada tahan dudok di-dalam

40) permukaan bagi sa-suatu bahagian.

kubu batang pisang itu, kerana apabila kena peluru lantas ka-sabelah dalam, lalu mereka pun keluar daripada kubu itu. Tiada berapa lama kemudian daripada itu sampai-lah pula bantuan pehak musoh itu daripada kubu Sungai Pinang dan juga dari-pada Bukit Ellen. Ada sa-jurus lama-nya lepas itu hari pun ham-pir malam dan sakalian orang Kota pun undor-lah balek ka-Kota.

Kali yang ketiga-nya aku pergi mengikut orang berperang itu ia-lah waktu melanggar kubu orang Mandeleng. Pada masa itu aku sudah menyebelah ka-pehak Tengku Dhia'uddin. Orang2 Mandeleng itu telah menchachak kubu di-Tanjong Belit, di-sabelah hilir pengkalan Damarsara. Mereka telah membuat dua buah kubu, ia-itu sa-buah di-tepi sungai dan yang sa-buah lagi di-bawah pokok kayu ara. Di atas pokok kayu ara itu di-per-buat-nya pula bangunan2 serta di-taroh mereka sa-puchok lela kecil. Sa-lain dari itu ada lagi sa-buah kubu mereka di-sabelah darat.

Kubu sa-selah pehak Tengku Dhia'uddin pula ia-lah di-pengkalan Damarsara, ketua-nya Dato' Mangku, orang Rembau. Pada masa itu Raja Ismail serta adinda-nya Raja Empih ada di-Damarsara. Kedua-nya hendak balek hilir tiada dapat, kerana musoh telah membuat kubu. Maka oleh yang demikian Tengku Dhia'uddin pun menitahkan hulubalang panglima-nya mudek melanggar kubu musoh itu. Sa-buah tongkang telah di-sediakan dengan di-beri apilan kayu mahang yang di-susun2 seperti bangunan kajang rungkup, ia-itu supaya boleh menahan peluru senapang. Pada haluan tongkang itu di-taroh pula sa-puchok meriam katak. Maka mudek-lah tongkang itu dengan di-tunda oleh sa-buah kapal kecil. Orang yang empunya kapal itu ia-lah sa-orang saudagar China Melaka bernama Baba Ot. Orang tua-ku dan aku pun ada bersama2 di-dalam kapal itu mengiringi Raja Hassan.

Apabila sampai-lah kapal dan tongkang itu bertentangan dengan kubu musoh maka di-hujani-lah oleh mereka itu dengan peluru senapang, seperti "berteh di-goreng" bunyi-nya. Tetapi tembakan2 itu tiada-lah di-balas, melainkan terus sahaja kapal dan tongkang itu mudek ka-pengkalan Damarsara. Sa-telah se-lesai di-punggah barang2 makanan orang di-kubu itu maka kapal dan tongkang itu pun balek-lah hilir, dan apakala sampai ber-tentangan dengan kubu musoh itu di-tambatkan-lah tongkang itu

di-seberang kubu musoh, dan kapal itu di-suroh balek hilir. Kemudian di-bedil-lah kubu itu dengan meriam dan senapang. Orang yang membedil itu orang Pahang bernama Enche' Embok. Maka berperang-lah sa-malam2an itu. Akhirnya kira2 pukul 8.00 pagi esok-nya pechah-lah kubu itu dan musoh itu pun lari-lah. Berapa ramai-kah orang2 Mandeleng itu yang mati-nya tiada-lah dapat di-ketahui, tetapi darah banyak berchichiran di-dalam kubu itu. Di-sabelah pehak kita tiada sa-orang pun yang luka atau mati.

Tiga kali itu-lah sahaja aku mengikut bersama2 pergi berperang. Ada pun ipar-ku Raja Ngah Panglima Perang itu, telah mati kena peluru senapang tatkala perang di-Kuala Lumpur, di-bawah Bukit Arang, yang sekarang ini di-sebut "Bukit Depoh". Jenazah-nya di-bawa ka-Damarsara. Hendak pun di-bawa ka-Kelang tiada boleh, kerana kubu2 Mandeleng itu ada di-pertengahan jalan. Oleh itu jenazah-nya itu di-makamkan di-Damarsara sahaja.

Molek juga rasa-nya ku-terangkan ia-itu Raja Mahmud bin Tengku Panglima Raja yang membantu Raja Mahdi dalam perangan di-Kuala Selangor itu, manakala telah selesai perang maka ia pun pergi pula ka-Sungai Ujong champor dalam perangan di-antara Dato' Bandar dengan Dato' Kelana Syed Abdul Rahman. Raja Mahmud menolong sa-belah pehak Dato' Bandar.

Dalam tahun Masehi 1874 maka alah-lah Dato' Bandar berperang itu kerana Kerajaan Inggeris telah berchampor di-sabelah pehak Dato' Kelana. Apakala selesai-lah perang itu maka Inggeris telah meletakkan sa-orang pegawai tinggi, ia-itu supaya jangan berbangkit pergaduhan lagi, mula pertama di-letakkan Kaptan Murray menjadi Resident British.

Apakala Dato' Bandar sudah kalah maka Raja Mahmud pun balek ka-Langat bersama2 dengan Dato' Bandar mengadap ka-bawah Duli Sultan Abdul Samad menyerah diri dan menerima apa2 juu titah perentah. Maka ka-bawah Duli pun menitahkan supaya ia mengikut Tuan Swettenham pergi menemui Gabenor di-Singapura dengan surat ka-bawah Duli yang bertarikh pada 15 haribulan Disember 1874. Surat itu menerangkan bahawa Dato' Bandar dan Raja Mahmud tiada apa2 kesalahan-nya kapada Duli Baginda, oleh itu di-minta supaya Tuan Gabenor

menimbangkan. Maka pergi-lah Dato' Bandar dan Raja Mahmud di-bawa oleh Tuan Swettenham ka-Singapura.

Ada pun Kapten Murray tiada berapa lama sahaja jadi Resident Sungai Ujong itu ia pun mati, dan jawatan-nya di-gantikan oleh Tuan Paul, kemudian apabila Tuan Paul berhenti Tuan Martin Lister pula ganti-nya; lepas itu Tuan W. Birch pula jadi Resident. Maka dengan kebijaksanaan Tuan Birch ini-lah memberi nasihat kepada Orang Besar2, Undang2 dan kapada Dato'2 yang lain yang telah mungkir daripada peraturan purbakala, ia-itu tiada mahu lagi beraja ka-Seri Menanti, di-perbuatkan-nya muafakat, ia-itu bagi di-satukan kesembilan2 negeri itu menjadi sa-buah kerajaan, serta di-angkat dan di-tabalkan Tengku Muhammad ibni al-Marhum Yang di-Pertuan Raja Antah, menjadi Yang di-Pertuan Besar pada 7 haribulan Mei 1898, ia-itu bersamaan dengan 15 haribulan Dzu'l-hijjah tahun Hijrah 1315.

VI

PERJANJIAN KERAJAAN SELANGOR DENGAN INGGERIS

Apakala keamanan negeri Selangor telah puleh sa-mula seperti sedia-kala di-bawah pemerentahan Yang Teramat Mulia Tengku Dhia'uddin serta menteri2-nya, ia-itu Tuan Syed Zain bin Syed Muhammad Puteh al-Habshi, Raja Ismail dan Raja Abdul Rahman, maka sakalian orang2 kampong yang mana telah lari meninggalkan kampong dan rumah-tangga masing2 dalam masa perang dahulu itu telah di-perentahkan balek ka-Kuala Selangor, orang Jeram balek ka-Jeram bagitu juga orang Kelang balek ka-Kelang.

Ada pun yang Mulia Raja Musa, putera Yang Maha Mulia Sultan Abdul Samad, tatkala berbangkit perang di-Kuala Selangor itu tiada-lah ia masok champor. Ia bersama2 anak isteri-nya pergi bersenangkan hati di-Singapura, dan pada masa itu ia belum lagi menjadi Raja Muda. Apakala peperangan itu sudah selesai maka paduka ayahanda-nya Yang Maha Mulia Sultan Abdul Samad telah mengutus sa-puchok surat bertarikh pada 10 haribulan Rabi'ul-akhir, Hijrah 1292 bersamaan dengan 16 haribulan Mei tahun Masehi 1875, mema'alumkan ia-itu ia di-panggil balek ka-Selangor, dan Yang Terutama Tuan Gabenor pun memberi nasihat mempersilakan supaya ia balek. Maka Raja Musa pun balek-lah, lalu bersemayam di-Langat. Tiada berapa

lama kemudian ia pun di-lantek oleh paduka ayahanda-nya menjadi Raja Muda. Pada masa itu-lah Yang Teramat Mulia Raja Muda itu membuka kebun kelapa di-Bandar Temasha.

Inggeris Di-minta Mentadbir 25 Tabun Sahaja

Dalam tahun Hijrah 1292 juga Duli Yang Maha Mulia Sultan telah menitahkan paduka anakanda Tengku Dhia'uddin, Wais Royal, pergi ka-Singapura berjumpa dengan Yang Terutama Tuan Gabenor, ia-itu bagi menyatakan hasrat baginda suka meminta Kerajaan Inggeris tolong jagakan negeri baginda, dan minta Kerajaan Inggeris letakkan sa-orang pegawai Inggeris bagi mentadbirkан negeri supaya boleh aman, jangan lagi berbangkit pergaduhan. Sa-lain dari itu boleh-lah juga memasukkan segala bangsa bernesiga, serta memungut hasil dan membuka negeri supaya boleh jadi besar dan ma'mor. Duli Yang Maha Mulia mendapat fikiran yang demikian itu ia-lah ikhtiar Tengku Dhia'uddin jua persembahkan ia-itu telah di-fikirkan-nya halus² bahawa jika tidak Orang Puteh menjaga negeri ini tentu-lah tiada boleh aman melainkan akan berperang sama sendiri jua sudah-nya.

Maka oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Abdul Samad di-kurniakan-lah surat akuan kapada Tengku Dhia'uddin ia-itu bagi mengesahkan bahawa ka-bawah Duli menitahkan dia membuat perundingan dengan Tuan Gabenor. Surat itu bertarikh pada 28 haribulan Dzu'l-hijjah tahun 1292, bersamaan dengan 21 haribulan Disember tahun Masehi 1875. Maka pergi-lah Tengku Dhia'uddin ka-Singapura berjumpa Tuan Gabenor mem'a'lumkan maksud Duli Yang Maha Mulia itu. Keputusan rundingkan itu amat-lah bersetuju Tuan Gabenor menerima dan memenohi maksud Duli Yang Maha Mulia dalam perkara ini.

Hasil daripada perundingan itu maka di-perbuat-lah surat perjanjian yang di-sebut teriti⁴¹⁾ di-antara kedua pehak. Pada masa itu Gabenor bagi negeri² Selat ia-lah Tuan Yang Terutama Sir Andrew Clerk, R.I.C.B., K.C.M.G. Maka Duli Yang Maha Mulia Sultan Abdul Samad pun turun Chap Mohor di atas surat teriti itu di-dalam sa-buah kapal perang Inggeris yang berlabuh

41) treaty.

di-Kuala Jugra, bagitu juga Tuan Yang Terutama Gabenor pun turun chap dan sain-nya.

Bahawa tersebut di-dalam teriti itu Kerajaan Inggeris mengaku memberi sa-orang pegawai jadi British Resident dalam negeri Selangor, ia-itu supaya menolong mentadbir serta menjaga negeri itu sa-lama dua puloh lima tahun. Maka permintaan Tengku Dhia'uddin kapada Tuan Yang Terutama Gabenor supaya Tuan James Catry Davidson di-angkat menjadi Resident, kerana ia telah banyak berbuat jasa kapada Yang Teramat Mulia itu, ia-itu dengan jalan memberi nasihat, ikhtiar serta juga menolong perbelanjaan pada masa berperang dengan Raja Mahdi.

Maksud Tengku Dhia'uddin itu di-persetujukan-lah oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan demikian juga oleh Tuan Yang Terutama Gabenor. Maka Tuan Davidson-lah yang menjadi British Resident negeri Selangor serta segala daerah ta'alok-nya, Lanteran ini ia-lah dalam tahun Hijrah 1292 bersamaan tahun Masehi 1875, dan dia-lah Resident yang pertama bagi negeri Selangor, dudok-nya di-Kelang; gaji Resident itu \$600/- sa-bulan, dan gaji Yang Teramat Mulia Tengku Dhia'uddin, Wais Royal, ia-lah \$800/- sa-bulan.

Chara2 Pertadbiran Mulai Di-susun

Kemudian daripada itu maka di-mulai-lah menyusun dan menjalankan segala peratoran undang2 chukai tanah dan lain2-nya, ia-itu saperti surat permit ya'ani surat kebenaran, di-beri pegang kapada orang yang memileki tanah itu. Surat ini ditanda-tangani oleh Wais Royal dengan Resident, terkechualii geran besar yang berumor 99 tahun sahaja di-kehendaki bagi di-turunkan chap Duli Yang Maha Mulia Sultan. Sa-sudah itu Duli Yang Maha Mulia mengurniakan pula kuasa kepada Tuan Resident supaya menjalankan chara peratoran dan undang2 Kerajaan Inggeris di-dalam negeri Selangor, ia-itu menurut sa-bagaimana yang di-pakai dan di-jalankan di-dalam negeri2 Selat. Maka Tuan Resident pun mema'alumkan hal ini kapada Yang Terutama Tuan Gabenor, dan telah mendapat persetujuan penoh dari Tuan Gabenor.

Berkenaan dengan perkiraan belanja fasal peperangan saudara dalam negeri Selangor termasoklah wang pinjaman yang telah diambil oleh Raja Ismail dari semenjak permulaan perang itu, maka kira2 hutang kapada Baba Lim Teck Ee, saudagar Melaka itu berjumlah \$300,000/-, kerana itu Kerajaan Selangor terpaksa mengansor pada tiap2 tahun sa-banyak \$65,000/-.

Molek juga rasa-nya ku-terangkan bahawa penyertaan pegawai2 Inggeris dalam urusan pertadbiran negeri Selangor ia-lah sa-belum di-tanda-tangani teriti saperti yang sudah ter-dahulu ku-sebutkan itu. Pada 2 haribulan Oktober 1874, bersamaan dengan tahun Hijrah 1291, Tuan Yang Terutama Gabenor telah menghantarkan Tuan Frank Swettenham dudok bersama2 dengan Duli Yang Maha Mulia Sultan di-Bandar Temasha, Langat, ia-itu menjadi sa-bagai penasihat dan majisteret ya'ani pengadil dalam perbicharaan, serta menerima hasil di-dalam jajahan Kuala Langat. Jumlah perbelanjaan dan gaji kerani2 dan orang2-nya berjumlah \$1,000/- sa-bulan, ia-itu bayaran daripada Kerajaan Selangor.

Dalam tahun Hijrah 1293, Tuan Swettenham ini telah mendapat perentah pula supaya balek ka-Singapura kerana memegang jawatan di-dalam pejabat Setia-usaha Kerajaan di-sana. Jawatannya di-Langat itu di-gantikan oleh Tuan Bloomfield Douglas pada 21 haribulan Muharram tahun Hijrah 1293. Maka pada masa itu-lah Duli Yang Maha Mulia Sultan Abdul Samad membuka Bukit Jugra serta membina istana baginda di-situ.

Pada tahun Hijrah 1293 itu juga Tuan British Resident Davidson menerima perentah pergi menjadi British Resident negeri Perak, dan Tuan Bloomfield Douglas menjadi British Resident Selangor, gaji-nya mula2 \$400/- kemudian naik menjadi \$600/-, dan Tuan Innes pula ganti-nya menjadi Collector ya'ani Penerima dan Pemungut Hasil, dan Majisteret di-Langat. Maka dalam masa Tuan Innes memegang jawatan ini-lah Duli Yang Maha Mulia pindah ka-istana Bukit Jugra. Kemudian Tuan Innes pun berpindah ka-Kuala Lumpur, dan tiada berapa bulan lama-nya ia dudok di-sana lalu Kuala Lumpur terbakar; habis semua rumah2 dan pekan hangus, bukan sadikit orang2 yang rugi.

Kurniaan2 Penchen

Sekarang kembali sa-mula aku mengulangi akan perihal Yang Teramat Mulia Tengku Dhia'uddin menjadi Wais Royal, mengamankan negeri Selangor serta segala daerah ta'alok-nya. Yang Teramat Mulia itu telah di-kurniakan kuasa oleh paduka ayahanda mertua-nya, Duli Yang Maha Mulia Sultan Abdul Samad daripada tahun Hijrah 1285. Maka pada tahun Hijrah 1295, bersamaan dengan 1 haribulan November tahun 1878, Tengku Dhia'uddin pun bermohon kapada paduka ayahanda mertua-nya hendak berhenti daripada menjawat jawatan Wais Royal itu. Maka permohonan ini telah di-perkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan dan di-persetujui oleh Tuan Yang Terutama Gabenor. Kapada Yang Teramat Mulia itu di-kurniakan penchen daripada Kerajaan Selangor sa-lama ada hayat-nya sa-banyak \$500/- tiap2 bulan. Bagi isteri-nya Raja 'Arfah di-kurniakan penchen sa-banyak \$200/- sa-bulan, dan apabila tiada lagi hayat Raja 'Arfah maka penchen itu akan berpindah kapada puteri-nya Raja Mahrum. Sa-lain dari penchen itu Kerajaan Selangor mengurniakan pula hadiah wang kepada Tengku Dhia'uddin sa-banyak \$30,000/-.

Ada pun Tuan Syed Zain bin Syed Muhammad Puteh al-Habshi, ia-itu menteri kapada Yang Teramat Mulia Tengku Dhia'uddin, dapat juga penchen sa-banyak \$200/- sa-bulan. Akan Raja Ismail berlima orang adek-beradek dapat juga penchen, akan tetapi entah bagaimana-kah timbangan Kerajaan maka Raja Ismail mendapat habuan sadikit sangat ia-itu hanya \$125/- sahaja, Raja Muhammad mendapat \$50/-, Raja Empih \$50/-, Raja Hassan dan Raja Abdul Rahman mendapat \$60/-. Bahawa bangunan Gudang yang di-dirikan oleh al-Marhum Raja Abdullah, ayahanda Raja Ismail, yang kemudian-nya telah di-jadikan Balai Polis itu, telah di-bayar oleh Kerajaan Selangor sa-banyak \$3,000/- kapada Raja Ismail. Payar kecil ia-itu sekunyar yang bernama "Porket" itu pun di-bayar oleh kerajaan dengan harga \$500/-.

Raja Daud bin Raja Hussin Sungai Raya juga di-beri penchen oleh kerajaan sa-banyak \$50/- sa-bulan. Raja Daud ini ia-lah kakanda kapada Raja Sulaiman yang mangkat terbungoh dalam perang dengan Raja Mahdi dahulu itu. Dato' Dagang

Nonggok pula, sa-sudah Tengku Dhia'uddin berhenti daripada menjadi Wais Royal itu, telah di-kurniakan penchen sa-banyak \$200/- sa-lama hayat-nya; tetapi Dato' Dagang ini tidak lagi dibenarkan menerima chukai timah pada satu bahara sa-ringgit menurut saperti biasa. Sakalian panglima2 dan kepala2 perang yang sama2 membantu dalam perang dahulu itu, di-kurniakan juga penchen masing2 atas kadar-nya. Di-antara mereka itu ia-lah Tengku Mahmud Perbaungan, Nakhoda Alang Batu Bahara, Panglima Perang Perkasa, dan Enche' Abdul Hamid, ia-itu abang kapada Enche' Rasul.

Akibat Perbuatan "Beraja Di-bati"

Satengah2 di-antara panglima2 pula, ia-itu saperti Panglima Hitam Daik, Panglima Muda Seri Handalan, Enche' Tapa Puteh, Enche' Muhammad Lela bin Muhammad 'Akib, ia-itu anak saudara kapada Dato' Dagang Nonggok dan beberapa orang lagi, tiada mendapat penchen, kerana tatkala perang sudah selesai dan Raja Mahdi telah menyerahkan Kota kepada Tengku Dhia'uddin maka dapat pula khabar mengatakan bahawa Raja Mahdi hendak datang balek melanggar Kelang dari laut, oleh yang demikian Tengku Dhia'uddin pun memerentahkan panglima2-nya, ia-itu Panglima Muda Seri Handalan, Enche' Tapa Puteh, Enche' Muhammad Lela, Enche' Uteh Ismail dan Enche' Man, panglima orang Kedah, supaya pergi berjaga2 di-laut dengan tiga buah perahu chukup dengan alat senjata, lela rentaka dan senapang, tetapi mereka itu di-perentahkan menjaga di-dalam kawasan perentah Selangor sahaja.

Apakala sampai di-laut maka panglima2 itu pun payar-lah, belayar ka-barat dan ka-timor; tetapi tiada-lah bertemu dengan angkatan Raja Mahdi itu dan nyata-lah perkhabaran itu sa-mata2 dusta. Maka pada suatu hari lalu-lah sa-buah tongkang dari Singapura hendak belayar ka-Pulau Pinang. Apakala tongkang itu sampai bertentangan dengan Selat Lembajin, maka ketiga2 buah perahu panglima2 itu pun rapat kapada tongkang itu, lalu menyuroh turunkan layar dan labohkan sauh. Sa-sudah itu sakalian panglima2 dan orang2-nya pun naik-lah merampas barang2 yang ada di-dalam tongkang itu. Oleh sebab orang2 yang di-dalam tongkang itu tiada melawan maka tiada-lah di-pengapakan oleh mereka, melainkan di-lepaskan sahaja tongkang itu belayar.

Ada pun panglima2 yang di-dalam tiga buah perahu itu, sa-sudah mereka melepaskan tongkang itu belayar maka mereka pun muafakat-lah pula hendak melanggar Jeram, kerana telah dapat khabar yang mengatakan Raja Mahdi ada di-Jeram. Berkennaan dengan maksud yang di-muafakatkan itu maka Enche' Man, panglima orang Kedah itu tiada bersetuju, lalu ia pun belayar balek ka-Kelang, tetapi perahu yang dua buah lagi itu terus juga pergi. Apabila sampai di-Jeram maka berunding-lah panglima2 itu, keputusan-nya tiada jadi melanggar Jeram, lalu belayar pula mereka ka-Kuala Perak dan berhenti di-Pulau Sembilan.

Anak2 tongkang yang kena rampas itu pula, sa-sudah berlaku peristiwa itu tidak-lah jadi meneruskan pelayaran mereka ka-Pulau Pinang, tetapi mematah haluan belayar balek ka-Melaka. Apakala sampai ka-Melaka mereka pun mengadu kapada pehak berkuasa kerajaan Inggeris di-sana, mengatakan bahawa mereka telah di-rompak oleh orang2 Tengku Dhia'uddin di-Selat Lem-bajin.

Apabila Tuan Resident Melaka dapat pengaduan daripada orang2 tongkang itu maka ia pun menghantar taligerap ka-Singapura minta hantarkan kapal perang. Maka di-hantarkanlah sa-buah kapal perang bernama "Pluto" pergi ka-Kelang. Nakhoda yang di-perentahkan menemui Tengku Dhia'uddin memberitahu ia-itu mereka hendak menangkap orang2 yang merompak tongkang itu. Maka kata Tengku Dhia'uddin, jika lau betul orang2 itu yang merompak boleh-lah tangkap sakalian-nya.

Kemudian, Tengku Dhia'uddin menyuroh pula Syed Zain, ia-itu menteri-nya supaya pergi bersama2 dengan kapal "Pluto" menchari panglima Muda Seri Handalan dan Enche' Tapa Puteh itu. Maka apakala sampai di-Pulau Pinang, kelihatan-lah kedua buah perahu itu, lalu di-turunkan sa-buah perahu berdayong ka-pulau itu dengan membawa mata2 dan soldadu.

Sa-sudah berjumpa nakhoda kapal "Pluto" dengan panglima2 itu maka ia pun menyatakan kapada mereka bahawa Tengku Dhia'uddin memerentahkan mereka balek bersama2 dengan Tuan Syed Zain yang ada di-dalam kapal itu. Kemudian, maka perahu2 yang dua buah itu pun di-tunda-lah, dan apakala sampai di-kapal, sakalian panglima2 dan pengikut mereka itu pun di-naikkan-lah ka-kapal. Pada ketika itu baharu-lah yakin hati mereka, kerana sa-sunggoh-nya ada Tuan Syed Zain di-dalam

kapal itu, dan nyata-lah kapada mereka bahawa Tengku Dhia'uddin memanggil mereka balek ka-Kelang.

Belayar-lah kapal itu meninggalkan Pulau Sembilan dan apakala sampai di-Kuala Kelang maka berlabuh-lah beberapa waktu kerana menyinggahkan Tuan Syed Zain di-sana. Sa-sudah itu kapal "Pluto" itu pun belayar-lah sa-mula menuju Melaka. Ada pun panglima2 itu serta sakalian orang2-nya di-bawa bersama2, bagitu juga Enche' Man, panglima orang Kedah itu pun sama di-bawa pergi. Apabila sampai di-Melaka sakalian mereka itu pun di-bicharakan. Maka keputusan perbicharaan itu kena-lah hukuman penjara Panglima Muda Seri Handalan 10 tahun, Enche' Tapa Puteh kena 10 tahun, dan Enche' Muhammad Lela kena 7 tahun. Yang lain2 semua-nya kena 18 bulan belaka; tetapi Enche' Man Panglima orang Kedah serta sakalian orang2-nya lepas, mereka tiada kena apa2 hukuman.

Sakalian orang2 yang telah di-jatohkan hukuman penjara itu telah di-bawa ka-Singapura. Panglima Muda Seri Handalan dalam masa tiada berapa lama menjalani hukuman penjara itu maka ia pun meninggal dunia. Sa-lain daripada-nya ada lagi sa-puloh dua belas orang lagi yang telah meninggal dunia dalam masa menjalani hukuman penjara itu. Ada pun orang2 yang telah menerima hukuman penjara sa-lama 18 bulan itu, apakala sudah sampai tempoh-nya, mereka pun di-bebaskan. Enche' Tapa Puteh hanya sa-lama tiga tahun sahaja menjalani hukuman penjara itu ia pun di-bebaskan. Khabar-nya pada masa Enche' Tapa Puteh di-dalam penjara itu ia di-beri kerja ringan, ia-itu menjadi kerani menerima barang2 masok saperti kayu, rotan dan lain2 sa-umpama-nya yang di-gunakan bagi membuat perkakas2 yang di-kerjakan oleh orang2 salah di-dalam penjara itu.

Enche' Muhammad Lela tiada juga menjalani hukuman penjara dengan sa-penoh sa-lama tujuh tahun itu. Sa-sudah di-bebas-kan maka ia pun balek-lah ka-Kelang, lalu meninggal dunia pada masa berlaku penyakit ta'un yang bermaharaja lela di-Kelang.

Ada pun Enche' Tapa Puteh, sa-sudah ia di-bebaskan daripada penjara maka ia pun pergi menunaikan fardhu Haji ka-Mekah, dan apabila balek daripada Haji ia pun berkahwin dengan ipar Dato' Dagang Nonggok. Pada masa aku menulis riwayat ini ia maseh ada lagi dan menjadi Imam di-Masjid Kampong Jawa, Kelang.

VII



KEMANGKATAN M.M. SULTAN
ABDUL SAMAD

Kebaktian dan Jasa Raja Muda

Biar-lah ku-cheritakan pula di-sini serba sadikit dari hal Yang Teramat Mulia Raja Muda Sulaiman yang sentiasa sedia dengan ta'at-nya menjunjong titah perentah paduka ninda-nya, Duli Yang Maha Mulia Sultan Abdul Samad. Segala perkara yang berkenaan dengan negeri semua-nya di-serahkan kepada Yang Teramat Mulia itu, serta di-kurniakan kuasa yang chukup, istimewa pula yang mengenai perkara ugama. Maka pada masa itu Yang Teramat Mulia Raja Muda-lah yang mengatorkan se-gala fasal2 mengenai orang2 nikah kahwin dan cherai-berai, ia-itu dengan di-adakan buku2 daftar serta di-adakan surat saman dan sepina⁴²⁾ dalam perkara yang mengenai hukum shara'. Selain dari itu di-adakan pula surat2 resip nikah dan cherai. Demikian juga di-lantek ahli2 ugama bagi memegang jawatan2 Kadhi dan Naib Kadhi pada tiap2 buah daerah yang besar, ia-itu dengan tujuan supaya hukum shara⁴ di-jalankan dengan sempurna di-tiap2 daerah itu.

Suatu perkara yang patut sangat di-jadikan kenangan sebagai jasa Yang Teramat Mulia Raja Muda Sulaiman ia-lah

42) summon dan subpoena.

dalam perkara memberi dan mengembangkan didekan pelajaran kapada kanak2 perempuan. Sa-sunggoh-nya Yang Teramat Mulia itu-lah yang mula2 mengadakan sekolah bagi kanak2 perempuan. Sekolah perempuan yang mula2-nya telah di-buka di-Bandar Temasha, Langat. Bukan sahaja demikian, bahkan gaji guru2 yang mengajar di-sekolah itu pun Yang Teramat Mulia itu membayar-nya. Kemudian apakala telah di-dapati dengan nyata bahawa pelajaran kanak2 perempuan itu boleh maju, baharu-lah pehak Kerajaan champor tangan bagi menyelenggarakan-nya. Hingga ka-masa aku menulis riwayat ini, alhamdu li'llah nam-pak-nya amat-lah maju pelajaran kanak2 perempuan itu di-me-rata2 daerah lalam negeri Selangor.

Dalam bidang pertadbiran yang mengenai hal ahwal ugama juga berjalan dengan baik-nya. Pada masa itu yang menjadi Kadhi Besar negeri Selangor ia-lah sa-orang peranakan Jawa, Tuan Haji Yusof Semarang nama-nya, tetapi tiada berapa lama sahaja ia berkhidmat dalam jawatan itu, ia-itu hanya kira2 sa-tahun, ia pun berhenti. Jawatan menjadi Kadhi Besar itu di-gantikan pula oleh Tuan Syed Abdul Rahman bin Idris Al-Jafri. Ia mula memegang jawatan itu pada 19 haribulan Rabi'ul-akhir tahun Hijrah 1318, bersamaan dengan 15 haribulan Ogos, 1900. Maka dalam beberapa tahun lama-nya Tuan Syed Abdul Rahman ini menjadi Kadhi Besar, ia pun mengambil chuti sa-lama enam bulan, kerana pergi ka-Makkatu'l-musharrrafah lalu ka-Masir dan ka-Baitu'l-makdis, serta ziarah al-Madinatu'l-munawwarah. Maka apabila ia balek daripada Haji ia pun memegang sa-mula jawatan-nya itu. Ada kira2 sa-tahun lama-nya kemudian, pada 24 haribulan Dzu'l-hijjah tahun Hijrah 1332 waktu pukul 4.00 pagi Juma'at, ia pun meninggal dunia dan jenazah-nya di-kebumikan di-tanah wakaf Simpang Lima, Kelang.

Sultan Abdul Samad Mangkat

Sekarang beraleh-lah pula aku pada meriwayatkan perihal kemangkatan Duli Yang Maha Mulia Sultan Abdul Samad. Bahawa dengan iradat Yang Maha Kuasa maka Duli Yang Maha Maclean nama-nya, suroh pereksa. Sa-sudah di-pereksa maka di-1898. Maka di-panggil-lah bomoh serta doktor, ia-itu Doktor Mulia telah mulai mendapat gering pada 17 haribulan Januari,

dapati oleh doktor itu tiada apa2 sakit-nya, melainkan sa-mata2 sakit tua. Maka doktor itu pun memberi ubat kuat bagi di-santap baginda sa-hari tiga kali. Nampak-nya ubat itu tiada jua memberi menefaat. Kemudian di-pakai pula ubat2 bomoh Melayu, itu pun tiada jua memberi bekas, bahkan bertambah lemah pula nampak-nya.

Ada pun isteri Duli Yang Maha Mulia yang ada pada masa itu hanya sa-orang sahaja, ia-itu Che' Fatimah, di-gelar orang "Che' Kelang", kerana ia orang Kelang, anak Tuan Imam Haji Muhammad Akil, emak-nya Che' Lembut binti Dato' Kaya Muhammad Ali. Isteri baginda yang tua-nya bernama Che' Besar Ni'mat itu telah terdahulu meninggal dunia.

Pada ketika Duli Yang Maha Mulia gering itu di-perekson oleh Che' Kelang betapa-kah perasaan duli baginda. Titah baginda, "Tiada apa2, hanya-lah badan aku ini berasa berat, dan ngilu segala sendi2-ku." Baginda bertitah itu dengan suara yang tiada berapa keluar, sa-olah2 tiada kuasa sangat berchakap melainkan suka diam sahaja. Oleh hal yang demikian berhimpunlah sakalian paduka anakanda dan chuchunda baginda itu. Kemudian Duli Yang Maha Mulia sendiri bertitah suroh ambil paduka anakanda baginda, Raja Lebar, ia-itu isteri al-Marhum Raja Berkat, Tengku Panglima Raja, bonda kapada Raja Abdul Manan di-Sepang.

Yang Teramat Mulia Raja Muda Sulaiman amat-lah mashghul melihatkan hal kegeringenan paduka ninda baginda itu, satiap masa dudok bertunggu siang dan malam. Kemudian Yang Teramat Mulia menyuroh orang pergi memanggil paduka ayahanda, Yang Mulia Raja Haji Bot dari Kelang, kerana merundingkan apa2 hal ahwal dengan Pegawai Daerah Kuala Langat itu. Pada masa itu Pegawai Daerah itu ia-lah Tuan Duff nama-nya. Apabila Yang Teramat Mulia Raja Muda berangkat balek ka-Kelang, maka Raja Haji Bot tinggal menjaga Duli Yang Maha Mulia Sultan yang gering itu.

Dalam pada itu Yang Teramat Mulia Raja Muda mengutus taligerap kapada paduka ayahanda, Tengku Dhia'uddin di-Pulau Pinang mengatakan Yang Maha Mulia gering. Maka pada 29 haribulan Januari Yang Mulia Tengku Dhia'uddin pun sampai di-Kelang, dan pada hari esok-nya yang mulia itu pun berangkat ka-Jugra dengan kapal "Asmaralda", aku pun pergi bersama2 me-

ngiringkan. Dua hari lama-nya aku dudok di-Jugra lalu Yang Teramat Mulia Raja Muda titahkan suroh aku balek ka-Kelang membeli barang2 yang hendak di-gunakan.

Dalam hal yang demikian, gering Duli Yang Maha Mulia itu bertambah2 kuat, maka pada 14 haribulan Ramadhan tahun Hijrah 1315 bersamaan dengan 6 haribulan Februari tahun Masehi 1898, hari Ahad, waktu pukul 10.45 pagi sampai-lah hukum Allah Ta'ala ka-atas Duli Yang Maha Mulia itu mangkat, kembali ka-rahmatu'llah Ta'ala, qalau inna lillahi wa inna ilaihi raji'un, di-dalam istana Bukit Jugra, tatkala usia umur baginda 93 tahun, dan lama Yang Maha Mulia itu di-atas takhta Kerajaan Negeri Selangor ia-lah lebeh kurang 43 tahun. Baginda dalam kegeringan itu sa-lama dua puloh satu hari sahaja.

Sa-sudah mangkat Duli Yang Maha Mulia itu maka di-turunkan-lah bendera kuning, dan di-gantikan dengan bendera putih yang di-naikkan separoh tiang. Kemudian Yang Teramat Mulia Raja Muda pun memberi perentah kapada Raja Haji Bot supaya menjalankan peratoran menurut sa-bagaimana isti'adat Raja Kerajaan mangkat, serta di-surohkan pula ia bermuafakat dengan paduka ayahanda, Tengku Dhia'uddin.

Seluroh Selangor Berkabong

Kebetulan pula pada masa itu Tuan Belfield, Pemangku British Resident, Selangor, ada di-Langat. Maka pergi-lah Raja Haji Bot berkhabar kepada Tuan Resident itu bahawa Duli Yang Maha Mulia Sultan telah mangkat. Maka amat-lah terkejut Tuan Resident mendengar perkhabaran itu, kemudian ia pun berkata, "Sekarang apa macham Raja Muda mahu perbuat, mana yang berkenaan dengan saya boleh-lah saya jalankan." Maka di-jawab oleh Raja Haji Bot, "Baik-lah tuan, ini-lah saya di-titahkan oleh Yang Teramat Mulia Raja Muda minta supaya di-tembakkan meriam sa-banyak enam puloh das, ia-itu sa-bagi memberi alamat Sultan Negeri mangkat. Tembakan itu sa-kali pada satu minit, dan di-turunkan bendera separoh tiang sampai kapada hari di-makamkan jenazah al-Marhum itu. Bagitu juga bagi seluroh jajahan dalam negeri Selangor, di-minta tuan memberi khabar kapada semua pegawai2 Jajahan supaya semua orang2 Melayu dan lain2 yang ada dalam negeri ini memakai perkabongan, ia-itu



Raja Haji Bot, terkenal sa-bagai sa-orang Orang Besar Selangor yang bijaksana.

di-lilitkan kain puteh sa-lebar kira2 dua inchi di-kepala atau pun di-songkok-nya. Sakalian anak2 raja berkabong kain hitam sa-lebar itu juga atau sa-helai sapu tangan. Sakalian penghulu2 pun di-kehendaki berkabong kain hitam sa-lebar dua inchi juga. Satu lagi perkara yang di-kehendaki ia-lah minta supaya perentahkan tutup semua pejabat2 pada hari jenazah itu di-makamkan."

Apakala selesai perchakapan ini Raja Haji Bot pun berangkat-lah balek, dan kira2 pukul empat petang datang-lah Tuan Resident mengunjungi jenazah al-Marhum di-dalam istana.

Sa-sudah itu Yang Teramat Mulia Raja Muda titahkan pula Raja Haji Bot memberitahu kepada Tuan Resident berkenaan dengan peratoran isti'adat yang hendak di-jalankan waktu memakamkan jenazah al-Marhum itu, ia-itu hendak-lah di-sempurnakan terlebeh dahulu akan ganti Sultan, dan dengan perentah Sultan yang baharu itu-lah kelak baharu jenazah al-Marhum itu di-makamkan.

Maka kata Tuan Resident, berkenaan dengan hal itu boleh-lah kita timbangkan. Kemudian di-jawab pula oleh Raja Haji Bot, berkenaan dengan ganti itu al-Marhum sudah sedia bertemu dengan Tuan Resident J.P. Rodger, ia-itu dengan nasihat Yang Amat Berhormat Setia-usaha Negara bagi Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen di-England, Raja Muda Sulaiman telah di-tetapkan ganti Sultan Selangor. Ketentuan ini telah dibuat menurut surat bertarikh pada 5 haribulan Ogos tahun 1887.

Maka kata Tuan Resident pula, "Jikalau sudah demikian tiada-lah susah lagi; apakala saya sampai di-Kuala Lumpur kelak boleh-lah saya pereksa segala surat2 itu, dan lagi apa2 yang dititahkan oleh Raja Muda itu boleh-lah saya jalankan," sa-sudah itu ia pun bermohon-lah kapada Yang Teramat Mulia Raja Muda balek ka-rumah Tuan Pegawai Daerah. Kira2 pukul 6.00 petang ia pun belayar-lah dengan kapal ka-Kelang.

Tatkala sampai di-Kuala Lumpur maka di-perma'alumkannya-lah kapada Yang Berhormat Tuan Treacher, Resident Jeneral, supaya mengirim taligeram kepada Tuan Setia-usaha negara Inggeris supaya di-ma'alumkan kepada Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen bagi Kerajaan Great Britain di-England. Demikian juga minta kirimkan taligeram kepada Sultan2 Perak, Pahang, Negeri Sembilan berserta juga kepada Resident2-nya sa-kali. Ada pun kapada raja2 yang lain seperti Johor, Kedah,

Riau dan lain2 lagi Yang Teramat Mulia Raja Muda sendiri mengirim taligerap dan surat, ia-itu memberi khabar kemangkatan paduka ninda baginda itu. Kemudian dapat-lah jawapan dari-pada Raja2 dan Resident2 itu, masing2 menyatakan perasaan amat dukachita-nya.

Tatkala mangkat Duli Yang Maha Mulia Sultan Abdul Samad itu ada-lah aku di-dalam jawatan Jurutulis kapada Yang Teramat Mulia Raja Muda. Terdahulu daripada itu aku dudok di-Kuala Lipis, Pahang, menjadi ejen kapada Tuan Syed Muhammad bin Ahmad al-Sagaf yang terkenal di-sebut orang nama-nya Nong Chik. Kerja aku ia-lah menerima barang2 yang di-kirimkan dari Singapura seperti apiun, tembakau Jawa, kain2 dan lain2 sa-umpama-nya. Barang2 itu di-jual kapada orang2 China dan Melayu yang membuat kerja menchebak emas dalam konseshen⁴³⁾ di-dalam daerah Sepan. Kerja yang ku-buat ini ia-lah dengan pertolongan dan akuan Raja Empih bin al-Marhum Raja Abdullah, kerana ia-nya ada masok sher⁴⁴⁾ di-dalam konseshen, istimewa pula ia menjadi pengurus pada sharikat itu.

Persediaan2 Untuk Isti'adat Permakaman

Maka berhimpun-lah sakalian penghulu2 mukim dengan membawa anak2 buah masing2 ka-Jugra. Pada hari jenazah al-Marhum itu hampir akan di-makamkan maka tiba-lah wakil2 Duli Yang Maha Mulia Sultan Idris dari Perak ia-itu Yang Teramat Mulia Raja Muda Musa dan Dato' Raja Dibungsus Enche' Jeragan.

Ada pun Yang Teramat Mulia Raja Muda telah menitahkan supaya di-perbuat keranda dan usongan Seraja Diraja, dan tu-kang2 pun bekerja-lah dengan tidak berhenti2 siang dan malam. Apakala telah siap-lah keranda itu maka jenazah al-Marhum pun di-sitamkan di-dalam istana dengan sempurna menurut seperti adat isti'adat, ia-itu di-ator jawatan empat orang memakai tetempan⁴⁵⁾), wali⁴⁶⁾ menjawat perbaraan dua orang di-

43) concession — satu kawasan tanah yang di-beri kepada sa-saorang atau sa-suatu badan perusahaan.

44) saham.

45) sa-helai kain untuk isti'adat warna kuning, biasa-nya di-selampaikan di-bahu kiri.

46) sa-helai kain untuk isti'adat warna puteh, biasa-nya di-selampaikan di-bahu kanan.

kanan dan dua orang di-kiri. Sa-lain dari itu enam belas orang menjawat dian dengan memakai selampai, enam belas orang menjawat kain dukong, dan enam belas orang menjawat payong ubor2 kekuningan, sakalian penjawat alat2 isti'adat itu laki2 belaka.

Sa-telah lengkap segala pegawai serta alat bersiram dengan puan, tempat sireh peruang serta sintok, sabun dan sa-bagai-nya di-dalam talam perak, maka baharu-lah di-angkat jenazah itu ka-tengah istana akan di-siramkan. Pada waktu mengangkat jenazah itu di-pasangkan meriam sembilan das kemudian di-masukkan jenazah itu di-dalam kelambu kekuningan, di-galang oleh anak raja2 kerabat dan di-siramkan oleh naib kadhi serta imam, bilal dan tuan2 haji. Sa-sudah selesai di-siramkan di-angkat-lah jenazah itu balek ka-atas geta peterana, di-kapankan serta di-chichiran gabaru, khelembak dan kesturi serbok, di-renjiskan ayer mawar dan di-sapukan minyak atar. Kemudian baharu-lah di-sembahyangkan oleh ulama2, tuan2 haji dan lebai2.

Apakala telah selesai-lah di-sembahyangkan maka Yang Teramat Mulia Raja Muda berserta dengan sakalian anak raja2 pun mengangkat jenazah di-masukkan ka-dalam keranda dan di-tutup, lalu di-usong naik ka-balairong di-letakkan di-atas singgahsana. Kemudian di-ator-lah pula jawatan laki2 sa-ramai enam belas orang bertetepan wali berseluar dan berbaju hitam, berkain Bugis chorak hitam, berkabong puteh di-lilitkan di-kepala tiada bersongkok. Sakalian mereka itu dudok bertunggu siang dan malam dengan menjawat dian berkaki perak. Maka di-tarohkan pula empat buah perbaraan dua di-kanan dua di-kiri di-bakarkan gaharu hingga sampai ka-hari di-makamkan.

Ada pun keadaan keranda jenazah itu di-bubohkan di-dalamnya tanah yang kering di-haluskan, kemudian di-taroh kertas api dan berteih serta padi beberapa gantang. Maka keranda itu pula di-sampul dengan sutera kuning beropol, dan kain itu di-perbuat saperti bunga di-taroh di-atas keranda itu. Dalam pada itu, Yang Teramat Mulia Raja Muda menempa ambor⁴⁷⁾ beribu2 banyak-nya, ia-itu di-perbuat daripada emas dan perak, sa-hingga beberapa hari tukang2 bekerja malam siang tiada berhenti2.

Tatkala jenazah ada di-dalam balairong di-atas singgahsana

47) benda untuk chenderamata atau kenang2an.

itu sa-tiap hari orang2 datang mengunjungi, maka orang yang menerima dan menyambut kedatangan orang2 itu bagi pehak anak raja2 ia-lah Raja Juma'at bin Raja Haji dan Raja Mansor bin Raja Muhammad. Maka bagi pehak orang2 Arab, alim ulama dan tuan2 haji ia-lah Tuan Syed Hussin, dan sakalian orang yang datang mengunjungi itu bersedekah sembahyang. Orang yang menerima kedatangan bagi pehak orang2 Puteh ia-lah Tuan Dickson, Pegawai Daerah, ia-itu ganti Tuan Duff yang telah berhenti daripada jawatan-nya kerana pergi ka-Kelantan menjadi saudagar. Tuan Duff ini telah mendapat tanah emas di-kurnia-kan oleh Raja Kelantan.

Maka pada masa itu berhimpun-lah sakalian ra'ayat isi negeri Selangor ka-Jugra sa-hingga penoh sesak. Sa-tiap hari mereka di-beri makan minum dengan sa-chukup-nya hingga sampai kapada hari di-makamkan jenazah itu. Orang yang di-tugas-kan bagi mengurus persediaan memberi makan orang2 itu ia-lah Dato' Dagang Haji Muhammad Tahir.

Tiada berapa hari sahaja lama-nya penghulu2 yang di-tugas-kan bagi membuat usongan Seraja Diraja itu bekerja dengan tekun-nya, maka usongan itu pun siap-lah, dan pada 25 haribulan Ramadhan tahun Hijrah 1315 bersamaan dengan 17 haribulan Februari tahun Masehi 1898, hari Khamis pukul 3.30 petang maka sampai-lah Yang Berhormat Resident Jeneral Tuan Treacher bersama dengan Pemangku Resident Tuan Belfield, di-iringi oleh Tuan Pegawai Daerah Kuala Langat. Pada masa itu Yang Teramat Mulia Raja Muda telah sedia menanti di-dewan balairong berserta dengan anak raja2, ia-itu Yang Amat Mulia Tengku Dhia'uddin, Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak, Yang Mulia2 Raja Haji Bot, Raja Laut, Raja Mahmud, Raja Ibnusah putera al-Marhum Sultan Abdul Samad, Syed Mansor dan lain2 lagi, melainkan Raja Kahar ibni Sultan Abdul Samad sahaja tiada hadhir, kerana Yang Mulia itu sedang gering.

Raja Muda Di-ishtibarkan Ganti Sultan

Maka Yang Berhormat Tuan Resident Jeneral dan Tuan Pemangku Resident pun naik-lah ka-balairong berjabat tangan dengan Yang Teramat Mulia Raja Muda dan lain2-nya, kemudian baharu-lah dudok di-kerusi. Ada sa-jurus lama-nya kemu-

dian, Tuan Resident Jeneral pun bangun berdiri melafazkan uchapan dalam bahasa Inggeris mengatakan bahawa Yang Teramat Mulia Raja Muda Sulaiman menjadi Sultan ganti al-Marhum paduka ninda baginda Sultan Abdul Samad dan mempunyai takhta Kerajaan negeri Selangor, Darul Ihsan serta segala daerah ta'alok-nya, ia-itu dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Permaisuri di-England, dan di-persetuju oleh pegawai yang memerentahkan negeri2 Selat, bagitu juga oleh pegawai2, anak raja2 dan sakalian isi negeri Selangor, dengan gelaran Sultan 'Ala'uddin Sulaiman Shah, dan Tengku Mahrum bergelar Tengku Ampuan Paduka Seri Negara.

Apabila selesai uchapan Yang Berhormat Resident Jeneral itu maka tampil-lah pula Raja Haji Bot menyeru kapada khalayak ramai dengan membachakan surat dalam bahasa Melayu demikian bunyi-nya:

Bahawa sa-nya di-nyatakan kepada sakalian anak raja2 dan pegawai2 serta sakalian saudagar2 Melayu, China, India serta ra'ayat isi negeri; maka ada-lah kapada 31 haribulan Ogos tahun 1887, dengan nasihat Yang Amat Berhormat Tuan Secretary of State, yang di-bawah Dulia Yang Maha Mulia Baginda Queen Permaisuri, kapada Yang Maha Mulia Sultan Abdul Samad mengurniakan kuasa kapada chuchunda-nya, ia-itu Raja Sulaiman menjadi Raja Muda negeri Selangor serta jajahan ta'alok-nya, menurut sa-bagaimana adat isti'adat sakalian raja2 yang berdaulat. Maka kapada masa ini Duli Yang Maha Mulia itu telah mangkat. Oleh hal yang demikian sekarang ini akan di-jalankan serta di-sempurnakan-lah bagaimana wasiat yang tersebut itu. Mengikut isti'adat negeri apakala mangkat Sultan, Raja Muda Sulaiman ini-lah ganti-nya jadi Sultan negeri Selangor di-khitabkan⁴⁸⁾ dengan nama Seri Paduka Yang Maha Mulia Sultan 'Ala'uddin Sulaiman Shah, dan isteri-nya Tengku Mahrum, dengan gelaran Tengku Ampuan negeri Selangor birahmati Ka-ya-Arhamar ra-himin."

Apakala selesai sahaja Raja Haji Bot mengishtiharkan isi surat itu maka sakalian orang2 yang hadir pun mengatakan "Daulat!"

48) di-gelarkan.

Maka Duli Yang Maha Mulia pun menerima, demikian titahnya: "Telah menerima-lah beta, menanggong amanah kerajaan yang telah di-tanggongkan oleh negeri dan sakalian ra'ayat isi negeri di atas beta ini."

Isti'adat Memakamkan Jenazah

Sa-telah habis Duli Yang Maha Mulia bertitah itu maka kadhi pun membacha do'a, dan pancharagam pun membunyikan Lagu Selamat. Kemudian daripada itu Duli Yang Maha Mulia Sultan pun memegang keranda jenazah, lalu-lah di-angkat oleh sakalian anak raja2 turun daripada balai.

Bahawa pada waktu Tuan Resident Jeneral melafazkan gelaran Sultan itu maka di-turunkan bendera puteh perkabongan, lalu di-naikkan pula bendera kuning bagi Sultan baharu, kemudian di-turunkan sa-mula bendera kuning itu dan di-naikkan balek bendera puteh separoh tiang sa-hingga empat puluh hari lama-nya daripada hari mangkat Duli Yang Maha Mulia itu.

Maka keranda jenazah itu pun di-masokkan-lah ka-dalam usongan Seraja Diraja,⁴⁹⁾ dan di atas keranda itu di-letakkan pedang kebesaran serta dengan bintang K.C.M.G. ia-itu hadiah daripada Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Victoria, di-England. Sa-telah sempurna-lah segala peratoran Seraja Diraja itu di-ator-lah pula tertib jawatan menurut isti'adat, ia-itu segala jawatan yang di-dalam usongan ia-lah daripada anak raja2 dan anak orang baik2 yang muda2, kesemua-nya laki2 belaka, melainkan hanya dua orang raja yang tua, ia-itu Raja Laut bin al-Marhum Sultan Muhammad dan adinda-nya Raja Mahmud.

Alat2 isti'adat yang di-letakkan di atas usongan Seraja Diraja ia-lah empat perbaraan, dua di-hadapan dan dua di-belakang; empat ambor2, dua di-hadapan dan dua di-belakang, ayer talkin sa-kendi, sa-helai lapek talkin, kelambu kekuningan di-taroh di-dalam sa-buah talam perak. Sa-lain dari itu alat2 isti'adat yang di-jawat oleh orang2 yang berjalan di-tanah, ia-lah enam belas kaki payong ubor2 kekuningan, delapan di-kanan dan delapan di-kiri. Ada pun usongan Seraja Diraja itu di-beri beroda empat dan orang2 yang menanggong usongan itu semua-nya penghulu2

49) usongan jenazah diraja.

mukim empat puloh orang ramai-nya, sakalian mereka berpakaian seluar baju hitam, berkain hitam dan berkabong hitam.

Manakala telah musta'ed-lah segala peratoran isti'adat itu maka berjalan-lah angkatan jenazah itu, yang berjalan di-hadapan sa-kali ia-lah pasokan askar berjumlah sa-ratus orang, di-belakang itu pula pasokan pancharagam, kemudian pasokan ulama, kadhi, imam, khatib dan tuan2 haji. Di-belakang itu pasokan berpedang yang di-ketuai oleh Tuan Syed Mashhor bin Muhammad bin Shahab. Kemudian daripada itu pula orang2 yang menjawat dian enam belas di-ketuai oleh Raja Mansor bin Raja Sulaiman, di-ikuti pasokan tombak benderang enam belas yang di-ketuai oleh Syed Sakaf ibni Syed Hassan al-Habshi, dan di-belakang itu pasokan perbaraan di-ketuai oleh Raja Tahir bin al-Marhum Raja Muda Musa, lepas itu pasokan kain dukong di-ketuai oleh Wan Soloh bin Wan Muhammad Sa'id, di-belakang itu, kepala jalan Seraja Diraja ia-lah Raja Abdul Murad bin Raja Muda Musa serta Raja Hassan bin Raja Abdullah dan anak2 raja kerabat. Maka di-belakang Seraja Diraja itu ia-lah Duli Yang Maha Mulia Sultan bersama2 dengan Resident Jeneral, Tuan Pe-mangku Resident Selangor, Yang Amat Mulia Tengku Dhia'uddin, Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak, Raja Ibnusah, serta pegawai2 dan saudagar2 Orang Puteh, di-belakang itu sau-dagar2 China, kepala-nya Tawkey Yap Kwan Seng, Kapitan China, dan Tawkey Lok Yew, lepas itu baharu-lah orang ramai.

Usongan Seraja Diraja itu di-beri bertali satu di-kiri satu di-kanan, panjang-nya lebih kurang tiga puloh depa ia-itu supaya boleh di-tarek berama2. Pada kiri kanan jalan mulai daripada pintu jalan masok hingga sampai ka-makam di-rentang pula tali, ia-itu supaya sakalian orang2 yang melihat itu berdiri di-luar tali itu sahaja, tidak boleh mengganggu masok ka-dalam, bagitu juga pada masa itu mata2 berkawal keras. Di atas jalan di-bentang kain kuning hingga sampai ka-makam.

Maka tatkala usongan Seraja Diraja itu berjalan di-tembak-lah meriam sembilan puloh tiga das, ia-itu mengikut sa-banyak mana usia umur Duli Yang Maha Mulia al-Marhum, dan dalam masa berjalan itu pancharagam di-bunyikan lagu perkabongan, sa-hingga sampai di-makam baharu-lah berhenti.

Apakala telah sampai-lah angkatan jenazah itu ka-makam maka keranda itu pun di-angkat-lah keluar daripada usongan,

kemudian sakalian askar2 pun berbaris-lah pada kiri kanan jalan itu dengan mengangkat Hormat Senjata. Lepas itu maka usongan keranda jenazah itu pun di-bawa masok ka-dalam khemah. Segala jawatan di-ator sebelah-menyebelah liang lahad, dudok berlapan sa-belah.

Maka pada ketika itu Tuan Haji Yusof dengan ulama2 dan tuan2 haji pun turun-lah ka-dalam liang lahad makam, kerana menyambut keranda jenazah itu; dan apakala sudah sempurna letak-nya jenazah itu maka di-timbus-lah dengan tanah dengan sempurna-nya. Kemudian daripada itu Tuan Haji Abdul Hamid Imam pun menchuchorkan ayer talkin, dan Tuan Haji Muhammad Akil, Naib Kadhi, ia-itu bapa mertua kapada al-Marhum itu membachakan talkin serta tahlil, sa-telah selesai maka Tuan Kadhi Haji Muhammad Yusof pun membacha do'a.

Apabila sudah selesai-lah segala-nya itu maka Raja Haji Bot dengan aku pun menyampaikan sedekah kapada sakalian orang2 yang hadhir dengan wang ringgit dan siling serta dengan tiga empat orang penolong. Ada pun ambor2 daripada emas dan perak itu Raja Tahir memberi kapada orang2 yang tiada beroleh-nya. Pada ambor2 itu ada tertulis tarikh mangkat al-Marhum ia-itu akan jadi peringatan kapada orang2 yang mendapat-nya itu. Maka hingga sampai pukul 6.00 petang baharu-lah selesai aku memberi sedekah itu.

Sa-sudah selesai menyempurnakan segala upachara permakaman itu maka Duli Yang Maha Mulia Sultan berserta Tuan Resident Jeneral dan Tuan Pemangku Resident pun berangkat-lah balek, pada ketika itu sakalian askar memberi Hormat Senjata dan mengiringkan Duli Yang Maha Mulia hingga sampai ka-istana. Tiada berapa lama sa-lepas itu maka Yang Berhormat Tuan Resident Jeneral dan Tuan Pemangku Resident pun ber-mohon-lah kapada Duli Yang Maha Mulia, lalu turun ka-kapal balek ka-Kelang. Dalam masa tiga hari sahaja lama-nya maka habis-lah sakalian orang balek ka-tempat masing2.

Kemudian daripada itu Duli Yang Maha Mulia Sultan pun berbuat khenduri "Meniga hari", "Menujoh hari", "Dua kali tujoh hari", dan "Empat puluh empat hari". Khenduri2 itu di-adakan di-Jugra, melainkan meratus hari sahaja di-perbuat di-Kelang. Sa-lain dari itu telah di-tetapkan pula orang dudok mengaji Qur'an di-makam itu siang dan malam.



VIII

D.Y. SULTAN 'ALA'UDDIN SULAIMAN SHAH DI-ATAS TAKHTA KERAJAAN SELANGOR

Selesai-lah sudah aku meriwayatkan hal ahwal mengenai kemangkatan al-Marhum Sultan Abdul Samad yang kemudian-nya terkenal dengan sebutan Marhum Jugra itu. Maka sekarang aku terangkan pula berkenaan dengan ka'edah bendera Kerajaan Negeri Selangor, supaya di-ketahui oleh orang2 yang kemudian kelak akan maksud tafsiran warna kuning dan merah serta dengan bulan bintang itu.

Tafsiran Bagi Bendera Selangor

Bahawa sa'-nya kemudian daripada al-Marhum Sultan Muhammad, maka naik takhta pula Sultan Abdul Samad merentah negeri Selangor serta segala jajahan ta'alok-nya. Pada masa itu tiada-lah berlaku pergaduhan lagi di-dalam Negeri Selangor, melainkan aman sahaja di-seluroh jajahan ta'alok-nya. Maka dewasa itu-lah di-jadikan bendera2 negeri Selangor berwarna kuning dengan merah serta bulan bintang itu. Ada pun ma'ana-nya kuning itu tuboh kerajaan yang di-umpamakan daging; warna merah itu tanda pemeliharaan yang di-umpamakan darah; dan bulan bintang itu tanda pertunjok ya'ani menerangi yang gelap. Ada-lah kerajaan mengaku merinti di-atas



Penabalan Sultan 'Ala'uddin Sulaiman Shah pada 17hb. Februari, 1898 di-Jatana Jagra.
Duduk dari kiri ke-kanan, Tengku Abdul Mard (Tengku Panglima Besar); Tengku Haji Bo;
Duli Yang Maha Mulia Sultan Alauddin Sulaiman Shah; Tengku Jami'at; Tengku Tabir.

jalan yang benar dengan keadilan; sa-kali2 tiada berhajat hendak membuat aninya di atas sa-siapa jua, bahkan sentiasa perchaya kapada Allah dan Rasul-nya.

Pada masa yang terdahulu ada-lah bendera peribadi Sultan2 sendiri sampai kapada pemerentahan Sultan Abdul Samad ber-warna kuning sa-mata, maka pada zaman Sultan 'Alau'uddin Sulaiman Shah di-ubah sadikit, ia-itu tanah-nya kuning, penjuru pada bahagian pangkal sa-belah atas warna merah, dan di-dalam merah itu sa-hari bulan dan sa-biji bintang. Ada pun bendera bagi negeri ia-lah pada bahagian penjuru sa-belah atas warna merah dan di-dalam-nya bulan bintang. Pada bahagian penjuru sa-belah bawah warna kuning, penjuru hujong sa-belah bawah warna merah dan penjuru sa-belah atas warna kuning, demikian-lah ada-nya.

Sa-sunggoh-nya pada masa pemerentahan Sultan Abdul Samad, al-Marhum Jugra itu, tiada-lah lagi di-adakan orang besar2 menurut sa-bagaimana yang telah ada dan di-jadikan oleh al-Marhum Sultan2 yang terdahulu sampai-lah kapada masa pemerentahan Sultan Muhammad, ia-itu al-Marhum mangkat di-Kelang.

Hal yang menyebabkan demikian ia-lah apakala mati sa-sa-orang orang besar itu tiada-lah pula di-lantek ganti-nya; melainkan hanya sa-orang orang besar sahaja yang tinggal, ia-itu Dato' Kaya Kelang bernama Enche' Baduk bin Dato' Kaya Muhammad Ali. Dia-lah Orang Kaya yang keenam. Pada masa dahulu perentah Dato' Kaya Kelang ini meliputi hingga ka-hulu Sungai Kelang, sampai penghabisan pasang, ya'ani sa-jauh mana had ayer pasang sampai; dan arah ka-laut pula sampai ka-penghabisan surut; ka-bahagian barat pula perentah-nya sampai ka-Sungai Pulau; dan ka-timor sampai ka-Tanjong Ru. Ada pun perolehan belanja bagi Dato' Kaya Kelang itu ia-lah dengan menerima chukai kulit tengar yang biasa-nya di-bawa oleh wangkang2 China dari Kuala. Pada masa Raja Abdullah memerentah Kelang maka di-kurniakan belanja bulan2 ia-itu dari semenjak Dato' Kaya Muhammad Ali sampai-lah kapada Dato' Kaya Baduk.

Pada masa Sultan 'Ala'uddin Sulaiman Shah di-atas takhta Kerajaan Selangor di-adakan-lah sa-mula Orang Besar2 ia-itu yang pertama-nya Dato' Aru, yang kedua Dato' Penggawa Tua, yang ketiga Dato' Penggawa Muda, yang keempat Dato' Maharaja

Lela, yang kelima Dato' Shahbandar, yang keenam Dato' Bentara Kanan, yang ketujuh Dato' Bentara Kiri, yang kedelapan Dato' Panglima Dalam, dan yang kesembilan Dato' Megat Penghulu Balai; jadi bersempilan orang-lah semua.

Menggelar Orang Besar2

Pada masa Duli Yang Maha Mulia hendak menggelar orang besar2 itu belum-lah dapat lagi orang yang layak menyandang jawatan Dato' Aru itu. Oleh yang demikian berlapan orang sahaja-lah orang besar2 yang di-gelar dalam satu hari, ia-itu pada 4 haribulan Jamadi'l Akhir tahun Hijrah 1316, bersamaan dengan 20 haribulan Oktober tahun Masehi 1898, hari Khamis pukul 2.00 petang. Isti'adat menggelar itu telah di-sempurnakan di-dalam balairong kerajaan di-Bukit Jugra. Pada masa itu Yang Berhormat Tuan Rodger menjadi British Resident, Selangor. Ia pun ada hadhir dalam majlis isti'adat menggelar itu.

Sakalian orang2 yang di-gelar itu di-kurniakan persalinan seluar dan baju serta sapu tangan bertelepok. Sa-sudah sakalian-nya memakai persalinan di-balai bawah, maka Yang Mulia Raja Haji Bot pun membachakan surat Sumpah Setia kepada delapan orang itu, kemudian lalu di-jawab pula oleh orang2 yang di-gelar itu sa-orang lepas sa-orang, dan apakala sudah selesai, maka naik-lah semua-nya ka-balairong, di-situ Tuan British Resident telah sedia hadhir.

Sa-bentar lama-nya kemudian maka Duli Yang Maha Mulia pun berangkat dengan jawatan daripada istana ka-balairong. Sa-sudah berjabat tangan dengan Tuan Resident maka Duli Yang Maha Mulia pun bersemayam di-kerusi. Tuan Resident dudok di-sabelah kiri dan sakalian anak raja2, pegawai2 serta orang ramai dudok berator masing2 pada taraf-nya. Maka Yang Mulia Raja Haji Bot pun bangun berdiri membachakan Surat Gelaran, yang pertama-nya kapada Haji Ahmad bin Babu di-gelar Dato' Penggawa Tua Paduka Maha Bijaya, yang kedua-nya Enche' Muhammad bin Abu Hassan di-gelar Dato' Penggawa Muda Paduka Maha Bijaya, yang ketiga-nya Haji Abdul Ghani bin Dato' Maharaja Lela Meka' di-gelar Dato' Maharaja Lela Setia Paduka, yang keempat-nya Haji Ali bin Dato' Bandar Muhammad Salleh di-gelar Dato' Shahbandar Diraja, yang kelima-nya

Enche' Solok bin Wan Muhammad Sa'id di-gelar Bentara Kanan Raja Diraja, yang keenam-nya Enche' Wan Muhammad Amin bin Wan Muhammad Sa'id di-gelar Bentara Kiri Amar Diraja, yang ketujuh-nya Enche' Muhammad Piah bin Panglima Dalam Muhammad Tahir di-gelar Panglima Dalam, dan yang kedelapan-nya Enche' Mahmud bin Adam di-gelar Megat (Penghulu Balai).

Maka apakala sudah selesai-lah isti'adat bergelar itu maka meriam pun di-pasang sembilan das, dan di-bunyikan pancharam gam kerajaan. Kemudian sakalian orang2 yang di-gelar itu pun di-panggil tampil menjunjong duli, sa-orang lepas sa-orang dengan tertib isti'adat menjunjong duli, ia-itu tiga kali berjalan mara dan tiga kali undor ka-belakang, sambil memberi hormat kapada Tuan Resident dengan menundukkan kepala. Apabila tiba kembali pada tempat permulaan dudok pula mengangkat sembah, kemudian beredar ka-kanan, lalu turun berhenti di-balai bawah. Demikian-lah chara tertib menurut atoran isti'adat yang di-lakukan oleh tiap2 sa-orang yang di-gelar itu.

Apabila selesai-lah tembakan meriam di-bukit sa-banyak sembilan das maka di-bunyikan-lah pancharam gam lagu selamat, kemudian Duli Yang Maha Mulia pun mengurniakan jamuan teh dan pengangan juadah kapada dhaif2 utama termasuk-lah Tuan British Resident, Tuan Pegawai Jajahan Kuala Langat dan anak raja2. Bagi orang ramai pula di-kurniakan jamuan nasi di-balai bawah, dan yang mengelolakan jamuan itu ia-lah Haji Ibrahim, Penghulu Jugra dan Haji Abdul Hamid, Penghulu Kelang.

Maka sa-sudah selesai jamuan itu, Yang Berhormat Tuan Resident pun bermohon balek, dan pada waktu malam itu ia pun belayar-lah balek ka-Kelang bersama2 dengan Yang Mulia Raja Haji Bot serta juga sakalian orang2 yang baharu bergelar itu. Maka tujuh hari lama-nya kemudian Duli Yang Maha Mulia pun berangkat balek ka-Kelang, dan ketika itu baharu-lah sakalian orang2 yang bergelar itu datang mengadap, kerana sudah memang teradat dari zaman berzaman bahawa mereka yang bergelar itu tiada boleh berjumpa dengan raja dalam tempoh tujuh hari lama-nya sa-lepas bergelar.

Bahawa sa-nya ada-lah Orang Besar2 yang di-gelar itu, ia-itu Penggawa Tua, Penggawa Muda, Maharaja Lela, Shahbandar, Panglima Dalam, dan Megat, mereka itu semua-nya daripada

keturunan anak baik2 Bugis yang datang bersama raja-nya, ia-itu putera Upu Daeng Chelak, Yang Dipertuan Muda Riau. Putera ini bernama Raja Lumu', dia-lah yang menjadi Sultan yang pertama bagi Kerajaan Negeri Selangor, Darul Ihsan, kira2 dalam tahun 1700 Masehi, dengan gelaran Sultan Salahuddin.

Ada pun Bentara Kanan dan Bentara Kiri berdua beradek itu ia-lah berasal keturunan daripada Kedah. Ayah-ku, Wan Muhammad Sa'id bin Wan Muhammad Hadi bin Wan Su Moyang-ku, Wan Su ini-lah yang bergelar Dato' Temenggong, Orang Besar Kerajaan Kedah. Orang tua-ku Wan Muhammad Sa'id di-lahirkan di-Kelang, kerana nenek-ku yang perempuan bernama Che' Mahirim ia-lah anak Tuan Iman Abdul Haj, ia-itu orang Kelang asal. Nenek-ku itu mendapat anak dengan Wan Muhammad Hadi dua orang, yang tua-nya bernama Wan Hussin dan yang muda-nya bernama Wan Muhammad Sa'id, ia itu-lah bapa-ku. Kahwin pula bapa-ku dengan ibu-ku, Che' Ghuliah anak Enche' Bahir bin Dato' Kaya Hassan, Kelang, ia itu-lah moyang-ku di-sabelah pehak emak-ku.

Sekarang kembali-lah sa-mula aku meriwayatkan dari hal raja-ku Duli Yang Maha Mulia Sultan 'Ala'uddin Sulaiman Shah, sa-telah tetap-lah baginda di atas takhta memerentah Kerajaan Negeri Selangor serta segala jajahan ta'alok-nya, dan dengan berkat tinggi daulat sa'adah maka aman-lah seluroh negeri Selangor dan makin bertambah ma'amor dan kekayaannya. Hasil yang di-perolehi sa-hingga berpuloh2 juta ringgit sa-tahun, ia-itu dengan bijaksana sakalian pegawai2 yang mendibirkан, istimewa dengan berkat Duli Yang Maha Mulia ber'ibadat kepada Allah subhanahu wa-ta'ala tiada meninggalkan sembahyang dan puasa, tambahan lagi tiada pula menghisap chandu; al-hamdu lillah jauh sa-kali daripada meminum barang yang mabok, istimewa pula pekerjaan judi dan menyabong ayam. Telah menjadi amalan pula bagi baginda pada tiap2 bulan Ramadhan di-panggil Qari mengaji Qur'an di-dalam istana dan sembahyang terawikh. Maka sakalian orang2 yang mengajiti di-beri sedekah wang dan makan berbuka puasa serta sahor, kemudian di-adakan pula sa-orang ketua bagi melayani mereka itu, ketua ini ia-lah Haji Muhammad Amin bin Hashim, Melaka, di-gelar Imam Paduka Shaikh Amin.

Pada 21 haribulan November tahun 1899, Duli Yang Maha

Mulia mengurniakan pangkat Raja Muda kapada paduka ninda baginda, ia-itu Raja Laut ibni al-Marhum Sultan Muhammad; tetapi kurniaan ini tiada-lah dengan di-lantek menurut peratoran isti'adat, melainkan hanya di-ishtiharkan di-dalam Warta Kerajaan sahaja. Kurniaan jawatan Raja Muda itu telah di-timbangkan oleh Duli Yang Maha Mulia sa-sudah mendapat persetujuan muafakat dengan Yang Berhormat Resident Jeneral Tuan Frank Swettenham dan Tuan Resident Rodger. Baginda berpendapat ia-itu patut jua Raja Laut di-kurniakan pangkat itu, tambahan pula dari pehak anak raja2 pun telah memohonkan limpah perkenan baginda mengurniakan pangkat Raja Muda itu.

Patut juga rasa-nya ku-terangkan di-sini ada pun Raja Laut itu tatkala mangkat paduka ayahanda-nya, ia-itu Sultan Muhammad, Yang Teramat Mulia itu lagi kecil, oleh yang demikian sakalian Orang Besar2 dengan sa-bulat suara mengangkat Raja Abdul Samad, putera Raja Abdullah, ia-itu anak saudara benar kapada Sultan Muhammad menjadi Sultan Selangor.

Pada masa Yang Teramat Mulia Raja Laut menyandang pangkat Raja Muda Selangor itu ia telah di-kurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia belanja pada sa-bulan sa-banyak \$600/-.

Tengku Ampuan Mahrum Merajok

Ada suatu peristiwa yang kekal di-dalam kenangan-ku ia-itu dalam hal yang berkenaan dengan perikatan sa-bagai suami isteri di-antara Duli Yang Maha Mulia dengan paduka adinda baginda Tengku Ampuan Mahrum. Sa-panjang yang ku-ketahui baginda suami isteri sentiasa-lah berkaseh2an dengan sempurnanya. Tambahan pula Tengku Ampuan itu sedia mempunyai sifat2 yang mulia dan terpuji, sentiasa ta'at dan sempurna bela pelihara-nya akan paduka kakanda-nya dalam hal santapan dan tempat2 peraduan tiada di-harapkan hamba sahaya, melainkan sendiri-nya berkemas. Demikian juga sendiri-nya membuat persantapan bepa⁵⁰⁾ penganan, kerana Tengku Ampuan itu tukang pada serba-serbi pekerjaan perempuan, dan bijaksana serta pandai mengambil hati hamba sahaya laki2 dan perempuan.

Sa-sunggoh-nya segala sifat dan wajah Yang Maha Mulia Tengku Ampuan Mahrum itu Allah jadikan, sangat berpatutan

50) pelbagai jenis kueh.

besar dan tinggi-nya. Warna kulit-nya puteh kuning dan tiada dapat ku-sebutkan satu persatu-nya, pendek kata boleh-lah kukatakan bahawa pada masa itu tiada-lah banding-nya di-dalam negeri Selangor, dan patut-lah pula dengan Duli Yang Maha Mulia. Akan tetapi suatu perangai Tengku Ampuan ini ia-lah sifat keras hati yang tiada dapat di-ubah, ia-itu tiada di-benarkan-nya sa-kali2 Duli Yang Maha Mulia Sultan beristeri lain, walau pun sama sa-tara raja berbangsa, apa lagi orang kebanyakan. Maka berkenaan dengan sikap yang demikian itu-lah menjadi puncha kapada suatu perbalahan.

Kesah-nya ia-lah berpuncha daripada perkara yang tiada di-ingini oleh Tengku Ampuan saperti yang tersebut di atas tadi. Pada suatu masa, dengan kehendak Allah maka berlaku-lah jodoh pertemuan Duli Yang Maha Mulia, ia-itu baginda berkahwin dengan sa-orang perempuan dari orang kebanyakan, nama-nya Hajjah Safiah binti Haji Abdul Ghani, asal-nya orang Kelang, dudok di-Parit Jawa Padang Muar, kemudian telah dibawa tinggal di-Langat. Perkahwinan ini tiada-lah sa-kali2 di-redhai oleh Tengku Ampuan, akan tetapi apa-lah hendak di-kata, melainkan dengan mengikut hati merajok, lalu berangkat-lah ia pergi ka-Pulau Pinang mendapatkan paduka ayahanda-nya, Tengku Dhia'uddin di-Kelawai; sampai di-Pulau Pinang pada 3 haribulan Januari tahun 1899, lalu mengadap paduka ayahanda-nya.

Maka mengerti-lah Tengku Dhia'uddin akan maksud ke-datangan puteri-nya itu, ia-itu tentu-lah dan berbantahan antara suami isteri. Lalu di-beri-lah oleh Yang Mulia itu beberapa nasihat hendak di-hantar balek ka-Kelang, tetapi enggan-lah Tengku Ampuan. Ia minta idzin kapada paduka ayahanda-nya hendak dudok di-Tanjong Dawai, dalam perentah Kedah, di-ke-bun nyior ayahanda-nya, kerana di-sana ada chukup lengkap dengan istana. Maka permohonan puteri-nya itu di-benarkan oleh Tengku Dhia'uddin.

Bahawa ada-lah pada masa itu putera dan puteri Tengku Ampuan ada berempat orang, Tengku Musa Uddin, Tengku Maheran, Tengku Fatimah dan Tengku Arfah. Keempat2 orang putera dan puteri itu di-bawa belaka oleh Yang Maha Mulia Tengku Ampuan itu bersama pergi. Keadaan Tengku Ampuan pada masa itu di-dalam hamil dan telah genap pula bulan-nya.

Oleh hal yang demikian terpaksa-lah paduka ayahanda-nya bersama2 berangkat ka-Tanjong Dawai.

Maka pada 18 haribulan Februari tahun 1899, bersamaan dengan 7 haribulan Shawwal, tahun Hijrah 1316, hari Sabtu pada ketika yang baik, waktu pukul 1.00 tengah hari, selamat-lah berputera Duli Yang Maha Mulia Tengku Ampuan melahirkan sa-orang puteri. Maka pada ketika itu berchuchoran-lah keluar ayer mata Yang Maha Mulia itu tiada dapat di-tahan2-nya lagi, oleh bersanggatan pilu dan sedeh hati-nya melihatkan paduka anakanda itu sa-olah2 dagang pula, kerana tiada di-lihat oleh paduka ayahanda Yang di-Pertuan. Hingga pada waktu paduka ayahanda-nya, Tengku Dhia'uddin datang melihat chuchunda-nya itu baharu-lah hilang sadikit perasaan dukachita Yang Maha Mulia itu.

Apakala telah di-kerat pusat puteri itu oleh bidan-nya, lalu-lah di-siram dan di-selimutkan dengan kain yang mulia, kemudian di-persembahkan-lah puteri itu kapada paduka ninda-nya. Maka oleh Tengku Dhia'uddin di-titahkan pula kapada sa-orang tuan haji suroh kamatkan. Kemudian baharu-lah di-beri nama paduka chuchunda-nya itu, ia-itu Puteri Zaharah. Di-peliharai-lah oleh Tengku Ampuan akan paduka anakanda itu dengan saperti-nya, sadikit pun tiada di-beri apa2 kekurangan. Ada-lah kapada pandangan mata-ku paras Puteri Zaharah itu banyak mengikut keadaan paras paduka bonda-nya.

Molek juga ku-sebutkan ia-itu sa-lama Yang Maha Mulia Tengku Ampuan berangkat itu istana Kelang telah sunyi dan hilang seri-nya, sa-olah2 tiada bersemangat lagi. Isteri Orang Besar2 pun jarang datang melainkan aku dan isteri-ku sahaja yang kerap pergi ka-situ, itu pun di-sebabkan rumah-ku berhampiran dengan istana. Ada pun Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada masa itu bersemayam di-Bandar Temasha, hanya sa-kali sakala sahaja datang ka-Kelang, kerana baginda menumpukan perhatian kapada binaan istana yang sedang di-dirikan oleh baginda di-Bandar Temasha. Bangunan istana itu ia-lah dengan perbelanjaan Duli Yang Maha Mulia sendiri. Ada pun istana di-Kelang itu yang di-gelar Istana Mahkota Puri⁵¹⁾ itu di-dirikan dengan perbelanjaan Kerajaan.

51) istana ini telah di-robohkan, dan di atas tapak-nya di-dirikan Istana Alam Shah yang ada pada hari ini.

Usaha2 Mengajak Balek Tengku Ampuan

Hal yang berkenaan dengan pemergian Yang Maha Mulia Tengku Ampuan itu pehak Kerajaan pun mengambil susah hati, kerana masa-nya telah lebuh daripada satu tahun. Maka pada 24 haribulan April tahun 1900, Duli Yang Maha Mulia telah menitahkan Raja Haji Bot pergi membawa surat kapada paduka adinda Tengku Ampuan menyatakan Duli Yang Maha Mulia hendak datang mengambil. Maka Tengku Dhia'uddin pun memberi nasihat kapada paduka anakanda itu suroh balek, tetapi tiada juar Tengku Ampuan mahu menurut kehendak paduka ayahanda-nya itu, oleh yang demikian Raja Haji Bot pun belayar-lah balek ka-Kelang. Kemudian daripada itu ka-bawah Duli Yang Maha Mulia sendiri berangkat dengan kapal "Asmaralda", ia-itu kapal Kerajaan, sampai di-Tanjong Dawai bertemu dengan paduka adinda Tengku Ampuan sendiri, lalu di-beri beberapa nasihat serta di-pujok oleh baginda mengajak balek, tiada juga Tengku Ampuan mahu balek. Maka Duli Yang Maha Mulia pun berangkat-lah balek dengan hampa dan putus harap.

Pada 3 haribulan Mach, tahun 1900, Yang Berhormat Tuan Frank Swettenham, Resident Jeneral, serta Yang Berhormat Tuan Rodger, British Resident, Selangor, telah memanggil Yang Teramat Mulia Raja Muda Tengku Laut ka-rumah Tuan Resident Jeneral, Duli Yang Maha Mulia Sultan pun ada juga hadhir di-situ berunding menyurohkan Raja Muda pergi mengambil Tengku Ampuan. Maka mengaku-lah Yang Teramat Mulia Raja Muda, lalu ia pun berkemas kerana hendak belayar, tetapi malang-nya pada waktu itu sa-orang puteri-nya bernama Raja Ngah, ia-itu isteri kapada Raja Ja'afar, sedang gering hendak bersalin. Oleh itu tergendala-lah pelayaran Yang Teramat Mulia itu, dan dengan takdir Allah ta'ala oleh di-sebabkan gering bersalin itu Raja Ngah pun lalu mangkat, maka langsung-lah tiada jadi Raja Muda berangkat pergi itu.

Oleh kerana Tengku Ampuan tiada di-dalam negeri, maka tergendala-lah pekerjaan hendak mengadakan isti'adat bertabah. Hal ini sa-sunggoh-nya amat-lah merunsingkan fikiran-ku, tambahan pula pada pendapat-ku hal yang saperiti ini tidak-lah patut di-biarkan berkepanjangan, ikhtiar mesti-lah di-jalankan dengan se-dapat2-nya. Dengan berfikir bagitu maka aku pun menetap-

kan hati sambil berdo'a mohon pertolongan Allah subhanahu wa ta'ala moge2 segala yang ku-chita2 akan berhasil. Maka pada suatu hari pergi-lah aku ka-Bandar mengadap Duli Yang Maha Mulia Tuanku di-istana Bandar. Pada ketika itu Engku Syed Hashim pun sedang mengadap. Dalam masa mengadap itu-lah aku berdatang sembah, "Jika Ka-bawah Duli idzinkan, biar-lah patek chuba pergi mengambil paduka adinda itu balek." Maka Ka-bawah Duli pun membenarkan, titah-nya, "Boleh-lah Bentara pergi bersama2 dengan adek Jusoh. Besok kita akan datang ka-Kelang." Sa-sudah itu aku pun bermohon balek.

Pada keesokan hari-nya maka Duli Yang Maha Mulia pun sampai-lah ka-Kelang dengan Syed Hashim mengendarai kereta kuda, dan Raja Jusoh pun ada bersama2. Maka kata Engku Syed Hashim kepada-ku, "Dato' pergi ini hendak-lah ikhtiar dengan sa-boleh2-nya, walau bagaimana pun Dato' bawa juga Tengku Ampuan balek, kerana titah Duli Yang Maha Mulia, pemergian Bentara ini sa-bagai kita menghabiskan taksir, jika lau tiada juga mahu balek, sudah-lah!" Kemudian jawab-ku pula, "Insha' Allah ta'ala, mudah2an dengan berkat daulat Duli Shah Alam, dan harap juga-lah Engku Syed tolong do'akan sahaja."

Sa-sudah itu aku pun mengangkat sembah, lalu turun kapal bernama "Tonia". Ada berenam orang yang pergi bersama2 aku itu, ia-itu aku, Raja Jusoh bin Raja Ya'akob, adek-ku Ambiah, Muhammad Sidek, Kechik bin Ja'afar dan Ismail. Pada 9 haribulan Februari tahun 1901 bertolak-lah kapal itu dari Kelang, dan pukul 8.00 pagi esok-nya sampai-lah di-Pulau Pinang. Kemudian pada pukul 10.00 pagi itu juga belayar dengan kapal tambang, dan lebeh kurang pukul 2.00 petang barahu-lah sampai di-Tanjong Dawai.

Tiada lama kemudian maka aku dan sakalian orang2 yang datang itu pun naik-lah ka-darat lalu mengadap Tengku Ampuan. Pada ketika itu juga Yang Maha Mulia itu menitahkan Enche' Bedauk supaya menyiapkan sa-buah rumah tempat aku dengan Raja Jusoh serta sakalian budak2 yang sama datang itu. Lebeh kurang pukul 4.00 petang aku dengan Raja Jusoh pun pergi-lah mengadap Tengku Dhia'uddin mempersembahkan surat daripada Duli Yang Maha Mulia Tuanku, lalu ia pun memanggil Enche' Muhammad kerani, suroh bacha surat itu.

Apabila selesai sahaja Tengku Dhia'uddin mendengar segala

yang terkandong di-dalam surat itu maka ia pun berkata, "Boleh-lah Bentara serta Jusoh muafakat dengan Mahrum, aku suka sangat ia-nya balek, tetapi aku tiada lalu hendak menguati-nya kerana kalau aku kuati siroh ia balek tentu di-ikut-nya, tetapi aku khuatir apabila ia sampai di-Kelang kelak tiada berbetulan dengan Yamtuan, nanti ia mari juga datang kapada-ku. Hendak pun ia pergi ka-mana2 tidak berani, oleh hal yang demikian tentu-lah kurang baik-nya." Sa-sudah itu Yang Mulia itu pun bertanya-lah akan hal ahwal di-Kelang, maka aku pun persembahkan. Kira2 pukul 5.00 petang aku dan Raja Jusoh pun bermohon balek.

Iktiar Yang Penghabisan.

Maka pada malam itu pergi-lah pula kami mengadap Tengku Ampuan persembahkan bahawa ada-lah kedatangan patek2 ini hendak mempersilakan tuanku balek, serta pula persembahkan beberapa nasihat, tetapi belum juga dapat apa2 jawapan dari-pada Tengku Ampuan.

Kemudian daripada itu, pada tiap2 malam adek-ku Ambiah memujok serta memberi berbagai nasihat, kerana itu-lah maka aku bawa adek perempuan-ku itu pergi bersama2, ia-itu supaya dapat di-ketahui apa2 rahsia-nya. Demikian juga aku, dalam dua tiga hari sa-kali pergi mengadap, tetapi belum juga dapat keputusan yang memberi puas hati, sa-hingga sampai ka-hari yang kelima belas baharu-lah dapat jawapan daripada Tengku Ampuan, titah-nya, "Baik-lah Dato', akan tetapi Che' Om hendak ka-Pulau Pinang dahulu." Kemudian aku sahut pula, sembah-ku, "Silakan Tuanku."

Pada malam itu pergi-lah aku bersama2 dengan Raja Jusoh mengadap Yang Mulia Tengku Dhia'uddin mema'alumkan perkhbaran yang baik itu kapada-nya, dan juga meminta idzin bermohon pergi ka-Pulau Pinang. Apakala di-benarkan oleh Yang Mulia itu, aku pun bermohon-lah pulang. Pada pagi esok-nya aku pun pergi-lah mengadap Tengku Dhia'uddin sa-kali lagi.

Kira2 pukul 12.00 tengah hari kapal "Merbok" pun sampai daripada Semiling, lalu sakalian-nya pun turun-lah ka-kapal terus belayar ka-Pulau Pinang. Sa-telah sampai di-Pulau Pinang masing2 pun naik-lah ka-Kelawai. Tiga hari lama-nya dudok

di-sana maka aku pun mohon hendak mengirim taligerap ka-Kelang minta hantarkan kapal "Asmaralda", tetapi tidak di-benarkan oleh Tengku Ampuan, kerana Yang Maha Mulia itu hendak balek ka-Tanjong Dawai dahulu, kemudian baharu-lah balek ka-Pulau Pinang dan kirim taligerap ka-Kelang. Tujuh hari lamaanya dudok di-Pulau Pinang maka Tengku Ampuan pun berangkat-lah balek ka-Tanjong Dawai mengadap paduka ayahanda-nya.

Pada pagi esok-nya datang-lah adek-ku Ambiah memberitahu bahawa titah Tengku Ampuan, boleh-lah pergi ka-Pulau Pinang pukul taligerap ka-Kelang. Pada 3 haribulan Mac tahun 1901 sampai-lah kapal "Asmaralda". Ada pun orang2 yang bersama2 datang di-dalam kapal itu ia-lah Raja Abdul Murad, ia-itu adinda kapada Ka-bawah Duli Tuanku, dan orang besar2-nya ia-lah Dato' Penggawa Haji Ahmad, Dato' Maharaja Lela Haji Abdul Ghani dan Dato' Shahbandar Haji Ali, masing2 dengan membawa isteri. Mereka yang datang itu laki2 perempuan sa-ramai tiga puloh orang.

Aku pun turun-lah ka-kapal bersama2 Raja Jusoh, kemudian lalu belayar, dan apakala sampai di-Tanjong Dawai maka sakalian isteri orang besar2 itu pun naik-lah ka-darat mengadap Tengku Ampuan. Pada pukul 4.00 petang aku pun membawa Raja Abdul Murad dan sakalian orang besar2 itu mengadap Tengku Dhia'uddin, hingga pukul 5.00 petang baharu-lah masing2 bermohon balek. Pada malam itu Tengku Ampuan pun pergi mengadap paduka ayahanda-nya bermohon hendak pergi ka-Kedah, dan apabila balek dari Kedah kelak singgah lagi mengadap, kemudian baharu-lah terus belayar balek ka-Kelang. Sembah Tengku Ampuan itu di-perkenankan-lah oleh paduka ayahanda-nya.

Lebih kurang pukul 9.00 pagi esok-nya, kami sakalian pun bertolak-lah dari Tanjong Dawai, dan kira2 pukul 12.30 sampai-lah di-Kuala Kedah, tetapi pada waktu itu kapal tiada boleh masok, kerana ayer sedang surut. Oleh itu Kapten Hassan telah menyurohkan Syed Ali Serang naik dengan bot pergi ka-rumah pasong di-Kuala Kedah beritahu dengan talipon kapada Tengku Muhammad Bahdhar bin Tengku Dhia'uddin di-Alor Star, minta hantarkan adinda-nya, Tengku Haji Adnan dan Tuan Syed

Ahmad, ia-itu suami Tengku Mariam, hilir dengan kapal sewa kerana mengambil Tengku Ampuan.

Kira2 pukul 10.00 malam maka sampai-lah Tengku Haji Adnan dan hendak di-bawa-nya Tengku Ampuan naik ka-kapal sewa itu; kemudian Tengku Ampuan pun panggil aku bertanya fikiran. Maka aku pun berdatang sembah, "Pada fikiran patek lebeh baik sabar dahulu tuanku. Lihat-lah sampai pukul 1.00, ayer pasang boleh di-chuba masukkan kapal itu."

Pada pukul 12.30, di-bongkar-lah sauh kapal sewa itu lalu di-surohkan jalan perlahan2. Maka ada-lah kira2 pukul 5.00 pagi dapat-lah masok ka-Kuala Kedah, lalu berhenti pula dua jam lama-nya di-situ, kemudian pada waktu pukul 8.00 pagi baharu-lah mudek sa-mula hingga sampai ka-Alor Star.

Maka turun-lah beberapa orang perempuan mengalu2 dan mempersilakan Tengku Ampuan naik. Paduka kakanda-nya Tengku Mariam, ada menanti di-kota berserta dengan Yang di-Pertuan Kedah. Maka naik-lah sakalian perempuan2 mengiringkan Tengku Ampuan, tetapi laki2 semua-nya tinggal di-kapal.

Pada 7 haribulan Mach, Tengku Ampuan pun berangkat ka-Langgar, kerana ziarah makam al-Marhum2 di-situ; aku pun pergi juga ikut jalan darat bersama2 dengan Kassim, tetapi Raja Jusoh tidak pergi. Sa-telah selesai ziarah dan bersedekah maka Tengku Ampuan pun berangkat-lah balek dengan sampan. Aku dengan Kassim balek ikut jalan darat juga. Pada masa balek dari Langgar ini Tengku Ampuan telah menemui Mak Wan Besar, ia-itu balu al-Marhum Sultan Ahmad Tajuddin, serta menemui sakalian adek beradek-nya, pada waktu itu Sultan Abdul Hamid, Yang di-Pertuan Kedah tiada, baginda telah berangkat ka-Pulau Langkawi.

Belajar Balek Ka-Kelang

Keesokan hari-nya, ia-itu pada 8 haribulan Mach, waktu pukul 12.00 tengah hari, kami sakalian pun bertolak-lah dari Alor Star menghala balek, pukul 5.00 sampai-lah di-Tanjong Dawai. Ahli2 kerabat di-Raja Kedah yang bersama2 menghantar itu ia-lah Tengku Muhammad Bahdhar Shah dan Tengku Haji Adnan. Di-antara orang besar2-nya ia-lah Wan Mat Temeng-

gong dengan isteri-nya Wan Zahrah, Wan Musa serta isteri-nya, dan Wan Muhammad Sa'ad. Sa-lain dari itu ia-lah orang2 Tanjong Dawai laki2 dan perempuan berjumlah dua puluh empat orang. Maka sa-telah sampai di-Tanjong Dawai naik-lah Tengku Ampuan serta Tengku Bahdhar mengadap paduka ayahanda-nya kerana hendak bermohon pergi itu, dan aku pun naik juga mengadap, tetapi Dato'2 yang lain tiada mengadap lagi.

Sa-sudah selesai-lah semua-nya maka di-turunkan-lah segala barang2 Tengku Ampuan, dan tiada lama kemudian Tengku Ampuan pun berangkat turun ka-kapal. Pada malam itu juga-lah dibongkar sauh lalu belayar, dan pada pagi esok-nya sampai-lah ka-Pulau Pinang. Waktu kapal itu berhenti mengambil arang, aku dan Raja Jusoh pun naik ka-darat mengutus taligerap kepada Ka-bawah Duli Tuanku di-Kelang.

Apakala telah selesai-lah bermuat arang itu, lebeh kurang pukul 12.00 tengah hari maka kapal itu pun belayar-lah sa-mula. Kira2 pukul 5.30 pagi pada 10 haribulan Mach tahun 1901, sampai-lah kapal "Asmaralda" ka-Pengkalan Batu, Kelang dengan selamat-nya.

Maka Duli Yang Maha Mulia Tuanku sendiri telah berangkat turun dengan bot ka-kapal menyambut paduka adinda dan paduka anakanda baginda sakalian-nya. Kereta kuda dan becha pun berpuloh2 buah menanti di-pengkalan jambatan, lalu naik-lah sakalian-nya ka-istana. Pukul 11.00 tengah hari itu Yang Berhormat Tuan Belfield, Resident Selangor pun turun daripada Kuala Lumpur, datang menguchapkan selamat balek kepada Tengku Ampuan.

IX

ISTI'ADAT PERTABALAN D.Y.M.M. SULTAN DAN TENGKU AMPUAN

Dari semenjak Tengku Ampuan balek itu maka Duli2 Yang Maha Mulia suami isteri pun berbetulan-lah seperti sedia-kala bersuka2an sa-tiap hari. Maka baharu-lah senang dan sukachita hati sakalian orang besar2. Bahawa lama masa-nya Tengku Ampuan pergi merajok itu ia-lah dua tahun dua bulan enam hari, dan kerana itu-lah maka tergendala pekerjaan hendak bertabah.

Ada pun Tengku Bahdhar serta sakalian orang2 Kedah yang menghantar Tengku Ampuan itu sa-telah berhenti tiga hari lama-nya di-Kelang mereka itu pun bermohon balek dan telah di-hantar dengan kapal Asmaralda hingga sampai ka-Pulau Pinang.

Persediaan Meletak Kerja Isti'adat

Tiada berapa lama-nya kemudian maka bermuafakat-lah sakalian anak raja2 dan orang besar2 negeri mema'alumkan kapada Tuan Resident dan Tuan Resident Jeneral kerana hendak membuat pekerjaan tabal. Oleh itu segala barang2 yang kurang minta supaya Kerajaan perbuatkan, ia-itu saperti mahkota Duli Yang Maha Mulia suami isteri dan lain2 barang yang akan digunakan dalam masa bertabal itu. Ada pun saperti barang2



Duli Yang Maha Mulia Sultan 'Ala'uddin Sulaiman Shah.

kerajaan zaman al-Marhum² dahulu tiada lagi yang tinggal-nya, kerana semua-nya telah di-pechah pada masa pemerentahan al-Marhum Sultan Muhammad, ia-itu tatkala Tuan Sheikh Abdul Ghani, sa-orang ulama dari Bima, Sumatra, masuk ke-Selangor; dia-lah yang mengharamkan menyimpan barang² yang demikian itu. Bagitu juga dalam isti'adat pertabalan al-Marhum² dahulu, tiada-lah dengan memakai mahkota seperti keadaan masa ini, melainkan hanya-lah suatu songkok yang di-namakan songkok "leleng", ia-itu pakaian Raja² Bugis, tetapi ada juga beremas dan berpermata intan. Pada masa al-Marhum Sultan Muhammad bertabalan, songkok itu-lah yang di-pakaikan, tetapi pada masa pertabalan Sultan Abdul Samad, songkok itu sudah tiada lagi.

Apakala telah bersetujuan muafakat dengan Tuan Resident Jeneral dan Tuan Resident Selangor maka di-mulai-lah kerja bersiap² menempa dan membeli barang². Ka-bawah Duli pun menitahkan aku supaya memanggil tukang intan yang pandai di-Pulau Pinang, Enche' Hassan nama-nya, dudok di-Balek Pulau, serta sa-orang kawan-nya lagi bernama Enche' Mat. Kedua-nya itu di-kehendaki membuat kerja menempa mahkota demikian juga membuat tempat peterana daripada perak berukiran Belanda, bertebok lantas.

Apabila tukang berdua itu telah datang maka bekerja-lah kedua-nya dengan tiada berhenti², melainkan kalau berhenti pun pada waktu malam sahaja. Ada-lah mahkota itu di-perbuat dari-pada emas bertatah permata intan dan berlian. Maka apabila hari malam aku ambil bawa ka-rumah-ku, dan pagi² aku hantar-kan kembali. Sa-lain daripada tukang dua orang yang ku-sebut-kan itu, di-panggil pula dua orang tukang bangsa Selon bekerja di-bawah istana membuat mahkota Tengku Ampuan. Ada pula lagi tukang² Terengganu dari Singapura tiga orang, ketua-nya bernama Enche' Ya, mereka bekerja mengganti batang² tombak, benderang, sarong² keris, pedang dan lain²-nya.

Sa-telah siap-lah segala alat² itu maka di-titahkan pula oleh Duli Yang Maha Mulia kepada Raja Haji Bot serta orang besar² supaya menyusun tertib peratoran dalam pekerjaan tabal itu, ia-itu di-khaskan masing² dengan jawatan-nya. Berkenaan dengan urusan itu di-adakan-lah sa-buah lembaga yang mengandungi beberapa orang ahli²-nya. Lembaga itu di-namakan "Pancha Setia Kerajaan". Yang menjadi ahli²-nya ia-lah:

Yang pertama-nya — Raja Mahmud bin Sultan Muhammad, jawatan-nya ia-lah bagi mengadakan temasha2 kesukaan, ya'ani apa2 jenis permainan yang hendak di-persembahkan oleh mana2 pegawai, ketua2 dan juga daripada lain2 bangsa.

Yang kedua-nya — Tuan Syed Mashhor bin Muhammad bin Shabab khas untuk menerima segala jenis tanda ingatan daripada pegawai2, ketua2 kumpulan orang ramai serta lain2 bangsa yang hendak di-sembahkan di-dalam pekerjaan itu.

Yang ketiga-nya — Raja Haji Mahmud bin Tengku Panglima Raja dan Dato' Penggawa Tua serta Dato' Penggawa Muda, jawatan bagi mereka bertiga itu ia-lah menyediakan balai pancha persada dan balai2 tempat mengadakan jamuan bagi sakalian orang2 Melayu, demikian juga menyediakan segala rumah tempat2 perhimpunan orang2 di-dalam pekerjaan.

Yang keempat-nya — Tuan H. Beakley, Pegawai Jajahan Kelang, kerja-nya menjadi wakil mengeluarkan wang daripada kerajaan dan juga menyambut kedatangan ahli2 jemputan dari orang Eropah.

Yang kelima-nya — Syed Abdul Rahman bin Syed Edrus al-Jafri, Kadhi Besar, fasal kebajikan do'a bagi sa-suatu perhimpunan dalam masa pekerjaan itu.

Yang keenam-nya — Raja Haji Bot, menjaga fasal2 yang berkenaan dengan surat2 peratoran yang berkenaan dengan pekerjaan itu, demikian juga menjadi wakil berunding dengan Tuan Resident dan Tuan Pegawai Jajahan.

Sa-lain dari itu di-adakan pula sa-buah lembaga lagi yang di-namakan "Tertib Kerajaan". Ahli2 Lembaga ini sa-ramai tujuh orang, ia-itu yang pertama-nya Dato' Bentara Kiri Amar Diraja, tugas-nya menerima wang dan mengeluarkan belanja pekerjaan tabal.

Yang kedua-nya — Dato' Bentara Kanan Raja Diraja, menerima ketentuan khabar daripada "Pancha Setia Kerajaan" supaya di-ma'alumkan kapada Ka-bawah Duli Yang Maha Mulia, umpama-nya jika ada siapa2 yang berhajat hendak mengadakan apa2 kesukaan atau persembahan supaya di-atorkan hari dan waktu-nya.

Yang ketiga-nya — Dato' Shahbandar Diraja, menerima apa2 persembahan daripada orang2 saperti kerbau, lembu, kambing, ayam, itek, demikian juga ia-lah wakil memotong kerbau,

lembu, kambing untok perjamuan hari2 serta membahagi2 daging kapada Dato'2 dan Penghulu2 Mukim dan lain2 yang di-tentukan, ia juga yang mengeluarkan beras dan rempah2 dibahagi dengan sa-chukup-nya kapada tiap2 khemah Dato'2 dan penghulu2 sa-lama di-adakan pekerjaan itu.

Yang keempat-nya — Panglima Dalam Enche' Muhammad Piah, menyediakan segala alat tombak, benderang, keris, pedang serta menyediakan alat2 untok jawatan laki2 dan segala pakaian jawatan.

Yang kelima-nya — Dato' Megat serta penolong-nya, Bilal Idris, menghiasi di-dalam balairong.

Yang keenam-nya — Raja Tahir bin Raja Salleh serta penolong-nya, Haji Abdul Karim, menghiasi di-dalam majlis besar istana.

Yang ketujoh-nya—Dato' Maharaja Lela Paduka Setia Paduka, wakil pada menjaga nobat serta hal ahwal orang2 Kalau,⁵²⁾ dan juga menentukan tempat, serta menyiapkan pakaian dan memberi hukum kapada mereka itu bila2 di-kehendaki membunyikan nobat, membuboh kulit gendang dan nakara⁵³⁾ serta membetulkan nafiri⁵⁴⁾ yang telah lama. Alat2 ini memang ada di-gunakan dari semenjak zaman pemerentahan Sultan Salahuddin hingga membawa kapada pemerentahan Sultan Muhammad, ia itu menurut sa-bagaimana kelaziman isti'adat purbakala. Tetapi dalam masa pemerentahan Sultan Abdul Samad, isti'adat yang berkenaan dengan nobat ini tidak-lah di-amalkan lagi. Orang2 Kalau yang menyelenggarakan nobat itu pun tiada lagi, mana2 yang telah mati, tinggal-lah anak chuchu-nya tiada di-surohkan belajar lagi; maka kerana itu menjadi lapok-lah kulit2 gendang itu, tinggal baloh⁵⁵⁾-nya sahaja lagi.

Sunggoh pun telah di-adakan lembaga2 meshuarat "Pancha Setia Kerajaan" dan "Tertib Kerajaan" itu, masing2 dengan tugas-nya, tetapi dalam pada itu tanggongan aku-lah yang terlebih berat, hingga hampir2 tiada terbeban rasa-nya oleh-ku, al-ma'alum sabaja fasal memegang kira2 mengeluarkan wang belanja pekerjaan tabal itu. Dalam pada itu dapat-lah aku sa-

52) orang2 yang turun-temurun menjadi ahli2 pasukan gendang nobat.

53) nagara; sa-jenis gendang kecil.

54) sa-jenis serunai.

55) rangka gendang.

orang kerani, Haji Salam bin Muhammad Salleh nama-nya, masa itu baharu-lah ada sadikit pertolongan bagi-ku dalam perkara surat menyurat, tetapi sa-lain dari itu ada beberapa tanggongan lagi yang terbeban di atas tengkok-ku, ia-itu manakala mengadakan sa-suatu muafakat atau meshuarat mesti-lah berhimpun di-rumah-ku.

Bagitu juga aku-lah yang di-harapkan supaya menjaga tukang2 membuat mahkota dan memperbaiki alat senjata. Dalam pada itu di-adakan pula muafakat mengadakan sa-buah persekutuan kerana mera'ikan pekerjaan tabal ini. Maka dapat-lah jema'ah itu sa-ramai tujuh puloh orang. Kemudian dipungut pula yuran, dapat jumlah wang-nya lebih kurang \$500/-, lalu di-perbuatkan rumah persekutuan dekat dengan padang lumba-kuda.⁵⁶⁾

Di-antara tujuh puloh orang sidang jema'ah itu di-pileh pula enam orang di-jadikan ahli2 jawatan-kuasa, mereka itu ia-lah Enche' Tambi Omar bin Tambi Kechik, Enche' Muhammad Kassim bin Endin, Penolong Penghulu Kelang, Enche' Ayub Abdul Shukor bin Orang Kaya Menteri Larut, Enche' Ibrahim bin Abdullah, Guru Pelawat, Sarjan Baba dan Haji Abdul Karim bin Kasad.

Maka apakala telah siap segala-nya di-namakan-lah persekutuan itu "Setia Ihsan Kelab"; dan dengan pilehan ahli2 jawatan-kuasa serta sakalian sidang jema'ah, maka aku juga dilantek menjadi Yang Di-Pertua, Enche' Ibrahim menjadi Naib Yang di-Pertua, dan Enche' Kassim menjadi Setia-usaha. Maka di-bentok-lah chorak bendera persekutuan itu, ia-itu berpalang kuning dengan merah, penjuru di-atas-nya hijau di-dalam-nya bulan bintang. Kemudian di-hiasi rumah persekutuan itu, di-gantongkan langit2 dan di-sakeliling beranda dan tiang2-nya di-tutup dengan kain merah.

Persiapan2 Tertib Isti'adat

Kembali sa-mula aku mengulangi perkara2 yang mengenai persiapan2 isti'adat bertabul itu, dalam masa tiada berapa lama tukang2 bekerja itu maka mahkota yang di-perbuat itu pun siap-lah, dan barang2 yang mana kurang itu pun sudah-lah di-tambah.

56) masa ini menjadi padang Kelab Kelang.

Balai2 pancha persada dan balai2 tempat jamuan yang di-wakilkan kapada Dato' Penggawa Tua dan Raja Haji Mahmud itu pun telah siap semua-nya.

Ada pun pancha persada itu di-perbuat berlantai papan tiga tingkat, pada tingkat yang di-bawah-nya berkandang sa-keliling di-ulas pula dengan kain kuning, dan tiap2 kepala tiang itu dibuboh pelita lanting⁵⁷⁾ di-pasang pada malam hari. Pada tingkat yang di atas sa-kali di-perbuat kubah bertiang empat, atap-nya daripada kain kuning; tepi atap itu berdaun budi bertebok lantas dan berselembayong⁵⁸⁾ di-sapu dengan ayer emas. Kemunchaknya berbuah butun di-perbuat daripada timah di-lerek dan tiang-nya di-lilit dengan kain kuning dan merah. Pada keempat2 batang tiang itu di-taroh empat ekor naga dengan di-beri berpesawat. Yang sa-ekor naga itu apabila di-gerakkan pesawatnya, keluar-lah daripada mulut-nya ayer yang tawar, yang sa-ekor lagi keluar ayer panas yang sederhana, yang sa-ekor pula mengeluarkan ayer khelembak kesturi, dan yang sa-ekor lagi mengeluarkan ayer mawar.

Di-dalam kubah itu terletak sa-buah peterana dan di atas peterana itu ada dua buah kerusi bersampul dengan kain sutera kuning, ia-itu tempat Duli Yang Maha Mulia suami isteri bersmayam ketika bersiram ayer tolak bala dan do'a selamat. Dari-pada satu ka-satu tirai di-gantongkan tirai daripada kain sutera kuning yang nipis, kerana pada waktu Duli Yang Maha Mulia bersiram, tirai itu di-labohkan.

Bahawa tukang yang membuat kubah itu di-ketuai oleh Enche' Awang, asal-nya orang Pahang; ia sudah faham akan ka'edah2 bagaimana membuat pancha persada, kerana ia ada bersama2 dalam kerja membuat pancha persada di-Riau. Jarak-nya balai pancha persada itu dengan istana ada-lah lebeh kurang delapan depa sahaja; dan di-perbuatkan jambatan papan sa-lebar satu depa, kanan kiri-nya di-dinding dengan kain kuning dan tiang-nya di-lilit dengan kain merah. Di-kepala tiang itu di-taroh pelita lanting di-pasang pada malam hari. Maka melalui jambatan itu-lah Duli Yang Maha Mulia suami isteri berangkat ka-pancha persada, tidak berangkat di-atas usongan.

57) pelat dari bahasa Inggeris "Lantern".

58) lambang kerajaan.

Sa-telah musta'ed⁵⁹⁾-lah segala alat untuk menyempurnakan isti'adat itu, maka bermeshuarat-lah pula sakalian anak raja2 berserta dengan dua orang daripada orang besar2 ahli jawatan-kuasa "Pancha Setia Kerajaan" bagi memikirkan siapa-kah yang patut pergi ka-Perak mengadap Duli Yang Maha Mulia Sultan Idris di-Kuala Kangsar, memohonkan nobat berserta dengan orang2-nya sa-kali. Kerana pada masa yang terdahulu, pada masa Sultan Salahuddin bertabah, nobat dari Perak juga di-gunakan. Maka keputusan meshuarat itu sakalian-nya telah sa-bulat suara bersetuju supaya Raja Haji Mahmud di-tugaskan pergi itu. Hal ini telah di-persembahkan pada Ka-bawah Duli Tuanku, dan sa-telah di-persetujui oleh baginda maka pergi-lah Raja Haji Mahmud membawa surat kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Idris Shah. Tiga hari sahaja lama-nya Raja Haji Mahmud pergi itu maka ia pun balek-lah dengan membawa nobat bersama2 dengan orang2 Kalau-nya sa-ramai lapan orang.

Sakalian orang besar2 dan ra'ayat jelata sentiasa menunggu hendak menyambut hari isti'adat pertabalan itu. Di-sakeliling padang Bukit Istana itu telah siap berator berpuloh2 buah khemah orang besar2 dan penghulu2 mukim. Bendera2 berkibaran pada khemah2 mereka itu demikian juga pada rumah "Setia Ihsan Kelab". Dalam masa pekerjaan tabal ini-lah berlaku satu peristiwa, ia-itu mengenai Dato' Penggawa Muda Enche' Muhammad bin Abu Hassan, ia telah melakukan kesalahan, lalu di-pechat daripada jawatan-nya, kemudian ia pun berpindah ka-Padang Muar, Johor.

Tidak-lah aku berhajat hendak memanjangkan lagi hal ahwal yang berkenaan dengan kesiapan2 untuk isti'adat bertabalan itu, maka pada ketika yang baik dan sa'at yang sempurna di-mulai-lah meletak pekerjaan tabal, ia-itu pada hari Khamis 1 haribulan Sha'ban tahun Hijrah 1321 bersamaan dengan 23 Oktober tahun Masehi 1903, pukul 8.00 pagi. Ketika itu di-bedil-lah meriam satu das, ia-itu alamat memulai pekerjaan.

Maka berhimpun-lah sakalian orang besar2 serta penghulu2 dengan anak buah masing2 masok ka-perdalaman, laki2 dan perempuan bekerja menghiasi balai dan istana serta pancha persada. Di-tengah2 majlis istana itu ada sa-buah peterana tiga

59) siap sedia.

tingkat. Pada tingkat yang di-bawah sa-kali di-ulas dengan baldu bertekat awan selimpat. Pada tingkat yang kedua berulas muka-nya daripada perak di-pahat berawan, dan pada tingkat yang ketiga berulas muka-nya daripada emas di-pahat berawan Belanda dan di-letakkan sa-buah bantal besar bermuka emas dan berpermata. Di-hadapan bantal itu di-letakkan sa-buah tilam pandak bersusor emas, dan di-hadapan peterana di-bentangkan permaidani dan di-gantongkan tabir gulongan dari-pada sutera kuning sa-mata. Segala tiang2 itu di-sampul dengan kain kuning, dan di-tengah istana itu di-gantong setolop kan-dil.⁶⁰⁾ Pada tingkat yang di-bawah itu di-ator segala pawai⁶¹⁾ yang akan di-bawa berangkat ka-balai pancha persada, dan enam belas dian berkelopak berkaki perak di-ator pada tingkat yang kedua, delapan di-kiri dan delapan di-kanan serta kain dukong dan delapan selampai. Manakala aku pergi ka-pancha persada maka segala jawatan itu pun di-ator-lah, lalu di-bawa ka-pancha persada.

Di-dalam balairong seri pun di-hiasi dengan sempurnanya. Singgahsana di-perbuat dua tingkat sahaja, pada tingkat yang di atas di-letakkan sa-buah kerusi panjang bersampul dengan baldu kuning, ia-itu tempat bersemayam Duli Yang Maha Mulia suami isteri tatkala di-mahkotakan. Di-belakang kerusi itu di-buboh sa-buah chermin besar, dan di-kiri kanan chermin itu di-hias dengan gambar dua ekor harimau. Di-hadapan singgahsana itu pula di-bentangkan hamparan permaidani, dan sa-genap tiang balai itu di-sampul dengan kain kuning. Di-atas singgahsana itu di-gantong pula tabir gulong empat penampang⁶²⁾ dan berselembayong daripada emas di-pahat, dan di-gantong pelita, lampu serta kandil yang berchabang. Di-sa-belah kanan singgahsana itu di-ator kerusi akan tempat dudok Yang Berhormat Tuan Resident Jeneral dan Resident Selangor serta pegawai2, anak raja2 dan saudagar2 dari segala bangsa.

Maka pada hari itu mulai-lah menyembeleh kerbau lembu dan lain2 sa-umpama-nya, berjamu makan minum dan pada petang itu mulai-lah memalu nobat mengikut peratoran isti'adat-nya, ia-itu pada waktu maghrib, waktu isha, waktu suboh, waktu

60) lampu yang terhias, biasa-nya hiasan2 itu di-perbuat daripada kacha.

61) alat2 kerajaan yang di-bawa dalam isti'adat perarakan Diraja.

62) keratan.

Raja berangkat ka-pancha persada, waktu Raja bersiram di-pancha persada dan waktu di-jalankan isti'adat kemahkotaan. Demikian-lah sa-terus-nya dalam masa pekerjaan itu di-bunyikan nobat berselang2 dengan pancharagam kerajaan. Ada-lah undang2 nobat itu pada ketua-nya yang bergelar Setiakuna. Mulai daripada hari itu-lah juga pakaian sakalian orang2 yang masok ka-balai istana mesti-lah menurut adat saperti yang kusebutkan di-bawah ini:

Tertib Pakaian Dalam Masa Isti'adat

Bagi anak raja2 yang laki2 dan tuan2 syed apabila naik ka-balai atau masok istana hendak-lah berbaju sarong atau pun berbaju kurong pandak yang berpesak atau tiada, berseluuar panjang daripada benang atau sutera dan berkain Bugis atau pun sutera. Tiada-lah boleh memakai sa-barang kain sarong yang berbunga saperti batek atau pelangi, istimewa yang tiada berkepala, dan memakai kain hendak-lah laboh hingga ka-bawah lutut. Boleh memakai destar⁶³⁾ bertelepok atau hitam sa-mata, atau pun berchorak berbunga, boleh juga memakai songkok daripada baldu sakhlat sa-barang warna.

Sakalian dato'2 dan anak baik2 dari orang kebanyakan apakah naik ka-balai atau masok ka-istana, hendak-lah berbaju sarong atau kurong pandak berpesak atau tiada, dan berseluuar panjang daripada benang atau sutera yang berchorak jantan dan berkain Bugis atau sa-umpama-nya. Tiada boleh memakai sa-barang kain sarong benang atau sutera yang berbunga saperti batek dan pelangi, istimewa yang tiada berkepala, dan memakai kain hendak-lah laboh hingga ka-bawah lutut, dan boleh memakai tengkolok⁶⁴⁾ batek Jawa atau Bugis hitam, tetapi tiada bertelepok atau berbenang emas, melainkan orang besar2 sahaja yang boleh memakai bertelepok atau berbenang emas. Maka pada hari bersiram tabal, sakalian orang besar2 hendak-lah memakai keris serta berdagang luar⁶⁵⁾ dan tiada boleh lagi memakai pakai-an menurut chara sa-bagaimana biasa.

Sakalian anak raja2 yang perempuan dan puan2 sharifah,

63) setangan kepala.

64) setangan kepala.

65) kain samping di-luar.

apabila masok ka-dalam istana hendak-lah berbaju kurong dari pada benang atau sutera yang laboh, hujong-nya besar dan tiada bernia,⁶⁶⁾ baju itu boleh berchorak atau berbunga saperti setin dan sa-bagai-nya, akan tetapi pada hari bersiram di-pancha persada, tiada-lah boleh memakai baju yang berchorak atau berbunga melainkan hitam sa-mata atau sa-barang warna yang lain. Boleh memakai kain sutera, batek, pelangi atau kain berbenang emas yang tiada berantai puteh atau yang tiada berkepala, dan boleh bertudong kepala daripada kasa yang berbunga atau benang emas yang tiada berkida⁶⁷⁾ daripada emas, boleh bertudong kepala hingga sampai ka-pintu istana sahaja, tetapi waktu masok ka-dalam istana hendak-lah berkain dua di-kembangkan ka-dada, dan tiada boleh memakai sikat emas atau lain-nya atau memakai rantai, berkalong leher, melainkan sa-mata2 boleh berpending dan bergelang tangan sahaja.

Sakalian raja2, tuan2 syed atau pun orang2 kebanyakan laki2 dan perempuan yang mana telah haji boleh-lah memakai chara pakaian haji yang berseh.

Tiada boleh memakai baju dan seluar atau kain yang berwarna kuning sa-mata dan tiada boleh memakai sadunduri,⁶⁸⁾ dan tiada boleh sa-kali2 memakai sa-barang kasut ka-dalam balai istana, melainkan anak isteri raja2 yang memerentah negeri sahaja.

Temasha2 Perayaan

Ada pun pekerjaan tabal itu hanya dalam masa dua kali tujoh hari sahaja lama-nya, tetapi pada fikiran-ku jika di-bandingkan dengan pekerjaan tabal al-Marhum2 yang dahulu2, barang-kali sa-puloh kali besar dan elok sempurna peratoran bertabal pada kali ini. Lagi pun ramai orang menyaksikan daripada segala bangsa serta chukup memberi puas hati sakalian isi negeri dengan kesukaan melihat bermacham2 permainan, melainkan yang tiada hanya permainan judi dan sabong ayam sahaja. Apabila hari malam maka terang benderang-lah di-sakeliling padang istana penoh dengan api tanglong Jepun. Segala

66) berchekek musang.

67) perada emas bertabor menghiasi tudong kepala atau selendang.

68) baju, kain dan seluar yang sa-rupa warna-nya atau chorak-nya.

khemah2 orang besar2 dan penghulu2 mukim memasang bunga api perbuatan Jepun bermacham2 rupa dan warna-nya, dan ada pula bunga api yang di-pasang pada siang hari.

Pada tiap2 malam di-adakan temasha pertunjukan wayang bangsawan, wayang China, wayang gambar, joget, ma'yong, wayang kulit dan sa-bagai-nya. Bagitu juga pada tiap2 hari tidak berkeputusan sakalian orang besar2, penghulu2, saudagar2 Melayu, China, India, Jawa, Banjar masing2 membuat perarak-an serta membawa persempahan beras dan kerbau, lembu, kambing, ayam, itek berserta dengan rempah pawah dengan sa-chukup-nya. Maka tiap2 satu angkatan itu ada-lah pula dengan uchapan-nya, demikian-lah hal-nya tiap2 hari berjamu menyem-beleh kerbau dan lembu.

Maka pada malam Juma'at pukul delapan Duli Yang Maha Mulia pun berangkat melawat segala khemah orang besar2 dan penghulu2 di-iringi oleh anak raja2 dan orang besar2, kemudian lalu berangkat ka-rumah Setia Ihsan Kelab. Keberangkatan baginda itu di-sambut dengan barisan kehormatan dari kanak2 sekolah Melayu sa-ramai lebeh kurang 120 orang berbaris di-kanan kiri jalan hingga sampai ka-tangga Kelab itu. Sakalian kanak2 itu di-perbuatkan pakaian-nya sa-rupa semua-nya, ia-itu berseluar dan berbaju puteh, bersongkok hitam, ada dengan sarjan kopral-nya. Maka kaptan-nya berkenderaan di atas kuda. Manakala Duli Yang Maha Mulia sampai, kaptan itu pun mem-beri perentah kapada sakalian kanak2 itu supaya mengangkat sembah bersama2, kemudian merchun pun di-pasang.

Apabila Duli Yang Maha Mulia sampai ka-muka bangunan Kelab itu maka Yang di-Pertua Kelab berserta dengan sakalian sidang jema'ah-nya yang berbaris di-kanan kiri tangga Kelab itu pun mengangkat sembah, dan Ka-bawah Duli berserta dengan sakalian pengiring2 baginda pun berangkat naik. Ada sa-jurus lama-nya Duli Yang Maha Mulia bersiar2 di-beranda Kelab itu maka Yang di-Pertua Kelab pun dudok menyembah mempersila-kan Ka-bawah Duli berangkat masok santap teh dan pengangan halwa yang telah sedia terator di atas meja.

Maka berangkat-lah Yang Maha Mulia masok. Sa-telah santap teh dan pengangan, Tuan Syed Abdul Rahman Kadhi Besar pun membacha uchapan dan apakala telah selesai maka Duli Yang Maha Mulia pun menjawab, bertitah menyatakan

beberapa sukachita baginda melihat keadaan muafakat itu kerana dengan serta-merta pekerjaan itu boleh menjadi jaya dan terator dengan sempurna-nya. Selesai baginda bertitah itu maka Kadhi pun membacha do'a dan sakalian yang hadhir pun bertadah tangan menyebut Amin !

Sa-sudah itu maka Ka-bawah Duli pun berangkat keluar kaberanda bersemayam di-kerusi, dan Naib Yang di-Pertua persilakan pula sakalian anak raja2 dan orang besar2 pengiring masok minum teh makan pengarian bersama2 dengan sidang jema'ah. Sa-telah selesai minum maka Duli Yang Maha Mulia pun berangkat-lah balek ka-istana melalui khemah penghulu2.

Biar-lah aku mengulangi sa-mula mencheritakan peri keadaan adat isti'adat pertabalan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Ala'uddin Sulaiman Shah, ia-itu di-mulai pada hari Khamis 2 haribulan Sha'ban, tahun Hijrah 1321, bersamaan dengan 22 haribulan Oktober tahun Maschi 1903. Isti'adat itu di-mulai pada pukul 9.00 pagi dengan menjamu sakalian ra'ayat negeri bangsa Melayu, dan pada pukul 2.00 petang di-tembakkan meriam sa-das, ia-itu memberi alamat supaya orang masok berhimpun ka-dalam istana mengambil tempat masing2 mengikut taraf-nya.

Maka sakalian perempuan pun naik-lah ka-atas balai pancha persada dengan memakai tudong kepala puteh. Mereka itu di-ator oleh dua orang perempuan penghulu istana. Di-hadapan pancha persada itu berbaris askar2 bangsa Shik bersama2 dengan pasukan pancharagam Kerajaan, dan ahli2 dari pasukan polis berkawal menjaga keamanan orang ramai. Sa-lain dari mereka yang ku-sebutkan itu, di-atas tanah berhampiran dengan tingkat bawah di-keliling pancha persada itu di-ator 16 orang membawa lembing memakai baju setin kuning berseluar puteh, berkain chorak hitam, bersetangan kepala batek tanah puteh bunga hitam, 16 orang membawa benderang,⁶⁹⁾ berseluar puteh, berkain chorak hitam, bersetangan kepala merah; mereka ini di-ator selang satu dengan orang2 yang membawa lembing di-keliling balai pancha persada itu; 8 orang menyandang pedang berchabut⁷⁰⁾ berdiri di-hadapan pancha persada memakai baju kuning,

69) tombak berambu.

70) pedang yang terhunus.

berseluar puteh, berkain chorak hitam bersetangan batek chorak hitam; 8 orang membawa payong kuning berator kiri kanan jalan di-antara istana dengan pancha persada; mereka ini berpakaian seluar dan baju puteh, berkain Bugis chorak hitam, bersetangan chorak hitam serta memakai tetempan; 7 orang memukul nobat di-hadapan seri pancha persada. Sa-batel ayer langir, satu lepas2an, dua helai kain basahan, dua bejana ayer persiraman, satu batel ayer bedak dan empat buah ambor2.

Isti'adat Bersiram Tabal

Pada pukul 3.30 petang tatkala Raja hendak berangkat kepancha persada maka Bentara Kiri pun berseru-lah akan angkatan Raja berjalan. Angkatan itu terdiri dari dua orang membawa tombak berchanggah, sa-orang membawa tombak Sang Buana;⁷¹⁾ enam belas orang perempuan membawa lilin berpakaian baju tekua⁷²⁾—warna biru tangan kecil, berkain batek Jawa berchorak hitam memakai selampai tersimpai di-bahu; delapan orang perempuan biduan memakai baju tekua warna hitam pendek dan tangan-nya kecil serta berkain chorak hitam; enam belas orang perempuan membawa kain dukong memakai baju tekua warna samar pendek tangan kecil, berkain batek Jawa chorak merah. Tiga orang perempuan, sa-orang membawa kain tudong kepala, sa-orang membawa puan dan sa-orang membawa ketor, ketiga2-nya memakai baju laboh tangan kecil dengan memakai tetempan wali tersimpai di-baju-nya. Dua orang laki2 membawa keris panjang, sa-orang membawa chepu⁷³⁾ memakai baju sekak warna merah, berseluar panjang warna hitam, berkain Bugis chorak ungu, bersetangan Bugis serta memakai tetempan wali. Maka berjalanlah sakalian orang2 yang membawa segala alat2 isti'adat yang tersebut itu.

Apabila Raja suami isteri sampai di-pintu istana luar, maka nobar pun di-bunyikan lagu “Arak-arakan”, dan askar2 memberi hormat mengangkat senapang, bagitu juga pancharagam Kerajaan pun berbunyi dan meriam pun di-tembakkan 17 das.

71) merupai saperti jogan ya'ani tombak Kerajaan yang mata-nya emas dan batang-nya terhias dengan emas.

72) badan-nya sempit, biasa-nya lengan-nya lapang dan pendek.

73) kotak tempat mengisi barang2.

Maka apakala sampai di-pancha persada nobat pun di-bunyikan lagu "Iskandar", ia-itu menantikan supaya terator orang2 semuanya. Maka masing2 pun dudok-lah di-tempat yang telah sedia di-atorkan, sakalian-nya mengadap kapada Raja.

Ada pun Raja suami isteri bersemayam di atas pancha persada itu ia-lah di atas peterana dengan 14 orang perempuan yang tua2 dari kerabat Diraja yang akan menyiramkan. Apakala sudah siap terator segala-nya itu maka Bentara Kiri pun berseru akan Raja Haji Bot minta bawa naik kerabat Diraja yang tua2. Maka Raja Haji Bot pun datang-lah membawa Raja Laut dengan laku menjunjong duli, kemudian daripada itu Raja Laut pun menepok tepong tawar. Sa-telah selesai ia pun turun-lah bersama2 dengan Raja Haji Bot, kemudian di-bawa pula oleh Raja Haji Bot akan Raja Abdul Rahman, lepas itu Raja Mahmud bin Sultan Muhammad, kedua-nya pun membuat demikian juga serta menepok tepong tawar. Ketiga2 orang anak raja ini-lah sahaja yang menepong tawar di atas pancha persada; lepas itu tirai pun dilabohkan kerana akan bersiram.

Pukul 3.45 di-mulai-lah menyiramkan Raja suami isteri. Maka nobat pun di-bunyikan lagu "Palu-palu" sa-hingga sampai selesai bersiram itu. Apakala sudah selesai bersiram dan sudah siap memakai pakaian maka Bentara Kiri pun berseru akan Raja Haji Bot supaya datang membawa Kadhi Besar akan membucha do'a selamat. Maka masing2 pun bertadah tangan mengaminkan. Sa-telah selesai do'a itu maka Bentara Kiri berseru pula mengatakan Raja hendak berangkat ka-istana. Maka sakalian jawatan dan pengiring2 angkatan ka-pancha persada itu pun bersedia, masing2 mengikut atoran datang tadi, sa-jurus lamanya tirai pun terbuka dan kelihatan-lah wajah Yang Maha Mulia sudah sempurna bersiram.

Pukul 4.15 Ka-bawah Duli suami isteri berangkat turun dari pancha persada. Apabila sampai sahaja Yang Maha Mulia pada tingkat yang kedua maka nobat pun di-bunyikan lagu "Arakan". Pancharagam Kerajaan pun berbunyi, askar2 memberi hormat dan meriam di-tembak sa-banyak 17 das.

Itti'adat Kemabkotaan

Maka apakala sampai ka-istana Duli Yang Maha Mulia pun berangkat naik ka-atas, lalu ka-majlis besar kerana bersalin

pakaian, ia-itu memakai jubah Kerajaan. Sakalian jawatan dan pengiring2 itu berator di-balairong di-sabelah kiri kanan singgahsana. Ada pun balairong itu semua-nya di-hiasi dengan kekuningan ia-itu mengikut sa-bagaimana isti'adat Kerajaan Melayu. Di-bawah ini aku terangkan isti'adat majlis di-balairong itu:

Di-sabelah kiri kanan singgahsana itu berlapan orang membawa kain dukong. Di-belakang itu pula, ia-itu di-sabelah kiri singgahsana itu berlapan orang membawa dian berkelopak. Di-belakang itu berlapan orang biduan, berempat sebelah-menyebelah. Tiga orang perempuan dudok berhampiran dengan singgahsana di-sabelah kiri Tengku Ampuan waktu baginda itu bersemayam di atas singgahsana. Sa-lain dari itu ada sa-orang menjawat puan, sa-orang menjawat ketor dan sa-orang menjawat ternang.

Di-sabelah kiri singgahsana itu berator sakalian anak2 raja — perempuan ia-itu pengiring2 Tengku Ampuan, dan di-hadapan Tuanku waktu bersemayam di atas singgahsana ada dua orang jawatan laki2, sa-orang membawa pedang dan sa-orang lagi membawa selpa.⁷⁴⁾ Sakalian anak2 raja yang laki2 serta orang baik2, ketua2 dan pegawai2 shara⁴ semua-nya dudok bersila di-hadapan singgahsana mengadap kapada Raja mengikut adat Melayu.

Ada pun Tuan Resident Jeneral dengan Tuan Pemangku Resident Selangor, dudok di atas kerusi di-sabelah kanan singgahsana pada waktu raja bersemayam, di-belakang Tuan2 Resident itu sakalian mem2 Orang Puteh dudok berbaris di atas kerusi. Sakalian Orang2 Puteh jemputan dudok berhadapan singgahsana di atas kerusi, ia-itu di-belakang orang2 yang mengadap dudok bersila itu, saudagar2 bangsa China, India dan lain2 dudok di atas kerusi di-belakang Orang2 Puteh itu.

Apabila sudah siap terator semua-nya, waktu pukul 4.45 Bentara Kiri pun berseru memberitahu bahawa Raja akan berangkat keluar ka-majlis balairong, sa-jurus lagi maka Raja suami isteri pun sampai-lah, lalu bersemayam di atas singgahsana. Nobat pun di-bunyikan lagu "Ibrahim Khalil'ullah", sa-ketika

74) kotak berbentuk bulat di-perbuat daripada emas atau perak tempat isi sireh, pinang, gambir dan tembakau.

lama-nya nobat pun berhenti. Maka tampil-lah pula Raja Laut menjunjong duli sambil berdatang sembah: "Patek sakalian ahlu'l-hal⁷⁵⁾ mempersembahkan mahkota kerajaan."

Kemudian daripada itu maka Dato' Penggawa Tua berserta Dato' Maharaja Lela pun datang-lah dengan menantang dua buah dalam keemasan yang terletak di-dalamnya dua buah mahkota. Tatkala itu maka Bentara Kiri pun menyeru nama Raja Haji Bot sambil mengatakan "Titah di-panggil!" Maka Raja Haji Bot pun tampil mengadap dengan laku menjunjong duli, dan Raja Laut pun berkata, "Sila terima mahkota yang di-bawa oleh Dato' Penggawa itu, sembahkan sa-bagaimana tertib-nya."

Maka Raja Haji Bot pun mengangkat tangan serta melakukan peratoran memakaikan mahkota itu, ia-itu di-angkatkan bulang ulu⁷⁶⁾ yang di-pakai di atas ulu Tuanku sambil menyebut, "Dengan berkat nama Allah." Lalu di-letakkan-nya bulang ulu itu di atas dalam mahkota yang di-bawa oleh Dato' Penggawa itu. Kemudian di-angkat-nya pula mahkota yang ada itu lalu di-letakan-nya di-atas ulu Tuanku sambil menyebut "Dengan berkat nama Allah."

Apabila terletak sahaja mahkota itu di-atas ulu Tuanku, maka Tuan Resident Jeneral pun bangun berdiri memberi hormat, meriam di-tembak 17 das, askar memberi hormat dengan mengangkat senapang, demikian juga sakalian ahli2 jemputan dari bangsa asing semua-nya bangun memberi hormat. Nobat pun di-bunyikan lagu "Ibrahim Khalil'ullah", dan pancharagam Kerajaan berbunyi lagu selamat. Kemudian daripada itu di-angkat-lah oleh Raja Haji Bot mahkota yang di-bawa oleh Dato' Maharaja Lela itu di-letakkan pula di-atas ulu Tengku Ampuan sambil menyebut, "Dengan berkat nama Allah." Apabila selesai meletakkan mahkota itu maka Raja Haji Bot pun bertelut menjunjong duli lalu kembali dudok di-tempat-nya yang sedia.

Kemudian Bentara Kiri menyeru pula akan nama Raja Mahmud bin Sultan Muhammad, maka Raja Mahmud pun berdiri seraya berkata, "Patek sakalian ahlu'l-hal telah mendhahirkan bagi Duli Yang Maha Mulia-lah takhta kerajaan negeri

75) Ahlu'l-halli wal'aqdi — golongan orang2 yang terkemuka dan bertanggong-jawab dalam sa-sabuah negeri berhak melantek atau memechat pemerintah.

76) destar ikat kepala.


Selangor dan segala ta'alok jajahan-nya, Tuanku-lah yang berdaulat!" Maka berseru-lah sakalian orang "Daulat Tuanku! Daulat Tuanku! Daulat Tuanku!!!" Maka nafiri pun di-tiupkan mengikut tiap2 kali seruan "Daulat Tuanku" itu.

Sa-sudah itu nobat pun di-bunyikan lagu "Ibrahim Khalil-ullah", sa-jurus kemudian nobat pun berhenti. Maka Bentara Kiri pun menyeru pula akan nama Dato' Penggawa Tua, lepas itu nama Dato' Shah Bandar dan kemudian nama Orang Kaya Kechil. Maka ketiga2-nya pun tampil sa-orang lepas sa-orang mengangkat sembah dengan melakukan chara menjunjong duli, dan orang2 banyak sakalian-nya mengangkat sembah juga, tetapi dari jauh sahaja. Sa-telah itu Bentara Kiri menyeru pula akan nama Kadhi supaya membacha do'a selamat, dan masing2 pun bertadah tangan menyambut "Amin!".

Apabila selesai membacha do'a itu maka Tuan Resident Jeneral pula tampil memberi selamat akan Raja suami isteri, berjabat tangan, kemudian dari itu tampil pula Tuan Pemangku Resident memberi selamat akan Raja suami isteri. Pada pukul 5.20 petang maka Duli Yang Maha Mulia pun berangkat naik ka-atas majlis besar dan selesai-lah pekerjaan tabal itu ada-nya.

Isti'adat Mengurnia Gelaran

Pada 15 haribulan Sha'ban bersamaan dengan 6 haribulan November telah di-adakan pula isti'adat "Mengurnia Gelaran". Pada pukul 4.00 petang itu berhimpun-lah sakalian anak2 raja dan orang besar2 serta sakalian penghulu2 mukim dan anak2 buah masing2 di-majlis balairong istana, dan sa-telah berhimpun-lah sakalian-nya maka berkata-lah Bentara Kiri: "Dengar! Sakalian tuan2 yang ada hadhir di-dalam majlis ini, bahawa se-gala gelaran yang di-nyatakan ini ia-lah dengan titah Duli Tuanku, ia-itu yang pertama-nya, nama Tengku Ampuan ini di-namakan "Tengku Ampuan Paduka Seri" — yang kedua-nya putera yang sulong Duli Tuanku, ia-itu Raja Musa Uddin di-panggil dengan nama "Tengku Mahkota" yang ketiga-nya, sakalian putera2 Tuanku yang laki2 di-panggil "Tengku Putera" — dan sakalian puteri2 Tuanku di-panggil "Tengku Puteri", kemudian di-sebutkan-lah nama tuboh-nya. Yang keempat-nya, istana yang ada ini di-namakan "Istana Mahkota".



Wan Muhammad Salleh bin Wan Muhammad Amin menggantikan jawatan Allahyarham ayahnya memegang jawatan Dato' Amar Diraja, Penghulu Itti'adat Selangor.

Sa-telah selesai mengishtiharkan gelaran nama2 itu maka Raja Hitam bin Raja Ja'afar, Pasangan, Kuala Selangor pun membacha do'a selamat, dan sakalian orang2 yang hadhir bertadah tangan menyerukan "Amin!" Demikian-lah selesai-nya isti'adat itu, ada-nya.

Masa aku membuat peratoran pekerjaan tabal ini ia-lah tatkala aku menyandang jawatan Dato' Bentara Kiri dalam tahun 1916 dan menjunjong kurnia gelaran Dato' Amar Diraja Penghulu Isti'adat Selangor.

Pada 7 haribulan Shawwal tahun Hijrah 1349 bersamaan dengan 24hb. Februari tahun 1931, hari Selasa, pukul 2.05 petang berlaku-lah kehendak Allah ka-atas ham-ba-nya, ia-itu Wan Muhammad Amin bin Wan Muhammad Sa'id, Dato' Amar Diraja Penghulu Isti'adat, Selangor, kembali ka-rahmatul'llahi Ta'ala. Di-kuborkan waktu pukul 3.00 petang besok-nya di-tanah wakaf Simpang Lima, Kelang.

